

*Menelusuri
Nilai Pendidikan
Dalam Surah*
MARYAM
منلوسوري نيلاي فنديديقن دالم سورة المريم

DR. MOHAMAD MARZUKI
ABDUL RAHIM

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK



*Menelusuri
Nilai Pendidikan
Dalam Suci*
MARYAM
منلوسوري نيلاي فنديديفن دالر سورة المريم

Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Mufti Negeri Perak.

Reka Cipta Oleh:



E Masa Kreatif
emasacreatif@yahoo.com

Diterbitkan oleh

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak

Isi Kandungan

Muqaddimah	1
Al-Quran Mukjizat Agung dari Allah SWT	6
Kisah Nabi Zakaria : Rintihan Seorang Hamba (Ayat 2 - 11).....	10
Kisah Nabi Yahya - Ciri Anak Soleh (12 - 15).....	39
Kisah Maryam - Pendidikan Anak Perempuan (Ayat 16 - 21).....	51
Kelahiran Nabi Isa (Ayat 21 - 25).....	68
Kisah Maryam Menghadapi Fitnah dengan Tabah (Ayat 26 - 29).....	79
Dialog Nabi Isa- Kehambaan Dan Mukjizat (Ayat 30 - 38)	91
Bersedia Untuk hari Penyesalan (Ayat-39 - 40).....	114
Kisah Nabi Ibrahim Berdakwah Melawan Syirik (Ayat 41- 50).....	119
Kisah Nabi Musa - Dakwah Secara Kolektif (ayat 51 - 53)	148
Kisah Nabi Ismail: Benar dengan Janji (Ayat 54 - 55)	156
Kisah Nabi Idris Pencinta Ilmu (Ayat 56 - 57)	165

Para Anbiya' dan Orang Soleh Sujud dan Menangis Kepada Allah SWT (Ayat 58).....	169
Umat Pasca Zaman Anbiya' dan Solihin (Ayat 59)	175
Taubat : Balasan Syurga Penuh Nikmat (Ayat 60 - 63)	179
Wahyu Adalah Urusan Tuhan Tanpa Campur Tangan Makhluk (Ayat 64).....	192
Allah Tuhan Yang Esa (Ayat 65).....	196
Manusia Derhaka Kepada Allah Tidak Percaya Hari Kebangkitan (Ayat 66-68)	201
Ketua Penderhaka Terlebih Dahulu Dibakar Dalam Neraka (Ayat 69 - 70).....	209
Setiap Manusia akan Merentas Titian Sirat (Ayat 71 - 72)	214
Kesilapan Orang Kafir Menilai Orang Mukmin (Ayat 73- 76).....	220
Angan-Angan Musyrikin Akan hidup Senang di Akhirat (Ayat 77-80)	231
Nasib Penyembah Berhala dan Syaitan di Akhirat (Ayat 81-84).....	240
Muttaqin diraikan Pendosa dihina (Ayat 85-87)	251

Pendustaan Musyrikin Bahawa Allah Memiliki Anak (Ayat 88-89).....	258
Langit, Bumi dan Bukit Takutkan Allah SWT (Ayat 90 - 92).....	261
Setiap MakhluK Akan Menghadap Allah SWT di Akhirat Bersendirian (Ayat 93 - 95).....	268
Kecintaan Para Mukmin dan Kebinasaan Para Pendosa (Ayat 96-98)	273
Penutup.....	282
Rujukan.....	285

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kata Aluan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ، الَّذِي حَبَّأَنَا بِالْإِيمَانِ وَالْيَقِينِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ الطَّيِّبِينَ، وَأَصْحَابِهِ الْأَخْيَارِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua buku “MENELUSURI NILAI PENDIDIKAN DALAM SURAH MARYAM” ini berjaya diterbitkan dengan jayanya. Adalah diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umat Islam. Buku ini memperincikan tafsiran surah Maryam dengan menerapkan nilai-nilai pendidikan yang terkandung di dalamnya untuk memberikan kefahaman yang jelas kepada masyarakat Islam.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan kepada YBhg SF YBhg Prof Madya Dr Mohamad Marzuki Bin Abdul Rahim selaku Pensyarah Kanan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim yang sudi menukulkan sebuah tinta yang penuh dengan



Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

manfaat ini untuk dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat umum khususnya rakyat Negeri Perak.

Buku ini diharapkan dapat dimanfaatkan untuk memberikan pengajaran yang cukup penting kepada masyarakat Islam untuk dijadikan panduan dalam kehidupan serta dapat menambah khazanah pengetahuan agama Islam dalam kehidupan mereka. Semoga usaha ini diberkati Allah S.W.T

Jabatan Mufti Negeri Perak

Muqaddimah

Nama Maryam telah diabadikan oleh Allah SWT melalui sebuah surah dalam al-Quran. Susuk tubuh ini sudah tentu sangat istimewa sehingga dinamakan sebagai sebuah surah. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT untuk umat akhir zaman penuh dengan kisah-kisah yang benar. Antara kisah tersebut ialah kisah seorang wanita solehah yang bernama Maryam. Solehahnya Maryam kerana reda dengan ketentuan Allah dalam melahirkan seorang bayi lelaki, iaitu Isa al-Masih tanpa ayah. Maryam merupakan lambang wanita terhormat yang sentiasa menjaga kehormatan dan kesucian diri. Hidup Maryam hanya ditumpukan semata-mata mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Kisah perjuangan Maryam dalam menghadapi umpat keji dan kata-kata nista umat ketika itu, amat menduga kesabaran Maryam agar mampu menahan diri daripada membalas kata-kata jahat dari kaumnya, Hal ini dijalani dengan penuh kesabaran semata-mata kerana menurut perintah Allah SWT. Selain kisah Maryam, surah ini turut memuatkan kisah nabi-nabi pilihan Allah SWT.



Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Antaranya ialah Nabi Zakaria, Nabi Yahya, Nabi Isa, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Ismail dan Nabi Idris alaihissalam. Setiap daripada kisah para nabi mempunyai nilai pendidikan yang amat berharga kepada seluruh umat manusia. Kisah-kisah ini perlu dijadikan panduan, iktibar dan pembangkit semangat dalam melayari kehidupan di dunia ini.

Selain itu dalam surah Maryam ini, Allah SWT turut menjelaskan watak-watak penentang agama Allah SWT. Tingkah laku mereka penuh dengan kebejatan akhlak. Puak Yahudi umpamanya sering menabur fitnah dan menolak kebenaran yang dibawa oleh Nabi Isa. Mereka menuduh Maryam sebagai perempuan jahat, sedangkan mereka sendiri tahu dan amat pasti tentang keluhuran budi dan akhlak Maryam. Mereka turut menyangkal mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Isa ibnu Maryam. Sebahagiannya telah kufur dan menentang Nabi Isa. Ada yang tersesat apabila menganggap Nabi Isa sebagai Tuhan atau anak Tuhan. Begitulah mesej yang hendak disampaikan dalam al-Quran melalui surah Maryam ini. Mesejnya berkaitan nilai pendidikan, iaitu kewajipan mentauhidkan Allah SWT yang sangat signifikan dengan keabsahan tujuan hidup manusia.



Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sebenarnya terlalu banyak nilai pendidikan yang dapat dipetik dalam surah Maryam ini. Penulis cuba mengajak para pembaca yang budiman untuk meneliti ayat demi ayat yang berjumlah 98 ayat kesemuanya. Setelah meneliti makna ayat, akan kita dapati bahawa banyak nilai pendidikan yang boleh diambil untuk dijadikan panduan kehidupan seharian. Sebagai contohnya, dalam ayat pertama surah ini Allah SWT mahu kita menginsafi bahawa al-Quran ini datang daripada Allah yang Maha Bijaksana dan Maha luas Ilmu Pengetahuan. Allah berfirman dengan hanya lima huruf bahasa Arab yang digabungkan dalam satu perkataan. Namun begitu, keterbatasan akal manusia tidak mampu untuk menterjemahkannya hatta oleh ahli linguistik bahasa Arab sendiri. Hal ini jelas membuktikan bahawa Al-Quran ini datang dari Pencipta Yang Maha Agung. Buku ini merupakan hasil daripada program “Menelusuri Surah Maryam” sepanjang bulan Ramadan 1443H yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setelah selesai program tersebut, yang disampaikan secara dalam talian melalui pelantar Facebook, ayahanda penulis iaitu Tuan Hj Abdul Rahim Abu Bakar dan beberapa sahabat mencadangkan supaya perkongsian ilmu tersebut dibukukan. Penulis menyambut baik cadangan tersebut demi menyemarakkan kefahaman al-Quran kepada masyarakat.

Al-Quran diperlukan oleh segenap masyarakat tidak terhad hanya kepada orang Islam sahaja. Mutiara al-Quran amat berharga kepada yang mencari petunjuk yang benar. Hidayah al-Quran membawa kepada kehidupan yang baik di muka bumi dan akhirnya selamat di akhirat. Manusia seharusnya menjalani kehidupan seperti yang dituntut dan dikehendaki oleh Allah SWT, bukan dengan jalan hidup tanpa pedoman dan haluan. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia berbeza dengan haiwan yang diciptakan oleh Allah SWT kerana manusia dikurniakan akal yang boleh memahami bukti dan petunjuk daripada Allah SWT khususnya di dalam Al-Quran.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh yang demikian semua kisah yang didatangkan di dalam al-Quran adalah benar dan unik. Tidak ada satu pun yang sama atau terjadi secara kebetulan. Mungkin kita merasakan sesetengah cerita seakan-akan sama, namun hakikatnya jika direnung secara mendalam ia membawa kepada makna yang berbeza. Surah Maryam ini membawa kepada kisah-kisah benar para Anbiya' dan solihin untuk diteladani oleh umat sepanjang zaman. Semoga kita dapat mengambil iktibar dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai pendidikan daripada setiap ayat di dalam surah ini.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Al-Quran Mukjizat Agung dari Allah SWT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

كَهَيِّصَ

Kaaf, Haa, Yaa, Ain, Saad

Surah Maryam dimulakan dengan *huruf-huruf moqattah* seperti sebahagian surah-surah yang lain. Para mufassirin cenderung untuk menyerahkan maknanya kepada Allah SWT. (Hamka, 2005; Al-Zuhaily, 2007). Hal ini bagi membuktikan bahawa al-Quran ini bukan merupakan perkataan atau ayat yang dihasilkan oleh makhluk. Huruf-huruf yang digunakan untuk membentuk perkataan di awal surah Maryam ini, tidak mampu diterjemahkan oleh pakar-pakar Bahasa serta cendekiawan Arab. Tiada dalam sejarah bahasa Arab perkataan ini dituturkan oleh bangsa Arab. Oleh itu, ia membuktikan al-Quran merupakan mukjizat yang jelas datang daripada Allah SWT. Selain itu lima huruf yang membentuk ayat pertama surah Maryam ini dikatakan sebagai satu cetusan untuk menarik perhatian qari untuk meneruskan bacaan ayat-ayat selepasnya.



Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ini memberi daya tarikan bahawa ada mesej penting yang hendak disampaikan oleh Allah SWT di dalam ayat berikutnya (Al-Zuhaily, 2007).

Kaedah membaca huruf-huruf ini juga memerlukan pembaca mengikut kaedah yang diterima oleh Rasulullah SAW pada saat ayat ini diwahyukan. Jika kita perhatikan huruf kaf itu ada tanda panjang. Begitu juga huruf Ain dan shod ada tanda panjang. Selain itu, ada tanda Mad yang melintang di atas ketiga-tiga huruf tersebut. Tanda ini adalah sebagai isyarat wajib untuk dibaca dengan kadar panjang 6 harakat yang disebut sebagai *mad lazim harfi*. Apakah hikmah dibaca dengan panjang dan kenapa tidak boleh dibaca dengan pendek? Hal ini jelas menunjukkan bahawa pembacaan al-Quran ini kita wajib menuruti bacaan Rasulullah SAW. Bacaan Baginda ini diturunkan dan disampaikan melalui Malaikat Jibril. Setiap ayat diperintahkan oleh Allah SWT akan dibawa turun oleh Jibril a.s lengkap dengan kaedah dan cara bacaannya seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ini menunjukkan bahawa penjagaan hukum tajwid sebenarnya berkait rapat dengan cara bacaan Rasulullah. Cara bacaan Rasulullah ketika melafazkan ayat-ayat al-Quran al-karim ini perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya (Al-Shabuni, 1998).

Ayat pertama sahaja sudah membuktikan bahawa Al-Quran ini datangnya daripada Allah SWT bagi mereka yang mencari hidayah Allah SWT. Manakala golongan yang tidak mahu menerima al-Quran, mereka menentang dan melakukan pembohongan bahawa al-Quran itu direka oleh Nabi.

Sebenarnya golongan ini telah tersesat jauh. Mereka yang berfikiran waras akan menghujahkan adakah ayat-ayat yang mulia ini dicipta oleh manusia sedangkan tiada seorang pun bangsa Arab yang dapat menjelaskan makna huruf-huruf potong ini dengan tepat dan sahih. Maka Allah mencabar manusia, sekiranya mereka terlalu pakar dan hebat dalam bahasa Arab, iaitu bahasa mereka sendiri maka ciptakan lah ayat-ayat yang serupa seperti ayat-ayat al-Quran yang penuh ketakjuban dan memiliki banyak hikmah (Shihab, 2003).



Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang kita boleh jadikan panduan daripada ayat ini ialah kita ialah makhluk lemah yang wajib mengikut panduan yang diwahyukan oleh Allah SWT. Hal ini supaya kita selamat di dunia dan sejahtera di akhirat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kisah Nabi Zakaria : Rintihan Seorang Hamba (Ayat 2 - 11)

ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا

(Ini ialah) perihal limpahan rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad), kepada hambaNya Zakaria

Seterusnya Allah SWT membawa kita kepada kisah rahmat Allah. Dalam ayat yang kedua ini Allah mengingatkan kita tentang rahmat dan kasih sayang Allah yang telah dilimpahkan kepada hamba-Nya Nabi Zakaria. Allah menyatakan **limpahan rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad)** yang menciptakan, menyusun serta mengatur alam ini dengan begitu sempurna sehingga kasih sayang itu dizahirkan ke atas hamba-hambanya. Apabila Allah SWT menyayangi seseorang maka disebut pangkat tersebut dengan panggilan “hamba”. Apakah buktinya?

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Jika kita merujuk di dalam surah al-Isra', Allah telah membawa Nabi Muhammad SAW dalam Israk dan Mikraj. Di dalam ayat tersebut Allah menyatakan **Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad)** dengan perkataan عبده yaitu hambaNya bukan menjalankan nabiNya. Peristiwa besar ini membuktikan Allah amat kasih kepada hambaNya Muhammad SAW sehingga di bawa berjalan daripada Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa sebagaimana firman Allah Taala :

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ
إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ
آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٠١﴾

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hamba sifatnya akan sentiasa merendah diri dengan Allah SWT. Dadanya sentiasa dipenuhi dengan keimanan keyakinan dengan kekuasaan Allah SWT. Inilah antara ciri yang ada pada para anbiya, iaitu sifat kehambaan yang tertanam kuat di dalam diri para nabi termasuklah Nabi Zakaria. Siapakah Nabi Zakaria? Nabi Zakaria ini merupakan utusan Allah kepada Bani Israel. Nabi Zakaria ini pernah menjadi penjaga yang memelihara keselamatan Maryam, iaitu ibu Nabi Isa Alaihissalam. Nabi Zakaria juga merupakan bapa saudara kepada Maryam.

Allah SWT memuji sifat kehambaan Nabi Zakaria yang tetap teguh bersabar walaupun tidak dikurniakan anak sehingga beliau dan isterinya lanjut usia. Dikatakan umur Nabi Zakaria telah melepasi 100 tahun. Manakala isteri baginda dikatakan sudah menghampiri 100 tahun. Umur kedua-duanya tidak memungkinkan untuk mendapatkan anak. Nabi Zakaria pula sepanjang hidupnya sememangnya belum dikurniakan zuriat dan hanya beristeri seorang sahaja (Al-Zuhaily, 2007).

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Semua pasangan yang telah lama hidup sudah pasti sangat menginginkan kepada zuriat yang dapat menghiburkan mereka. Begitu juga dengan Nabi Zakaria 100 tahun hidup tanpa anak. Begitu juga disebutkan isteri Nabi Zakaria adalah *a'qir* (mandul) iaitu tidak boleh melahirkan anak. Bagaimanakah kedua-dua pasangan yang telah lanjut usia yang isterinya juga mandul tidak memungkinkan mereka untuk mendapatkan anak. Logiknya, akal manusia sudah tentu menyatakan adalah mustahil pada usia sedemikian rupa untuk mendapat anak. Namun begitu, kerana kasih sayang dan kudrat Allah SWT telah mengatasi segala keadaan mustahil ini.

Allah gambarkan peristiwa ini dalam surah Maryam dengan bukti rahmat dan kasih sayang-Nya yang sentiasa dilimpahi kepada hamba-Nya. Sedar atau tidak kita sebenarnya hidup di muka bumi ini juga penuh dengan rahmat Allah SWT. Setiap saat kita menghirup udara Allah SWT merupakan salah satu rahmat Allah kepada diri kita. Kita dapat makan dan minum juga merupakan rahmat daripada Allah SWT. Selain itu, kita dapat bercakap, beribadat, dipanjangkan umur dalam ketaatan dan segala kebaikan merupakan rahmat daripada Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh itu, selayaknya kita membalas tanda kasih sayang Allah dengan mempertingkatkan rasa kehambaan dalam mentaati perintah-perintah Allah Taala dan meninggalkan apa-apa yang dilarang-Nya.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang harus kita semai dalam diri kita ialah merasakan rahmat dan kasih sayang Allah SWT terlalu luas kepada para hambaNya.

إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَنِدَاءً خَفِيًّا

(Ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya dengan doa permohonan secara perlahan

Dalam ayat ini Allah SWT mempamerkan kehebatan hamba-Nya Nabi Zakaria, ketika baginda merintih kepada Allah sebagai Tuhannya yang menciptanya. Nabi Zakaria merayu kepada Allah SWT dalam doanya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Doa baginda digambarkan dengan suara yang perlahan tetapi penuh dengan pengharapan dan kesungguhan. Ini merupakan adab sopan seorang hamba apatah lagi seorang Nabi ketika meminta kepada Tuhan-Nya (Hamka, 2005) Pengharapan baginda ditujukan kepada Allah SWT tanpa ada perasaan ingin menunjuk-nunjuk dan tidak mengeraskan suaranya. Oleh itu, kita dapat ambil iktibar di sini bahawa dalam perkara melakukan ibadat, terutamanya ibadat *khususiah* tidak perlulah kita menunjuk-nunjuk kepada orang lain. Kita tidak perlu war-war kan kepada orang bagi menunjukkan kitalah yang banyak beribadat. Perbuatan menunjuk-nunjuk dalam ibadat sebenarnya boleh merosakkan nilai ibadat tersebut kerana disulami dengan perasaan riyak.

Ayat ini juga memberi pemahaman untuk menunjukkan bahawa Nabi Zakaria merintih kepada Allah dalam keadaan yang sembunyi-sembunyi atau dengan suara yang perlahan. Hal ini disebabkan Nabi Zakaria tidak mahu kaumnya yang jahat, iaitu Bani Israel melemparkan fitnah dan tohmahan kononnya Baginda sudah hilang akal kerana meminta sesuatu yang tidak mungkin berlaku.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Secara kesimpulannya, ayat ini menjelaskan Nabi Zakaria mahu mengelakkan fitnah daripada kaumnya maka diucapkan doa dengan suara yang perlahan di samping mengelakkan riyak dalam beribadah.

Seorang hamba seharusnya hanya merayu dan merintih kepada yang Allah yang Maha kuat, yang Maha Memberi dan Maha Mendengar. Oleh itu, kita tidak perlu menceritakan doa dan perbuatan ibadat kita kepada orang lain. Dalam hal ini Nabi Zakaria penuh yakin bahawa Allah SWT sentiasa mendengar permohonan hamba-Nya. Suara rintihan dengan nada perlahan ini diyakini sampai kepada Allah SWT kerana sifat-Nya yang Maha Mendengar.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang patut kita tanam dalam diri kita ialah bebaskan diri kita daripada sifat riyak dalam beribadah. Selain itu tanamkan keyakinan serta bersungguh-sungguhlah dalam memohon apa-apa sahaja hajat kita kepada Allah SWT.

قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاسْتَعَلَ الرَّأْسُ
شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا ﴿٤١﴾

la merayu dengan berkata : “Wahai Tuhanku! Sesungguhnya telah lemah lah tulang-tulangku, dan telah putih melepaklah uban kepalku; dan aku - wahai Tuhanku- tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonan ku kepadaMu

Ayat seterusnya menceritakan doa Nabi Zakaria yang merayu dan merintah kepada Allah SWT. Baginda amat yakin bahawa Allah SWT boleh mengurniakan apa-apa sahaja sekiranya dikehendaki oleh Allah. Demikian juga Nabi Zakaria sendiri pernah melihat peristiwa luar biasa yang telah terjadi kepada Maryam. Beliau telah dikurniakan hidangan makanan tanpa ada sesiapa pun menyiapkannya. Oleh itu, keajaiban ini menimbulkan keyakinan kepada Nabi Zakaria bahawa Allah yang Maha Mengasihani akan mengurniakan permintaan hamba-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Antara permohonan Nabi Zakaria itu adalah untuk mendapatkan anak walaupun dia tahu pada peringkat usia yang lanjut dia tidak mungkin akan mendapat zuriat. Tambahan pula, isterinya juga telah lanjut usia dan mandul. Ini merupakan satu perkara yang mustahil bagi akal fikiran manusia. Namun begitu, atas keyakinan yang tinggi Baginda tetap memanjatkan rintihan dan rayuannya kepada Allah SWT (Al-Zuhaily, 2007).

Nabi Zakaria memulakan permohonannya kepada Allah SWT yang disebutkannya dalam ayat yang ke-4 : **“Wahai Tuhanku! Sesungguhnya telah lemahlah tulang-tulangku”**. Manusia apabila sampai satu peringkat umur, maka akan lemah tubuh badan, susah untuk bergerak dan sakit sendi di sana sini. Ini satu kelaziman yang berlaku kepada mereka yang sudah mencapai usia tua. Kadang-kadang lemah tubuh badan ini tidak semestinya berlaku pada usia 100 tahun, malah pada usia 40 tahun sudah terasa sakit dan lemah di sana sini.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ayat ini menunjukkan bahawa Nabi Zakaria tahu bahawa Baginda telahpun berada pada usia yang tua. Antara tandanya ialah sendi-sendinya sudah tidak kuat dan tulang-temulangnya sudah mula lemah. Nabi Zakaria turut mengakui dalam rintihan doanya bahawa “**telah putih melepaklah uban kepalaku**”. Ini juga adalah sebagai tanda-tanda penuaan yang diucapkan dengan penuh kesedaran oleh Nabi Zakaria. Tanda-tanda penuaan ini sengaja Allah SWT jadikan kepada kita sebagai isyarat bahawa telah pun hampir sampai ke penamat episod kehidupan di dunia ini untuk menuju ke alam lain, iaitu alam barzakh.

Baginda turut menyedari bahawa baginda seorang hamba yang lemah. Maka doa yang dipohon adalah dengan mengaku kelemahan diri. Oleh itu rayuan dan rintihan ini dilakukan dalam keadaan merendahkan diri kepada Allah SWT. Pengakuan lemah dan rendah diri ini menunjukkan Baginda sangat memerlukan kepada Tuhan yang Maha Kuat yang boleh menunaikan apa-apa sahaja hajat yang dikehendaki-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kelemahan diri ini tidak sekali-kali membawa kepada sikap cuai, bosan, hampa serta putus asa untuk berdoa kepada Allah. Maka Nabi Zakaria menyatakan sekalipun baginda lemah dan telah tua, namun begitu: ***aku - wahai Tuhanku - tidak pernah merasa hampa dengan doa permohonanku kepada-Mu.*** Nabi Zakaria berikrar baginda tidak sekali-kali akan meninggalkan permohonan kepada Allah walaupun usia baginda telah mencapai 100 tahun. Sebaliknya, Baginda tetap akan berdoa dan beribadah kepada-Nya.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu dalam mengharungi kehidupan ini kita perlu merendah dan mengakui kelemahan diri kita sebagai hamba Allah SWT. Teruskanlah berdoa dan beribadah tanpa jemu dan putus asa kepada Allah SWT seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Zakaria dalam ayat ini.

وَإِنِّي خِفْتُ الْمَوَالِيَ مِنْ وَرَائِي وَكَانَتِ
أُمْرَأَتِي عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا ۝

Dan sesungguhnya aku merasa bimbang akan kecuiaan kaum kerabatku menyempurnakan tugas-tugas agama sepeninggalanku; dan isteriku pula adalah seorang yang mandul; oleh itu, kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki

Dalam ayat ke-5 Nabi Zakaria menyatakan kerisauan apabila baginda menemui ajalnya, maka tidak ada pengganti yang dapat membela agama Allah SWT. Hal ini diungkapkan melalui doa Baginda yang bermaksud : ***“Dan sesungguhnya aku merasa bimbang akan kecuiaan kaum kerabatku menyempurnakan tugas-tugas agama sepeninggalanku”***. Baginda diselubungi perasaan bimbang terhadap masa hadapan agama yang suci. Nabi Zakaria tidak hanya memikirkan kepentingan dirinya tetapi memikirkan kelangsungan kerja-kerja dakwah dalam membela dan mengangkat agama Allah SWT sekiranya tiada zuriat penyambung generasi (Hamka, 2005).

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Baginda juga menyatakan kebimbangan kerana mereka suami isteri telah lanjut usia, ditambah pula dengan faktor kemandulan isteri Baginda. Hal ini menambahkan lagi kebimbangan Baginda terhadap kelangsungan kerja-kerja dakwah. Dalam masa yang sama, Baginda juga tidak menyalahkan isterinya kerana pemberian zuriat merupakan anugerah daripada Allah SWT. Baginda mohon kepada Allah SWT dengan ungkapan : ***“Wahai Allah Taala kurniakanlah daku dari sisi-Mu seorang anak lelaki”***. Inilah harapan seorang hamba kepada Tuhan yang Maha Mengurniakan, iaitu turut dinyatakan bahawa permohonan tersebut merupakan kurniaan seorang anak lelaki pemimpin umat yang khusus daripada Allah SWT (Hamka, 2005).

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah nilai pengharapan kepada Allah SWT. Kita perlu meletakkan keutamaan dan kepentingan agama dalam memohon dan mengharap kepada Allah SWT. Setiap pemberian Allah SWT merupakan anugerah yang tidak ternilai kepada seorang hamba.

يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنْ آلِ يَعْقُوبَ ۖ وَاجْعَلْهُ رَبِّي
رَضِيًّا ﴿٦﴾

Yang layak mewarisi daku, juga mewarisi keluarga Nabi Yaakub; dan jadikanlah dia - wahai Tuhanku seorang yang diredhai serta disukai"

Kesungguhan doa Nabi Zakaria ini dalam mengharapakan zuriat agar dapat dijadikan warisnya dan waris keluarga Nabi Yaakub. Warisan yang dimaksudkan di sini bukanlah bermaksud harta benda tetapi mewarisi sifat-sifat baik, amal soleh serta ilmu pengetahuan yang dapat digunakan bagi membela agama Allah. Ayat ini turut menyatakan secara jelas bahawa keluarga Yaakub bermaksud keturunan Bani Israel yang juga merupakan keturunan Nabi Zakaria. Keturunan ini dipilih oleh Allah SWT sehingga ramai dalam kalangan mereka diangkat menjadi nabi yang meneruskan perjuangan membela agama Allah SWT di muka bumi ini. Hal ini turut menunjukkan bahawa Nabi Zakaria amat mementingkan kehormatan dan kemuliaan serta maruah keturunan agar sentiasa berada dalam acuan yang telah ditetapkan oleh Allah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Zakaria turut menyatakan harapannya agar Allah SWT mengurniakan zuriat tersebut sebagai seorang yang diredai oleh Allah serta manusia diterima oleh di sekelilingnya. Ini menunjukkan Nabi Zakaria sentiasa mengharapakan yang terbaik daripada Allah SWT. Nabi Zakaria mengharapakan agar keturunan yang bakal dikurniakan oleh Allah SWT ini dapat meneruskan atau mewarisi perkara-perkara baik serta berpegang kuat pada agama Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu dalam ayat ini nilai pendidikan yang dapat kita terapkan ialah kita hendaklah sentiasa menjaga maruah dan kehormatan keluarga serta mendoakan agar dikurniakan keturunan yang baik lagi diredai oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat.

يَزَكِّرِيَا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ أَصْمُومٍ وَيَحْيَى لَمْ
نَجْعَلْ لَهُ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا ﴿٥٠﴾

***(Nabi Zakaria diseru setelah dikabulkan doanya):
"Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberikan khabar yang menggembirakan dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya, yang kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorang pun yang senama dengannya"***

Allah SWT sekali-kali tidak pernah menghampakan permohonan hamba-Nya. Dalam ayat ini Allah SWT terus memberikan khabar gembira kepada Nabi Zakaria. Firman Allah yang bermaksud : ***"Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberikan khabar yang menggembirakan dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya"***. Apakah yang lebih menggembirakan hati seorang hamba apabila harapannya dikabulkan oleh Allah SWT. Tambahan pula, Allah SWT telah menyatakan bahawa zuriat yang dipohon oleh Nabi Zakaria itu telah pun ditentukan namanya sebagai Yahya (Al-Zuhaily, 2007). Dalam konteks ayat ini Allah SWT telah mengurniakan sesuatu yang amat istimewa kepada Nabi Zakaria.

Sebahagian daripada khabar-khabar gembira yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada para nabi ialah permohonan hamba terhadap Allah sentiasa di dalam perhatian Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Namun begitu, hamba yang cepat berputus asa mungkin tidak menyadari bahawa doa mereka telah dikabulkan oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk. Dalam kisah ini Nabi Zakaria diberikan lebih daripada permintaannya, iaitu Allah SWT telah menentukan nama anak tersebut sebagai Yahya. Nama ini belum dikenali oleh manusia sebelum daripada itu. Ini dijelaskan oleh firman Allah dalam ayat ini yang bermaksud *yang kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorang pun yang senama dengannya*. Hal ini menunjukkan Nabi Yahya ini merupakan anugerah khusus Allah SWT kepada Nabi Zakaria dan isterinya.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan dalam ayat ini ialah kita perlu yakin bahawa Allah akan mengurniakan setiap permohonan kita kepada-Nya. Oleh, itu, janganlah kita berputus asa daripada terus-terusan berdoa dan memohon kepada Allah atas apa-apa jua hajat dan permintaan.

قَالَ رَبِّ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَكَانَتِ
أُمْرَأَتِي عَاقِرًا وَقَدْ بَلَغْتُ مِنَ الْكِبَرِ عِتِيًّا ﴿٨﴾

Nabi Zakaria bertanya: "Wahai Tuhanku! Bagaimanakah caranya aku akan beroleh seorang anak, sedang isteriku adalah seorang yang mandul dan aku sendiri pula telah sampai had umur yang setua-tuanya?"

Khabar gembira yang disampaikan kepada Nabi Zakaria ini sangat mengujakan baginda. Lantas Nabi Zakaria dengan penuh rasa kagum akan kehebatan Allah SWT menyatakan **Wahai Tuhanku! Bagaimanakah caranya aku akan beroleh seorang anak, sedang isteriku adalah seorang yang mandul dan aku sendiri pula telah sampai had umur yang setua-tuanya.** Keseronokan menerima khabar gembira ini menyebabkan Nabi Zakaria berasa teramat kagum dengan kuasa Allah SWT. Dalam keadaan dirinya yang sudah tua dan isterinya yang mandul Baginda berasakan mustahil untuk memungkinkan mereka untuk menimbang cahaya mata. Perkara ini adalah mustahil di sisi manusia tetapi tidak mustahil di sisi Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ayat ini bukanlah menunjukkan Nabi Zakaria tidak percaya kepada apa-apa yang dikhabarkan oleh Allah SWT. Bagi manusia ini merupakan satu perkara luar biasa.

Nabi Zakaria merasa takjub dengan kehebatan Allah SWT kerana Allah mengurniakan Baginda anak walaupun Baginda merasa terhalang untuk memiliki anak disebabkan ketuaannya dan isterinya yang mandul. Ayat ini menggambarkan bahawa Nabi Zakaria inginkan kepastian tentang zuriat yang bakal dikurniakan kepada mereka berdua adakah melalui proses lain daripada proses kelahiran manusia biasa. Mengikut kebiasaannya manusia dilahirkan daripada cantuman benih lelaki dan perempuan, maka Baginda ingin mengetahui adakah Nabi Yahya nanti dianugerahkan melalui proses yang lain daripada kebiasaan. Situasi umur Baginda yang telah tua serta isterinya yang mandul tidak memungkinkan pada akal manusia untuk lahirnya seorang anak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Persoalan yang mungkin timbul dalam diri Nabi Zakaria ialah adakah Nabi Yahya akan diciptakan terus seperti nabi Adam atau bagaimana? Ini menunjukkan Nabi Zakaria merupakan seorang yang menggunakan aras pemikiran yang tinggi dalam mendapatkan keyakinan terhadap sesuatu perkara. Persoalan yang diungkapkan oleh Nabi Zakaria sekali-kali tidak menafikan kekuasaan Allah SWT, tetapi lebih kepada rasa keterujaan serta semangat ingin tahu daripada akal manusia yang dibekalkan oleh Allah SWT. Jika tidak, tak akan mungkin Allah SWT memuji Nabi Zakaria dengan gelaran seorang hamba. Hamba yang baik sentiasa menggunakan akal fikirannya untuk mengukuhkan keyakinannya kepada qudrat Allah.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah penggunaan akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT perlulah dimaksimumkan dalam mencari kebenaran. Namun begitu, kita harus akur dengan ketentuan dan kudrat Allah SWT dalam menentukan qada dan qadar kehidupan.

قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّبٌ وَقَدْ
خَلَقْتُكَ مِنْ قَبْلُ وَلَمْ تَكُ شَيْئًا ﴿٩﴾

Penyeru itu menjawab: Demikian keadaannya - janganlah dihairankan; Tuhanmu berfirman; "Hal itu mudah bagiKu kerana sesungguhnya Aku telah menciptakanmu dahulu, sedang engkau pada masa itu belum ada sebarang apapun".

Dalam ayat ini Allah SWT memberikan satu jawapan yang begitu jelas dan menenangkan terhadap persoalan Nabi Zakaria. Jawapannya ialah *demikianlah keadaannya* yang bermaksud sesuatu yang difikirkan pada logik akal manusia mustahil, tetapi oleh sebab perkara ini berlaku dengan kehendak Pencipta yang Maha Agung, maka tidak ada yang dapat menghalangnya. Kata Allah SWT lagi perbuatan menciptakan seorang bayi bukanlah sesuatu yang sukar kepada Allah SWT.

Perkara ini disebutkan dalam ayat ini yang bermaksud **hal itu mudah bagiku**, iaitu menciptakan sesuatu daripada tiada kepada ada adalah sesuatu yang sangat mudah bagi Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Manusia mungkin memandang perkara ini sebagai mustahil atau sukar kerana kelemahan diri yang ada pada mereka, namun bagi Allah SWT yang Maha Sempurna, Maha Berkehendak dan Maha Berkuasa, tidak menjadi sukar bagi Allah untuk mencipta sesuatu yang baharu.

Allah SWT mengajak Nabi Zakaria dan manusia yang membaca al-Quran ini memerhatikan kehebatan ciptaan Allah SWT sehinggakan firman Allah SWT, diri kamu juga diciptakan oleh Aku. Tidak ada kesusahan bagi Allah untuk menciptakan tubuh badan manusia yang sempurna ini maka Allah SWT berkuasa untuk menciptakan sesuatu penciptaan yang baharu. Sebab itu sekiranya kita meneliti dan melihat penciptaan diri kita, maka kita akan dapati sudah terbukti keagungan dan tanda kebesaran Allah SWT yang begitu sempurna.

Allah SWT menegaskan dalam ayat ini jika kita ingin melihat manusia yang menyangka bahawa penciptaan makhluk baharu perlu melalui proses-proses yang diterima akal maka lihatlah diri sendiri. Siapakah yang menciptakan kita yang pada awalnya belum ada?

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh itu jawapan daripada Allah SWT ini memberitahu kepada kita bahawasanya kudrat Allah SWT mengatasi segala sesuatu sehinggakan banyak perkara yang manusia serba lemah ini tidak mengetahuinya.

Nilai Pendidikan:

Aplikasi nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah kita perlu yakin bahawa setiap sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT adalah tertakluk kepada kudrat Allah SWT sepenuhnya.

قَالَ رَبِّ اجْعَلْ لِي آيَةً قَالَ آيَتُكَ إِلَّا
تُكَلِّمُ النَّاسَ ثَلَاثَ لَيَالٍ سَوِيًّا ﴿١٠﴾

Nabi Zakaria merayu lagi : "Wahai Tuhanku! Jadikanlah satu tanda bagiku (yang menunjukkan isteriku mengandung)", Allah Taala berfirman : "Tandamu itu ialah engkau tidak akan dapat berkata-kata dengan orang ramai selama tiga malam, sedang engkau dalam keadaan sihat"

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Zakaria terus teruja untuk berinteraksi dengan Allah SWT untuk mengetahui tanda-tanda yang menunjukkan Nabi Yahya akan dilahirkan. Lalu Nabi Zakaria berdoa, ***wahai Tuhanku jadikanlah Satu Tanda bagiku yang menunjukkan isteriku mengandung.*** Kenapakah Nabi Zakaria meminta petanda ini daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala? Disebutkan bahawa isteri baginda yang sudah lanjut usia itu sudah pun putus daripada haid.

Kebiasaannya seorang wanita yang mengandung akan berhenti sementara daripada kitaran haid. Hal ini tidak berlaku kepada isteri baginda kerana faktor umur yang telahpun melepasi waktu haid. Oleh itu, sekiranya isteri baginda mengandung tanda yang lazimnya berlaku kepada wanita-wanita lain, iaitu berhenti sementara kitaran haid tidak dapat dikesan. Maka petanda lain diperlukan bagi menunjukkan Nabi Yahya sudah mula dikandung oleh isteri Baginda.

Allah SWT mengabulkan permintaan Nabi Zakaria ini. Lalu Allah SWT dengan rahmat-nya memberikan tanda lain kepada Nabi Zakaria yang boleh menunjukkan bahawa isterinya telahpun hamil.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Maka Allah SWT memberitahu tandanya ialah berlaku kepada Nabi Zakaria sendiri, iaitu *engkau tidak akan dapat berkata-kata dengan orang ramai selama tiga malam sedangkan engkau dalam keadaan sihat*. Nabi Zakaria walaupun sudah tua tetapi masih lagi boleh berdakwah dan membimbing umat Bani Israel ke jalan yang benar.

Namun begitu, Allah SWT memberi tahu apabila sampai masa isteri Baginda hamil akan Nabi Yahya, maka Allah SWT menghentikan seketika kebolehan bercakap-cakap walaupun Nabi Zakaria tidak sakit dan dalam keadaan sihat walafiat. Tanda ini menunjukkan kebesaran Allah SWT dan sebagai khabar gembira yang dapat meyakinkan lagi Nabi Zakaria dengan kedatangan Nabi Yahya di dalam rahim isterinya.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan daripada ayat ini ialah manusia sentiasa memerlukan kepada tanda dan petunjuk daripada Allah SWT yang membuktikan kebenaran kepada sesuatu. Oleh hal yang demikian, hargailah tanda dan petunjuk yang dikurniakan oleh Allah SWT daripada al-Quran dan ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah.

فَخَرَجَ عَلَى قَوْمِهِ مِنَ الْمِحْرَابِ فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ أَن
سَبِّحُوا بُكْرَةً وَعَشِيًّا ﴿١١﴾

Maka dia pun keluar mendapatkan kaumnya dari Mihrab (tempat sembahyangnya), lalu ia memberi isyarat kepada mereka : "Hendaklah kamu bertasbih (mengerjakan ibadat kepada Allah) pagi dan petang"

Kegembiraan terhadap kurniaan Allah SWT telah dizahirkan oleh Nabi Zakaria dengan memperbanyakkan tasbih kepada Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Baginda turut mengajak kaumnya untuk turut bertasbih dengan meningkatkan amal ibadat kepada Allah SWT pada pagi dan petang. Nabi Zakaria merasakan bahawa kurniaan Allah SWT ini bukanlah hanya kepada dirinya semata-mata.

Kelebihan ini perlu dikongsi bersama-sama dengan kaumnya, iaitu kaum Bani Israel. Maka Allah SWT menceritakan di dalam ayat ini ***maka dia pun keluar mendapatkan kaumnya dari Mihrab iaitu tempat sembahyang nya.*** Mihrab ialah tempat melakukan ibadat. Hal ini menunjukkan bahawa Nabi Zakaria seorang ahli ibadat. Doa dan permohonan yang dilakukan bukanlah semata-mata untuk mendapatkan Nabi Yahya sahaja. Benarlah yang diucapkan sebelum daripada ini di dalam ayat yang ke-4 bahawa Baginda tidak sekali-kali berputus asa dalam melakukan ibadat kepada Allah SWT. Baginda keluar daripada mihrab, iaitu tempat baginda beribadat adalah untuk memaklumkan kepada kaumnya sesuatu khabar gembira yang perlu dikongsi bersama.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Bagaimanakah khabar gembira ini diraikan? Sebagai seorang nabi, baginda mengajak kaumnya untuk bertasbih kepada Allah SWT pagi dan petang dan terus beribadat kepada Allah SWT. Sebelum daripada ini pada ayat 10 menyatakan bahawa Baginda akan terhalang daripada kebolehan bercakap selama tiga malam sebagai tanda bahawa Nabi Yahya telah ada di dalam rahim isterinya. Kekangan ini tidak menghalang Nabi Zakaria daripada terus berdakwah kepada kaumnya.

Di samping menyampaikan berita gembira kepada kaumnya, Baginda meraikan kurniaan Allah ini dengan mengajak mereka bertasbih kepadaNya melalui bahasa isyarat sebagai tanda syukur seorang hamba kepada penciptanya. Tidak ada daya untuk membalas kebaikan Allah dan segala kurniaannya melainkan dengan bersungguh-sungguh memuji dan mempertingkatkan kehambaan kita kepada Allah. Inilah contoh baik yang telah ditunjukkan oleh Nabi Zakaria a.s.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Ayat ini mengisyaratkan kepada kita dapat satu nilai pendidikan yang hebat, yaitu kerja dakwah mengajak manusia ke jalan Allah perlu diteruskan dalam apa-apa keadaan sekalipun sebagai tanda kesyukuran kita kepada kurniaan Allah.

Kisah Nabi Yahya - Ciri Anak Soleh (12 - 15)

يٰٓيَحْيٰى خُذِ الْكِتٰبَ بِقُوَّةٍ وَّءَاتَيْنٰهُ الْحِكْمَ
صَبِيًّا ﴿١٢﴾

"Wahai Yahya, terimalah Kitab itu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh! Dan Kami berikan kepadanya Hikmat kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak

Setelah Allah SWT memberikan khabar gembira kepada Nabi Zakaria akan kelahiran Nabi Yahya A.S maka lahirlah Nabi Yahya pada tempoh yang telah dijanjikan. Menariknya ialah doa Nabi Zakaria bagi mendapatkan seorang anak yang suci dan soleh غلاما زكيا benar-benar dikabulkan oleh Allah SWT. Buktinya sejak dilahirkan Allah SWT telah melantik Nabi Yahya sebagai Nabi. Nabi Yahya merupakan salah seorang Nabi yang dilantik pada umur kanak-kanak selain daripada Nabi Isa A.S. Inilah yang Allah maksudkan dengan perkataan صَبِيًّا iaitu kanak-kanak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Bermula dengan ayat 12 ini maka Allah SWT menceritakan dengan jelas kisah Nabi Yahya. Apabila sampai umur Nabi Yahya boleh memahami perkataan orang lain, maka Allah telah berseru kepadanya untuk menerima al-Kitab. Seruan yang dimaksudkan ini merupakan tanda keNabian Yahya.

Firman Allah SWT yang bermaksud : *“Wahai Yahya terimalah kitab ini dan amalkannya bersungguh-sungguh”*. Bermaksud Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Yahya untuk berpegang teguh kepada isi kandungan yang ada di dalam kitab Taurat. Ini sebabkan selepas daripada Nabi Musa A.S, tiada kitab baru yang diturunkan oleh Allah SWT kecuali kitab Taurat. Para Anbiya A.S selepas daripada itu berpegang kepada ajaran yang terkandung di dalam kitab Taurat. Kisah ini amat menarik kerana seorang kanak-kanak sudah diperintahkan oleh Allah SWT untuk mendalami serta mengamalkan isi kandungan kitab Taurat. Dikatakan bahawa umur Nabi Yahya ketika itu ialah 7 tahun (Al-Zuhaily, 2007).

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Zaman kanak-kanak yang dilalui oleh Nabi Yahya A.S jauh berbeza dengan kanak-kanak yang lain. Baginda sudah mula ditaklifkan oleh Allah SWT untuk berpegang kuat kepada *al-kitab*, iaitu kitab Taurat. Ini merupakan satu kemuliaan dan kelebihan yang dikurniakan Oleh Allah SWT kepada Nabi Yahya.

Kemudian Allah SWT menjelaskan lagi bahawasanya : *“kami telah mengurniakan kepadanya, iaitu Nabi Yahya dengan hikmah kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak”*. Bermaksud Allah SWT menganugerahkan kepada Nabi Yahya kefahaman, kebijaksanaan dan kekuatan untuk Baginda melaksanakan amalan agama serta kebaikan ketika umurnya masih kanak-kanak. Kata Imam al-Fakhru Razi hikmah di sini bermaksud kenabian, iaitu Nabi Yahya dilantik sebagai Nabi. Beliau cenderung memberi maksud hikmah merupakan kenabian adalah kerana dua sebab; pertama Allah SWT menyifatkan Nabi Yahya dengan sifat yang mulia dan kenabian itu adalah semulia-mulia sifat ke atas seorang manusia.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kedua, hikmah merupakan kebijaksanaan yang dimanfaatkan kepada orang lain dan hanya terjadi kepada Nabi yang dilantik oleh Allah SWT. Inilah kelebihan Nabi Yahya sejak kecil lagi sudah mendapat kemuliaan di sisi Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang ke-12 ini nilai pendidikan yang boleh dipraktikkan termasuklah menghargai dan memenuhi zaman-zaman kanak-kanak dengan ilmu dan kebijaksanaan, khususnya ilmu agama.

وَحَنَانًا مِّن لَّدُنَّا وَزَكَاةً ۖ وَكَانَ تَقِيًّا ﴿١٣﴾

dan (Kami mengurniakan) rahmat dari sisi Kami, serta kelebihan yang kembang manfaatnya; dan ia seorang yang bertaqwa

Allah SWT menjelaskan sifat lain yang dikurniakan kepada Nabi Yahya, iaitu sifat **Hanan** yang bermaksud sifat lemah lembut, kasih sayang dan toleransi yang tinggi yang dikurniakan kepada Nabi Yahya A.S.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dengan adanya sifat ini maka Nabi Yahya A.S dapat menzahirkan kasih sayangnya kepada orang di sekelilingnya. Kesan daripada itu maka orang di sekeliling Nabi Yahya turut menyayangi Baginda. Ini adalah satu lagi tanda Allah SWT telah mengabulkan doa Nabi Zakaria. Sebelum ini baginda memohon kepada Allah SWT seorang anak yang diredai, disukai oleh Allah SWT dan masyarakat sekeliling. Sifat *Hanan* ini merupakan sifat khusus yang Allah anugerahkan ke dalam tubuh Nabi Yahya a.s.

Selain daripada sifat *hanan*, Allah SWT mengurniakan sifat *zakah*, iaitu sentiasa menyebarkan kebaikan dan kebajikan. Ini bersesuaian dengan firman Allah "***Kami kurniakan kelebihan yang kembang manfaatnya***". Nabi Yahya seorang yang sentiasa cenderung untuk melakukan kebaikan dan kebajikan. Naluri dan tabiat yang telah ditentukan oleh Allah ini melengkapkan lagi sifat-sifat kemuliaan Nabi Yahya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sifat ketiga yang disebutkan oleh Allah SWT dalam ayat ini ialah sifat *taqwa*, iaitu sentiasa berhati-hati mematuhi semua perintah Allah SWT dan meninggalkan semua larangan-Nya. Jika kita perhatikan pada ayat sebelumnya, Allah SWT memerintahkan supaya Nabi Yahya berpegang kuat kepada ajaran kitab Taurat. Manakala dalam ayat ini Allah SWT menghiasi diri Nabi Yahya dengan sifat *taqwa* yang membolehkan Baginda untuk terus mentaati perintah Allah SWT walaupun baginda adalah seorang kanak-kanak.

Nilai Pendidikan:

Pemerhatian kita kepada ayat ini membolehkan kita mengambil nilai pendidikan yang sangat penting untuk diterapkan ke dalam diri seorang kanak-kanak. Nilainya termasuklah mempersiapkan mereka dengan sifat kasih sayang dan lemah lembut, sifat suka melakukan kebajikan serta sifat takwa. Berbahagialah ibu bapa dan masyarakat jika anak-anak dihiasi dengan tiga sifat mulia ini.

وَبِرًّا بِوَالِدَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ جَبَّارًا عَصِيًّا ﴿١٤﴾

Dan ia taat serta berbuat baik kepada ibu bapanya, dan ia pula tidak sombong angkuh atau derhaka

Setelah Allah SWT menjelaskan kepada kita tiga sifat mulia yang membentuk diri Nabi Yahya a.s maka Allah SWT menjelaskan dua sifat lagi yang dikurniakan kepadanya. Pertama, sentiasa berbuat taat dan baik kepada ibu bapa. Nabi Yahya A.S tidak sekali-kali menderhaka kepada ibu dan ayahnya. Baginda merupakan seorang anak yang begitu baik.

Walaupun berhadapan dengan ibu bapa yang telahpun lanjut usia, namun Nabi Yahya tidak sekali-kali melakukan perbuatan-perbuatan yang melukakan hati kedua ibu bapanya. Ini merupakan satu contoh yang hendak ditunjukkan oleh Allah SWT kepada kita bahawa berbuat baik kepada ibu bapa ialah tanggungjawab seorang anak, lebih-lebih lagi jika ibu bapa berusia lanjut.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sifat kedua yang disebutkan di dalam ayat ini ialah Nabi Yahya a.s bukan sahaja taat kepada kedua ibu bapanya, tetapi Baginda juga merupakan seorang yang tidak meninggikan diri terhadap orang di sekelilingnya. Baginda tidak berlaku sombong kepada masyarakat di sekelilingnya. Walaupun Baginda diberikan banyak kelebihan oleh Allah SWT, misalnya dilantik sebagai Nabi ketika umur kanak-kanak. Namun begitu, Baginda tidak sekali-kali sombong terhadap orang lain. Ilmu pengetahuan, kenabian dan kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT ini digunakan sepenuhnya untuk menyantuni orang lain sehingga baginda dapat berbuat baik kepada orang di sekelilingnya.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini jika kita perhatikan taat kepada ibu bapa serta tidak sombong kepada orang lain merupakan nilai pendidikan yang perlu diterapkan dalam kalangan anak-anak secara bersungguh-sungguh.

وَسَلَّمَ عَلَيْهِ يَوْمَ وُلِدَ وَيَوْمَ يَمُوتُ وَيَوْمَ يُبْعَثُ
حَيًّا ﴿١٥﴾

Dan (Kami limpahkan) kepadanya selamat sejahtera pada hari ia diperanakkan, dan pada hari ia mati, serta pada hari ia dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)

Setelah Allah menceritakan sifat-sifat baik anak kecil yang dilantik menjadi Nabi, iaitu Nabi Yahya maka Allah SWT menggambarkan keseluruhan episod kehidupan Nabi Yahya. Allah menyatakan dalam ayat ini ***dan kami limpahkan kepadanya selamat sejahtera*** dalam tiga keadaan; pertama pada hari ia diperanakkan. iaitu Nabi Yahya telah Allah takdirkan selamat daripada godaan dan gangguan syaitan ketika dilahirkan. Setiap bayi yang dilahirkan lazimnya diganggu oleh syaitan tetapi Nabi Yahya mendapat perlindungan Allah daripada gangguan syaitan. Ini menggambarkan bahawa Allah memuliakan Nabi Yahya dengan diselamatkan daripada godaan dan gangguan syaitan ketika kelahirannya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kedua Nabi Yahya juga ditakdirkan oleh Allah selamat daripada azab kubur ketika dimatikan. Fasa ini lebih penting berbanding daripada kehidupan dunia. Apabila dimasukkan ke dalam kubur keselamatan kita hanya dalam jaminan Allah. Allah telah mengurniakan kepada Nabi Yahya keselamatan ketika berada di alam kubur, iaitu satu kemuliaan yang sangat hebat yang dikurniakan oleh Allah.

Ketiga Nabi Yahya juga disebutkan di dalam ayat ini aman atau sejahtera daripada kegawatan pada hari akhirat. Hari akhirat yang Allah sendiri menyatakan bahawa pada hari tersebut begitu dahsyat dan gempar sehingga tidak ada yang terselamat daripadanya kecuali orang-orang yang diberikan keamanan seperti yang disebutkan dalam surah al-Naml ayat 87 yang bermaksud : *“Dan ingatlah hari ditiup sangkakala lalu terkejutlah gerun gementar makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi kecuali mereka yang dikehendaki Allah dan kesemuanya akan datang kepadanya dalam keadaan tunduk patuh”*.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setiap kita akan melalui hari kebangkitan untuk menyampaikan kita kepada kehidupan yang abadi dan kekal, iaitu alam akhirat. Namun begitu, proses perjalanan pada hari kebangkitan bukanlah sesuatu yang mudah. Berada di mahsyar sahaja sudah melalui tempoh yang sangat panjang. Barangsiapa yang selamat daripada kegawatan ini maka ia adalah orang-orang yang beruntung. Erti firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 185 yang bermaksud : *“tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya”*.

Nabi Yahya adalah salah seorang yang telah dijamin oleh Allah SWT selamat daripada kegawatan hari akhirat. Menurut Sufyan bin Uyainah tiga episod yang sangat penting dalam diri seseorang ialah; pertama pada hari dilahirkan maka ia menghadapi dunia dan fitnahnya, kedua hari dimatikan maka dia melihat berhadapan dengan sesuatu yang belum pernah dilihatnya iaitu alam kubur,

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ketiga ketika hari dibangkitkan maka dia menghadapi hari mahsyar yang begitu besar (Al-Zuhaily, 2007). Sebenarnya seluruh manusia mengharapkan mereka selamat dan diberikan kesejahteraan kepada ketiga-tiga peristiwa penting ini.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu berpandukan ayat ini nilai pendidikan yang perlu kita tanamkan dalam diri kita khususnya anak-anak kita sentiasa beringat untuk memelihara keselamatan diri dari godaan syaitan, menyediakan diri dengan iman dan amal soleh supaya selamat di alam kubur serta diberikan keselamatan dan kesejahteraan dalam peristiwa yang sangat penting yang paling penting kepada manusia pada hari kebangkitan. Inilah makna kesejahteraan yang sebenar.

Kisah Maryam - Pendidikan Anak Perempuan (Ayat 16 - 21)

وَأذْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ انْتَبَذَتْ مِنْ أَهْلِهَا
مَكَانًا شَرْقِيًّا ﴿١٦﴾

Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab al-Quran ini perihal Maryam, ketika dia memencilkan diri dari keluarganya di sebuah tempat sebelah timur

Al-Quran merupakan sebuah kitab yang mukjizat. Kisah dan cerita yang diungkapkan di dalam al-Quran tersusun begitu rapi sehinggakan kronologi peristiwa yang berlaku kepada Maryam ada kaitannya dengan kisah Nabi Zakaria dan Nabi Yahya. Tidak ada yang dusta dan cacat dalam penceritaan al-Quran. Jika kita teliti sebelum ini kita mengetahui bahawa Nabi Zakaria tidak berputus asa dalam berdoa kepada Allah agar dikurniakan anak. Allah menjawab permohonan Nabi Zakaria dengan menganugerahkan Nabi Yahya iaitu seorang anak kecil yang penuh dengan sifat-sifat yang sangat mulia. Demikian juga Maryam adalah daripada keturunan yang baik hasil daripada doa ibunya Hannah (Al-Sya'rawi, 2015).

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ibu Maryam telah bernazar untuk diwakafkan Maryam berkhidmat dan beribadah kepada Allah SWT sepenuhnya di Baitul Maqdis.

Keajaiban yang berlaku kepada Nabi Zakaria turut berlaku kepada Maryam. Demikianlah urutan peristiwa yang bukan dirancang oleh manusia tetapi disusun oleh Allah SWT. Allah SWT mengajak kita untuk meneliti kisah Maryam dari firmanNya yang bermaksud ***“Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab al-Quran ini perihal Maryam”***. Dalam ayat ini Allah perintahkan untuk kita melihat kebijaksanaan-Nya dalam mengatur hidup seorang anak perempuan yang bernama Maryam. Beliau telah memperhambakan diri kepada Allah SWT dengan cara mengasingkan diri daripada ahli keluarganya. Maryam menempatkan diri di dalam suatu kawasan masjid untuk beribadah sepenuhnya kepada Allah SWT.

Ini lah yang Allah maksudkan dengan ***‘memencilkan diri daripada keluarganya di sebuah tempat di sebelah Timur’***. Pengorbanan anak perempuan kecil ini untuk berpisah daripada ibunya semata-mata untuk menumpukan ibadat kepada Allah

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

SWT adalah sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh anak-anak perempuan biasa yang lain. Oleh sebab itu Allah SWT menyatakan bahawa Maryam merupakan seorang perempuan istimewa yang dipilih oleh Allah SWT daripada perempuan-perempuan lain di muka bumi seperti firman Allah dalam surah al-imran ayat 42 yang bermaksud : ***“Dan (Ingatlah wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: “Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh keumuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam”.***

Nilai Pendidikan:

Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah pendidikan anak perempuan itu bermula daripada rahim lagi dengan mendoakan anak tersebut menjadi anak yang taat kepada Allah SWT dan dipelihara daripada godaan syaitan. Begitu juga berpisah daripada keluarga bagi tujuan menumpukan ibadat ketaatan kepada Allah SWT adalah suatu perbuatan yang murni.

فَاتَّخَذَتْ مِنْ دُونِهِمْ حِجَابًا فَأَرْسَلْنَا إِلَيْهَا رُوحَنَا
فَتَمَثَّلَ لَهَا بَشَرًا سَوِيًّا ﴿١٧﴾

Kemudian Maryam membuat dinding untuk melindungi dirinya dari mereka maka Kami hantarkan kepadanya: Roh dari kami lalu ia menyamar diri kepadanya sebagai seorang lelaki yang sempurna bentuk kejadiannya

Allah seterusnya memerihalkan tentang ketinggian budi dan kesucian jiwa Maryam dalam menjaga kehormatan diri. Dalam ayat ini Allah SWT menceritakan bagaimana Maryam bersungguh-sungguh melindungi kehormatan dirinya dari dilihat ataupun dicemari oleh lelaki yang bukan mahramnya. Firman Allah SWT yang bermaksud “***kemudian Maryam membuat dinding untuk melindungi dirinya dari mereka***”.

Hal ini menunjukkan usaha Maryam untuk meletakkan sesuatu yang menghalang dirinya daripada pandangan orang ramai. Ini untuk mengelakkan daripada orang ramai melihat keaiban dirinya atau dan penjagaan aurat sangat dititikberatkan oleh Maryam.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Di samping itu ayat ini juga membawa maksud bahawa dinding yang dibina ini menghalang daripada tumpuan gangguan orang ramai daripada tumpuan Maryam memperhambakan diri kepada Allah SWT.

Kemudian Allah SWT menyatakan : “***maka kami hantarkan kepadanya roh dari kami lalu ia menyamar dirinya kepadanya sebagai seorang lelaki yang sempurna kejadiannya.***” Ini adalah ujian yang didatangkan kepada Maryam bagi membuktikan beliau benar-benar seorang perempuan yang menjaga kehormatan dan kesucian diri. Allah SWT mengiriskan ***ruhana*** iaitu Malaikat Jibril yang menyamar sebagai seorang lelaki yang tampan masuk bertemu dengan Maryam. Sebelum daripada ini hijab atau dinding yang dibina oleh Maryam yang berupa bilik ibadatnya tidak pernah dimasuki orang lain ke dalamnya.

Hanya Nabi Zakaria yang diamanahkan untuk menjaga dan meninjau kemaslahatan Maryam apabila diperlukan. Namun begitu, Allah SWT telah mengutus Malaikat Jibril untuk membawa mesej kepada Maryam.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dikatakan bahawa penyamaran Jibril sebagai seorang lelaki yang tampan juga bertujuan untuk mengurangkan perasaan takut dan ganjil apabila bertemu dengan Jibril dalam rupa yang asal. Ini adalah kerana kejadian Jibril berbeza dengan kejadian manusia.

Manusia lebih senang untuk berkomunikasi dengan manusia lain yang sama unsur penciptaannya. Persoalannya mengapa lelaki? Hal ini merupakan satu ujian yang telah berjaya diatasi oleh Maryam yang membuktikan beliau tidak sekali-kali cepat untuk menggadaikan maruahnyanya pada mana-mana lelaki. (Tantawi, 1996)) Ayat seterusnya akan menjelaskan bagaimana reaksi Maryam apabila munculnya Jibril sebagai seorang lelaki yang tampan.

Nilai Pendidikan:

Oleh hal yang demikian nilai pendidikan yang dapat diterapkan di dalam diri anak-anak perempuan adalah maruah dan kehormatan diri haruslah menjadi benteng yang kuat dalam mengharungi ujian dan godaan hawa nafsu terutamanya daripada kaum lelaki. Anak-anak perempuan perlu mengelakkan diri daripada pergaulan bebas dengan lelaki demi menjaga kehormatan diri.

قَالَتْ إِنِّي أَعُوذُ بِالرَّحْمَنِ مِنْكَ إِنْ كُنْتَ تَقِيًّا

Maryam berkata : Sesungguhnya aku berlindung kepada (Allah) Ar-Rahman daripada (gangguan) mu kalaulah engkau seorang yang bertaqwa

Inilah bukti yang sangat jelas bahawa Maryam tidak mudah terpedaya dengan ketampanan lelaki. Maruah diri dijaga begitu rapi. Allah SWT mengungkapkan di dalam ayat ini yang bermaksud ***“Maryam berkata Sesungguhnya aku berlindung kepada Allah SWT sekiranya daripada gangguan mu kalaulah engkau orang yang bertaqwa”***.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Alangkah hebatnya pendirian seorang anak perempuan yang bukan sahaja ahli ibadat tetapi mengetahui bahawa kehormatan dirinya perlu dijaga. Walaupun Maryam sedang meningkat dewasa yang lazimnya mempunyai naluri kepada lelaki lain, namun dalam kisah ini Maryam sangat tegas dengan prinsipnya.

Kehormatan dirinya disandarkan kepada Allah SWT yang Maha Memelihara sekalian alam. Hal ini menunjukkan Maryam hanya berlindung dengan Allah yang Maha Kuat. Maryam turut mengingatkan lelaki tersebut untuk takut kepada Allah SWT. Maryam sebenarnya mengisyaratkan bahawa Allah SWT akan sentiasa melindungi hamba-Nya yang memohon bantuan daripada-Nya. Maryam tahu bahawa dirinya sedang berhadapan dengan seorang lelaki asing. Pelbagai kemungkinan boleh berlaku kerana tidak ada orang lain bersama mereka.

Namun begitu, oleh sebab keimanan yang tinggi kepada Allah SWT Maryam mengingatkan kepada lelaki asing itu (yang sebenarnya lelaki tersebut ialah Malaikat Jibril) bahawa dia berlindung dengan Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Beliau seolah-olah menyatakan bahawa kamu wahai lelaki sekiranya orang yang bertaqwa yang takut kepada Allah SWT maka kamu tidak akan melakukan perkara yang tidak baik kepada aku. Maryam percaya bahawa orang-orang yang bertakwa sentiasa merasakan bahawa Allah SWT mengawasi perbuatan dan tingkah laku mereka. Jelaslah bahawa bersandar kepada Allah SWT adalah sesuatu yang sangat diperlukan apabila kita berada dalam ujian yang berat dan dan dalam situasi yang kritikal.

Nilai Pendidikan:

Antara nilai pendidikan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan anak-anak perempuan kita ialah menolak godaan dalam pergaulan bebas semata-mata kerana takutkan Allah SWT. Orang yang bertakwa tidak akan tergamak melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

قَالَ إِنَّمَا أَنَا رَسُولُ رَبِّكِ لِأَهَبَ لَكِ غُلَامًا
زَكِيًّا ﴿١٩﴾

la berkata : "Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu, untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci"

Melihat keadaan Maryam yang risau dan curiga dengan kedatangan lelaki asing itu, maka Malaikat Jibril menjelaskan tujuan kedatangannya adalah atas perintah Allah SWT. Ini difirmankan oleh Allah SWT dalam ayat ini yang bermaksud ***"Sesungguhnya aku pesuruh Tuhanmu untuk menyebabkanmu dikurniakan seorang anak yang suci"***. Apabila Jibril A.S menjelaskan bahawa dia merupakan utusan Allah SWT. Kedatangannya kepada Maryam adalah untuk memberi khabar gembira kepada Maryam. Atas penjelasan ini, maka perasaan Maryam beransur-ansur tenang. Ini menunjukkan Maryam ini ialah wanita yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang perintah Allah SWT dan malaikat yang menjadi pesuruh-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hal ini ini kerana tidak mungkin sama sekali untuk malaikat sebagai makhluk Allah yang suci melakukan kemungkaran dan maksiat terhadap Allah SWT.

Malaikat tidak diutuskan melainkan atas perintah Allah SWT. Beliau berlindung daripada segala kejahatan makhluk kepada Tuhan Yang Maha Kuat. Oleh itu, sudah pasti Tuhan Yang Maha Kuat ini tidak akan mengutuskan sesuatu yang buruk kepada hamba-Nya. Ramai dalam kalangan wanita zaman sekarang cepat terpedaya dengan ketampanan dan kemewahan seseorang lelaki yang akhirnya menjerumuskan mereka kepada perkara-perkara yang merosakkan maruah diri. Hanya keyakinan kepada Allah SWT yang dapat menyelamatkan wanita daripada rosak akhlak dan maruah diri. Malaikat Jibril menjelaskan bahawa dia merupakan utusan yang ditugaskan oleh Allah SWT untuk memberi khabar gembira kepada Maryam, iaitu kurniaan seorang anak yang suci kepada Maryam. Oleh itu kedatangan Jibril jelas membawa kebaikan kepada Maryam.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah anak perempuan perlu ditanamkan dengan ilmu pengetahuan dan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT bagi mengelakkan mereka terjerumus atau terpedaya dengan hasutan dan godaan mana-mana lelaki.

قَالَتْ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ وَلَمْ
أَكُ بَغِيًّا

Maryam bertanya (dengan cemas): Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak lelaki, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun, dan aku pula bukan perempuan jahat?"

Setelah mendapat penjelasan daripada Malaikat Jibril, maka Maryam mula bertanya kepada Jibril. **"Maryam berkata Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak lelaki?** Kita sedia maklum bahawa Maryam menghabiskan usianya sejak dari kecil lagi hanya beribadat kepada Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Maryam mengasingkan dirinya daripada orang ramai termasuklah ahli keluarganya. Beliau hanya duduk tetap beribadat kepada Allah SWT di sebuah mihrab di Baitul Maqdis.

Persoalan yang timbul dalam diri Maryam ialah bagaimanakah dirinya yang bersendirian itu akan dikurniakan seorang anak? Hal ini menunjukkan bahawa Maryam seorang wanita yang mempunyai pemikiran yang tinggi. Beliau tidak semata-mata menerima apa-apa yang diucapkan oleh Malaikat Jibril bahawa Allah SWT akan mengurniakan seorang anak lelaki kepadanya.

Maryam terus mendapatkan penjelasan lagi apabila dia menyatakan bahawa dirinya tidak pernah disentuh oleh mana-mana lelaki. Beliau juga bukanlah seorang perempuan jahat yang melakukan zina. Ini juga menunjukkan bahawa Maryam mengetahui perhubungan antara lelaki dan perempuan sama ada secara sah ataupun dengan cara yang keji akhirnya akan melahirkan seorang manusia.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Walaupun Maryam duduk di biara khusus yang tidak bercampur dengan orang ramai, namun beliau bukanlah seorang wanita yang naif tidak tahu apa-apa tentang kesan hubungan antara lelaki dan perempuan. Kita boleh katakan bahawa Maryam ini seorang **abid** (ahli ibadat) yang alim. Seorang abid yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, maka tidak mudah terpedaya dengan syaitan. Maklum balas Maryam ini membuktikan bahawa beliau inginkan penjelasan tentang anak lelaki yang bakal dianugerahkan itu kepadanya. Apakah melalui proses perkahwinan ataupun proses-proses lain yang ditakdirkan oleh Allah SWT?

Nilai Pendidikan:

Aplikasi nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah seorang wanita hendaklah mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam terhadap agama bagi menjamin kemaslahatan dirinya di dunia dan di akhirat.

قَالَ كَذَلِكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيَّ هَيِّنٌ وَلِنَجْعَلَهُ
ءَايَةً لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِنَّا وَكَانَ أَمْرًا
مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

la menjawab: "Demikianlah keadaannya tak usahlah dihairankan; Tuhanmu berfirman: Hal itu mudah bagiKu; dan Kami hendak menjadikan pemberian anak itu sebagai satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami) untuk umat manusia dan sebagai satu rahmat dari Kami; dan hal itu adalah satu perkara yang telah ditetapkan berlakunya

Persoalan Maryam di dalam ayat ke-20 (ayat sebelumnya) dijawab oleh Malaikat Jibril. Kata Malaikat Jibril kepada Maryam "***demikianlah keadaannya tak usahlah dihairankan***". Maksudnya ialah Jibril menyampaikan kepada Maryam bahawa kelahiran Nabi Isa itu adalah sesuatu yang berlaku tanpa melalui proses biasa atau sebab-sebab perkahwinan. Malaikat Jibril terus meyakinkan Maryam bahawa "***Tuhanmu berfirman hal itu mudah bagiku***".

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Bermaksud walaupun anak yang dikurniakan itu nanti tidak melalui proses perhubungan antara lelaki dan perempuan seperti yang berlakunya pada manusia-manusia lain, tetapi proses ini amat mudah bagi Allah SWT. Malaikat Jibril menyambung lagi bahawasanya pemberian itu merupakan satu tanda atau bukti kekuasaan Allah SWT. Bermaksud Allah boleh menciptakan sesuatu termasuk manusia tanpa melalui proses biasa. Inilah kuasa mutlak Allah SWT. Allah berfirman dalam kalam-Nya yang suci bahawa kurniaan itu (Nabi Isa a.s) juga sebagai “**tanda Rahmat Kami**” atau kasih sayang Allah SWT.

Kemudian Allah SWT menyatakan bahawa kejadian Nabi Isa yang akan lahir tanpa bapa merupakan satu ketetapan yang sudah ditentukan oleh Allah. Maka dengan sebab itu tidak ada keganjilan atau sesuatu yang mustahil walaupun akal manusia tidak dapat memberi jawapan kepada yang jarang-jarang dilihat oleh mata manusia. Ini menunjukkan apabila Allah SWT telah menentukan sesuatu, tidak ada makhluk lain yang mampu menolaknya. Sekiranya Allah menghendaki seseorang itu dengan kebaikan, maka tidak ada makhluk yang boleh menghalang-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Begitu juga jika Allah SWT menghendaki keburukan ke atas seseorang, juga tidak ada seorangpun yang boleh menghalang-Nya. Dalam kisah ini kurniaan Allah SWT kepada Maryam dengan seorang anak lelaki, iaitu Nabi Isa A.S sudahpun ditentukan oleh Allah SWT dengan kudrat dan iradat-Nya yang Maha Berkuasa.

Nilai Pendidikan: Nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan daripada ayat ini ialah keajaiban boleh berlaku terhadap hamba-hamba yang dikasihi oleh Allah SWT dan tidak ada makhluk yang mampu menghalangnya.

Kelahiran Nabi Isa (Ayat 21 - 25)

﴿٢٢﴾ فَحَمَلَتْهُ فَانْتَبَذَتْ بِهِ مَكَانًا قَصِيًّا *

Maka Maryam hamil mengandung nya, lalu ia memencilkan diri dengan kandungannya itu ke sebuah tempat yang jauh

Setelah dijelaskan bahawa Maryam akan dikurniakan dengan seorang anak melalui proses yang luar biasa, iaitu Malaikat Jibril meniupkan terus roh Nabi Isa A.S ke dalam perut Maryam, maka beliau reda terhadap ketentuan Allah SWT. Maryam merasai sesuatu telah berada di dalam kandungannya. Dengan ini dijelaskan oleh Allah SWT "***maka hamillah Mariyam mengandungkannya***". Sudah tentu ini satu ujian yang amat berat kepada Maryam. Fitnah dan tuduhan daripada kalangan mereka yang jahat dan busuk hati akan diterimanya dengan reda kerana tidak ada orang yang mengetahui apa-apa yang dikhabarkan oleh Allah SWT tentang kurniaan Nabi Isa A.S kecuali Maryam sendiri. (Al-Zuhaily, 2007)

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh itu Maryam mengambil keputusan untuk membawa diri keluar daripada Baitul Maqdis menuju ke suatu tempat yang jauh. Jika tidak dengan kekuatan iman mengandungkan seorang anak tanpa bapa, sudah tentu menjadikan seorang wanita itu berada dalam keadaan serba salah. Keluarnya Maryam ke suatu tempat yang jauh disebabkan beliau mengetahui ada dalam kalangan Bani Israel ketika itu yang suka menabur fitnah tanpa usul periksa. Maka keputusan untuk pergi ke suatu tempat yang tidak dilihat oleh orang lain adalah untuk mengelakkan timbulnya fitnah. Suatu ujian dan dugaan yang amat berat ditanggung oleh Maryam (Hamka, 2005).

Nilai Pendidikan:

Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahawa mengelakkan diri daripada tersebarnya fitnah dalam masyarakat adalah lebih baik untuk kemaslahatan diri dan agama di dunia dan di akhirat.

فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ قَالَتْ
يَلَيْتَنِي مِتُّ قَبْلَ هَذَا وَكُنْتُ نَسِيًّا مَّوَسِيًّا ﴿٢٣﴾

(Ketika ia hendak bersalin) maka sakit beranak itu memaksanya (pergi bersandar) ke pangkal sebatang pohon tamar (kurma); ia berkata alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan menjadilah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang!

Apabila telah hamil maka sudah pasti akan melalui proses kelahiran. Perkara yang sama juga berlaku kepada Maryam. Kandungan yang dibawanya bersama ke tempat yang jauh itu akhirnya sampai masa untuk melahirkan. Proses melahirkan adalah proses yang dimulai dengan kesakitan. Allah SWT berfirman dalam ayat 23 ini “**maka sakit beranak itu memaksanya pergi bersandar ke pangkal sebatang pohon tamar**”. Sakit hendak bersalin berlaku pada kebanyakan wanita. Sebenarnya Ia adalah suatu rahmat daripada Allah SWT. Apabila seseorang wanita itu telah merasai sakit untuk bersalin, itu tandanya anak yang dikandung itu sudah bersedia untuk dilahirkan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Allah SWT turut menggambarkan kesusahan dan perjuangan seorang wanita untuk melahirkan seorang manusia. Dalam ayat ini Allah SWT menyatakan Maryam berpaut kepada sebatang pohon tamar. Dalam proses kelahiran, seorang wanita itu akan berpegang kepada sesuatu yang kuat. Begitulah besarnya pengorbanan seorang wanita dalam melahirkan zuriat. Oleh sebab itu Nabi SAW berpesan dalam melakukan kebajikan untuk mendahulukan ibu terlebih dahulu. (Al-Zuhaily, 2007)

Situasi cemas melahirkan Nabi Isa ini menyebabkan Maryam terkenangkan betapa beratnya ujian yang sedang dihadapinya. Maryam berkata ***“alangkah baiknya kalau aku mati sebelum ini dan menjadi lah aku sesuatu yang dilupakan orang dan tidak dikenang-kenang”***. Ini adalah disebabkan beliau tahu apabila lahirnya anak ini pasti akan ada manusia yang akan menuduh sesuatu yang buruk terhadap dirinya. Kelahiran Nabi Isa ini walaupun mengembirakan seorang ibu namun tidak semua orang yakin dan percaya kepada kudrat dan ketentuan Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Begitu juga kesakitan melahirkan ini mungkin menyebabkan Maryam mengatakan alangkah baiknya sekiranya dia dimatikan sebelum daripada itu. (Al-Zuhaily, 2007)

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah seorang wanita yang sanggup berkorban untuk melahirkan seorang anak, akan dibalas oleh Allah SWT dengan kebaikan dan syurga.

فَنَادَاهَا مِنْ تَحْتِهَا أَلَّا تَحْزَنِي قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ
سَرِيًّا ﴿٢٤﴾

Lalu ia diseru dari sebelah bawahnya:" Janganlah engkau berdukacita (wahai Maryam), sesungguhnya Tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ujian yang ditanggung oleh Maryam dan kesakitan yang dihadapi ketika melahirkan Nabi Isa sentiasa di dalam pemerhatian dan lindungan Allah SWT. Allah SWT yang Maha Pengasih tidak akan membiarkan hamba-Nya berada dalam keadaan yang kecewa. Maka, Allah SWT memerintahkan Malaikat Jibril menyeru dari bawah pohon tamar untuk menenangkan Maryam. Lalu Jibril berkata “***Janganlah engkau berdukacita wahai Maryam Sesungguhnya tuhanmu telah menjadikan di bawahmu sebatang anak sungai***”.

Manakala dalam riwayat yang lain ada sebahagian mufassirin menyatakan seruan dari bawah pohon tamar itu telah diucapkan oleh Nabi Isa. Ini adalah kerana Nabi Isa dikurniakan mukjizat dapat berkata-kata sejak daripada dilahirkan. Namun begitu, yang lebih tepat ialah seruan ini dilakukan oleh Malaikat Jibril (Al-Zuhaily, 2007). Perkara yang penting di sini ialah Maryam yang sedang bersendirian itu amat memerlukan kata-kata yang menenangkan ketika berhadapan dengan kesukaran untuk melahirkan seorang anak. Sehubungan dengan itu, perkataan Jibril ini sedikit sebanyak telah menenangkan jiwa Maryam.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Bukan setakat kata-kata yang menyenangkan, malah Allah SWT telah menjadikan sebatang anak sungai yang mengalir dari bawah pohon tamar tersebut. Kurniaan ini menunjukkan Allah SWT telah menyediakan sesuatu yang diperlukan oleh seorang ibu yang sedang dalam proses melahirkan seorang manusia. Air sungai tersebut boleh dijadikan alat untuk membersihkan setelah kelahiran selain menjadi minuman yang menyegarkan ibu yang telah melahirkan. Riwayat menyebutkan bahawa tempat jauh yang dituju oleh Maryam itu adalah suatu tempat yang begitu tandus. Hanya ada sebatang pohon kurma. Maka kewujudan anak sungai ini juga merupakan *karamah* daripada Allah SWT yang memberikan keselesaan kepada Maryam setelah melahirkan Nabi Isa A.S (Al-Zamakhsyari, 2010).

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah setiap wanita yang melahirkan seseorang manusia amat memerlukan kasih sayang dan kata-kata semangat daripada orang yang terdekat sebagai persediaan mental dan fizikal setelah melahirkan seseorang zuriat.

وَهَزِيءَ إِلَيْكَ بِجِدْعِ النَّخْلَةِ وَسَقِطَ عَلَيْكَ رُطْبًا
جَنِيًّا ﴿٢٥﴾

Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak

Apabila melahirkan Nabi Isa a.s maka tenaga dan kekuatan yang dikerah perlu diganti semula. Tubuh yang lemah memerlukan kepada sesuatu yang boleh mengembalikan kekuatan tersebut. Maka dalam ayat ini Allah SWT menjelaskan perintah kepada Maryam ***“dan gegarlah ke arahmu batang pohon kurma itu supaya gugur kepadamu buah-buah tamar yang masak”***.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Imam Zamakhsyari menyatakan bahawa hanya satu pohon tamar yang berada di tanah tandus tempat Nabi Isa dilahirkan, iaitu di tengah-tengah padang pasir. Sudah tentu pohon tamar itu ialah pohon terbiar yang tidak mempunyai buah.

Namun begitu, dengan kuasa Allah SWT pohon tamar tersebut dapat memberi manfaat kepada Maryam yang sedang dalam proses melahirkan seorang manusia. Allah memerintahkan supaya Maryam menggoncang pohon tamar tersebut. Perkara ini sebagai isyarat bahawa kita perlu berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang telahpun disediakan oleh Allah SWT. Jika difikirkan secara logik keadaan tubuh seorang wanita yang lemah setelah melahirkan adalah tidak munasabah goncangan tersebut dapat menggugurkan buah tamar dari pohonya. Oleh sebab telah tertulis bahawa rezeki itu perlu diusahakan, maka Allah SWT memerintahkan supaya Maryam menggoncang pohon tamar agar buah tamar berguguran dan dapat dinikmati oleh beliau.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apakah Allah tidak boleh menyediakan terus tamar di sebelah Maryam seperti mana yang berlaku kepada beliau ketika berada di mihrab ibadatnya. Hidangan khusus juga telah dianugerahkan oleh Allah SWT tanpa dimintanya. Sebahagian Mufassirin menyatakan bahawa antara sebab Allah SWT meminta supaya Maryam menggunakan sedikit usaha untuk mendapatkan buah kurma tersebut adalah kerana hati Maryam sedikit terganggu daripada memikirkan Allah SWT. Berbeza dengan keadaan beliau ketika menumpukan ibadat sepenuhnya, maka Allah SWT mengurniakan rezeki dalam bentuk hidangan daripada langit tanpa diminta dan diusahakan. Selain itu, ayat ini juga menunjukkan bahawa buah kurma ialah buah yang baik untuk mengembalikan tenaga seseorang setelah kepenatan. Dalam konteks ayat ini buah kurma membantu Maryam untuk kembali segar dan sihat setelah melahirkan Nabi Isa A.S.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan dalam ayat ini ialah rezeki yang Allah sediakan kepada kita perlu disusuli dengan usaha untuk mendapatkannya. Selebihnya barulah bertawakal kepada Allah sebagai yang Maha Memberi rezeki.

Kisah Maryam Menghadapi Fitnah dengan Tabah (Ayat 26 - 29)

فَكُلِّي وَأَشْرِبِي وَقَرِّي عَيْنًا فَإِمَّا تَرَيَنَّ مِنَ الْبَشَرِ
أَحَدًا فَقُولِي إِنِّي نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا فَلَنْ أُكَلِّمَ
الْيَوْمَ إِنْسِيًّا

Maka makanlah dan minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merunsingkan. Kemudian kalau engkau melihat seseorang manusia, maka katakanlah: Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana (Allah) Ar-Rahman; (setelah aku menyatakan yang demikian) maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun dari kalangan manusia pada hari ini.

Apabila Allah SWT telah siap menyediakan anak sungai yang mengalir di bawah pokok tamar, Allah perintahkan Maryam menggoncangkan nya lalu gugurlah buah tamar. Kemudian Allah SWT memerintahkan Maryam untuk makan dan minum daripada rezeki yang dikurniakan itu. Firman Allah SWT ***maka makan dan minumlah serta bertenang hatilah dari segala yang merunsingkan.***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hal ini bermaksud Allah SWT mengetahui perasaan yang sedang dialami oleh Maryam. Bagi menenangkan keresahan di dalam hati Maryam, Allah memerintahkan supaya beliau makan buah tamar agar mengembalikan kesihatan dan keceriaan diri.

Begitu juga air sungai yang mengalir daripada bawah pohon tersebut juga diperintahkan untuk Maryam meminumnya. Apabila tubuh badan mulai segar dengan makan dan minum, lalu Allah SWT menenangkan Maryam. Janganlah engkau runsing terhadap apa-apa yang sedang berlaku dan akan berlaku kerana Allah SWT amat berkuasa dalam memelihara nama baikmu dan Maha Mengetahui hakikat sebenar kelahiran anakmu Nabi Isa A.S. Allah telah melimpahkan ketenangan kepada Maryam sejourus melihat seorang bayi comel yang dilahirkannya. Tambahan pula, bayi comel merupakan seorang Nabi. Itulah Nabi Isa AS.

Allah berfirman lagi apabila kamu melihat mana-mana manusia selepas daripada ini ***“maka katakanlah kepada mereka aku bernazar kepada Tuhan ar-Rahman untuk menahan diri daripada berkata-kata kepada manusia”***.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hal ini bermaksud Allah memerintahkan supaya Maryam menyatakan dalam bentuk Bahasa isyarat kepada orang ramai yang ditemuinya kelak bahawa dia sedang berpuasa, iaitu menahan diri daripada berkata-kata dengan mereka. Hanya dengan malaikat dan Allah SWT sahaja yang Maryam akan terus berkomunikasi. Syariat menahan diri daripada berkata-kata ini telah wujud dalam ajaran agama Yahudi. Syariat ini sudah dihapuskan di dalam Islam. Yang tinggal hanyalah kita menahan diri daripada makan dan minum sebagai sebuah ibadat yang dinamakan dengan puasa. Inilah yang dimaksudkan dengan perkataan *saum*.

Daripada kisah ini kita dapati bahawa Maryam setelah melahirkan Nabi Isa A.S terus diperintahkan untuk melakukan ibadat, iaitu bernazar tidak bercakap dengan mana-mana manusia. Ini menunjukkan bahawa Allah SWT telah mengatur dan menyusun urusan Maryam bagi memelihara nama baiknya dengan cara menahan diri daripada membalas percakapan mahupun persoalan yang bakal ditimbulkan oleh orang ramai ketika itu.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang ke-12 ini nilai pendidikan yang boleh dipraktikkan ialah kesejahteraan tubuh badan dan emosi wanita yang melahirkan perlu dipelihara dengan baik. Begitu juga sebarang percakapan yang boleh merosakkan jiwa manusia perlu dielakkan dengan cara menahan diri daripada bercakap perkara yang di luar daripada pengetahuan kita supaya fitnah tidak berleluasa.

فَأْتَتْ بِهِ قَوْمَهَا تَحْمِلُهُ قَالُوا يَمْرَيْمُ لَقَدْ جِئْتِ شَيْئًا فَرِيًّا ﴿٤٧﴾

Kemudian baliklah ia kepada kaumnya dengan mendokong anaknya mereka pun menempelaknya dengan berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya engkau telah melakukan suatu perkara yang besar salahnya!

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dalam ayat ini Allah SWT memerihalkan kisah Maryam selepas daripada melahirkan Nabi Isa A.S. Apabila Maryam telah bersih daripada nifasnya, maka dia pulang kepada kaumnya di Baitul Maqdis. Tatkala melihat Maryam mendukung anak kecil, maka berlakulah perkara yang dibimbangi oleh Maryam. Allah SWT memerihalkan keadaan ini dalam firman-Nya yang bermaksud ***kemudian baliklah ia kepada kaumnya dengan mendukung anaknya lalu mereka pun menempelaknya.***

Sikap sebahagian daripada orang-orang Yahudi yang suka membuat tohmahan dan fitnah tanpa usul periksa memang telah sebatil dalam diri mereka. Hal ini dibuktikan apabila Maryam yang mereka kenali sebagai seorang wanita yang solehah balik kepada mereka dengan membawa seorang bayi. Melihat kepada keadaan tersebut, mereka terus melemparkan tuduhan dan kata-kata kejian kepada beliau.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Mereka berkata kepada Maryam “**wahai Maryam kamu telah melakukan satu perkara yang sangat besar salahnya**”. Oleh sebab Maryam telah pun diberi *irsyad* atau panduan sebagai persediaan menghadapi kata-kata kaum yang jahat ini, maka Maryam bertindak balas seperti yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Tuduhan yang berat terhadapnya terus dipendam lalu hanya mengisyaratkan bahawa beliau bernazar untuk berpuasa daripada berkata dengan mana-mana orang sekalipun.

Begitulah Allah SWT menyusun dengan begitu baik bagi menyelamatkan Maryam daripada memberi jawapan atau maklum balas yang akan didustakan oleh kaumnya. Kata-kata kesat yang dilemparkan oleh kaum Yahudi ini hanya boleh diselesaikan dengan cara mukjizat sahaja. Nabi Isa yang masih bayiizinkan Allah untuk membela dan membersihkan nama ibunya. Dalam ayat-ayat yang seterusnya Allah menceritakan bahawa tohmahan tersebut dijawab oleh bayi yang kecil, iaitu Nabi Isa dan bukan daripada mulut Maryam sendiri.

Nilai Pendidikan:

Pemerhatian kita kepada ayat ini membolehkan kita mengambil nilai pendidikan yang sangat penting untuk diterapkan ke dalam diri, iaitu apabila tercetusnya fitnah dalam sesebuah masyarakat, kita perlulah menahan diri daripada terlibat untuk menyebarkan lagi fitnah tersebut sama ada secara langsung ataupun tidak.

يَاأُخْتَ هَارُونَ مَا كَانَ أَبُوكِ امْرَأَ سَوْءٍ وَمَا
كَانَتْ أُمُّكِ بَغِيًّا ﴿٢٨﴾

"Wahai saudara perempuan Harun, bapamu bukanlah seorang yang buruk akhlaknya, dan ibunya pula bukanlah seorang perempuan jahat!"

Kaum Yahudi yang jahat terus melemparkan tuduhan kepada Maryam. Mereka berkata "wahai saudara perempuan Harun bapamu bukanlah seorang yang buruk akhlaknya dan ibunya ibumu pula bukanlah seorang perempuan yang jahat". Mereka menyandarkan Maryam kepada nama Harun atas dua sebab.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Pertama dikatakan bahawa ada seorang lelaki soleh yang bernama Harun. Harun yang dimaksudkan ini terkenal dalam masyarakat Yahudi ketika itu seolah-olah Maryam juga bagi mereka adalah baik dan soleh seperti Harun. Kedua ialah dikatakan mereka menyandarkan kepada Nabi Harun, saudara lelaki kepada Nabi Musa A.S yang mempunyai perwatakan baik, lemah lembut dan soleh.

Sifat-sifat kebaikan ini juga merupakan sifat yang ada dalam diri Maryam. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa mereka mengiktiraf Maryam ialah seorang perempuan yang baik. Alangkah kelirunya pemikiran orang-orang Yahudi ketika itu yang melemparkan tuduhan jahat terhadap wanita yang mereka sendiri iktiraf sebagai seorang wanita yang baik dan solehah.

Tidak cukup sekadar itu, mereka terus mengaitkan Maryam dengan kemuliaan keturunan beliau, iaitu kedua ibu dan bapa Maryam yang soleh taat kepada Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Perbuatan mereka ini seolah-olah ingin nyatakan bahawa perbuatan Maryam yang membawa seorang bayi tanpa diketahui asal-usul bapanya berlawanan dengan kemuliaan ibu dan ayah Maryam sendiri. Inilah antara sebab Allah SWT memerintahkan supaya Maryam mendiamkan diri agar tidak menjawab tuduhan tersebut kerana jawapan yang sebenar akan datang melalui mukjizat yang dipertontonkan oleh Allah SWT.

Demikianlah janji Allah SWT apabila dikhabarkan kepada Maryam bahawa dia bakal dianugerahkan dengan seorang anak yang menjadi bukti atau tanda kekuasaan Allah SWT. Ini juga sebagai tanda kasih sayang Allah SWT. Jawapan yang tuntas terhadap tuduhan ini hanya akan datang daripada Allah SWT dengan cara mukjizat yang dikurniakan ke atas Nabi Isa A.S.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini kita dapati bahawa nilai pendidikan yang boleh diterapkan dalam diri ialah kehormatan dan kemuliaan seseorang akhirnya akan diiktiraf oleh musuh apabila kita bergantung diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

فَأَشَارَتْ إِلَيْهِ قَالُوا كَيْفَ نُكَلِّمُ مَنْ كَانَ فِي

الْمَهْدِ صَبِيًّا ﴿٢٩﴾

Maka Maryam segera menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairannya) : "Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?"

Tohmahan demi tohmahan yang dilemparkan oleh kaum Yahudi terhadap Maryam hanya dibalas melalui isyarat. Maryam cukup patuh kepada perintah Allah SWT. Beliau yakin bahawa Allah SWT tidak pernah mengabaikan hamba-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dengan petunjuk daripada Allah SWT, maka Maryam memberi isyarat tentang anaknya. Perlakuan Maryam ini seolah-olah ingin memberitahu kaum Yahudi ketika itu, iaitu tanyalah kepada anak kecil ini. Satu isyarat yang lebih membingungkan mereka. Maka mereka berkata : ***“bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian”***.

Mereka lupa bahawa Allah SWT memberikan kebolehan bercakap ini kepada sesiapa yang dikehendaknya. Alangkah baiknya jika mereka melihat dunia di sekeliling mereka dan mereka berfikir bahawa dalam kalangan manusia yang dewasa juga ada yang boleh bercakap dan ada yang bisu. Mereka lupa bahawa kudrat Allah SWT mengatasi segala-galanya.

Jika Allah menghendaki sesuatu maka tidak ada yang dapat menghalangnya. Bagi mereka seorang bayi tidak mungkin boleh berkata-kata. Ya, betul! Lazimnya setiap bayi yang dilahirkan akan mengambil satu tempoh masa untuk boleh berkata-kata. Pun begitu tempoh masa tersebut berbeza antara setiap bayi.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Maka tidaklah mustahil sebenarnya jika Nabi Isa A.S diberikan kebolehan bercakap lebih awal berbanding dengan bayi yang lain. Namun perkara ini dianggap luar biasa dan melemahkan manusia daripada mendatangkan keadaan yang serupa. Maka inilah yang dinamakan dengan mukjizat. Allah yang membuktikan bahawa Dia Amat Berkuasa untuk memberikan jawapan kepada tohmahan mereka hanya melalui seorang bayi yang kecil. Semua tuduhan jahat mereka terjawab oleh seorang bayi kecil sahaja.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang perlu kita tanamkan dalam diri kita ialah manusia merupakan makhluk yang lemah. Manusia perlu tunduk kepada semua tanda-tanda kebesaran Allah SWT, beriman kepada-Nya dan mengakui kebenaran yang telah dijelaskan kepada mereka. Sesuatu yang luar biasa tidak semestinya mustahil berlaku jika diizinkan oleh Allah SWT.

Dialog Nabi Isa- Kehambaan Dan Mukjizat (Ayat 30 - 38)

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ ءَاتَنِي الْكِتَابَ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ﴿٣٠﴾

la menjawab : "Sesungguhnya aku ini hamba Allah; la telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan la telah menjadikan daku seorang Nabi"

Allah SWT mula menunjukkan bukti kekuasaannya. Dikurniakan mukjizat kepada Nabi Isa A.S untuk terus boleh berkata-kata selepas dilahirkan. Maka Nabi Isa pun menjawab tuduhan kaum Yahudi tersebut, "***Dia berkata Sesungguhnya aku ini hamba Allah***". Satu pengakuan dan ikrar bahawa Nabi Isa ini merupakan makhluk atau hamba yang diciptakan oleh Allah SWT. Seorang hamba Allah SWT tidak mungkin datang melalui cara yang keji. Jika kaum Yahudi melihat bahawa kelahiran Nabi Isa tanpa bapa ini adalah sesuatu yang pelik, maka ketahuilah bahawa bayi yang dilahirkan itu adalah hamba ciptaan Allah seperti mana juga mereka diciptakan-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Isa terus menyampaikan kebenaran dan membersihkan nama ibunya. Nabi Isa menyatakan bahawa **“*ia telah memberikan kepadaku Kitab Injil*”**. Hal ini membuktikan bahawa Allah telah mengutus Baginda sebagai Nabi dan Rasul yang diberikan al-kitab setelah Allah mengutus Nabi Musa dengan kitab Taurat. Hal ini bermaksud Nabi Isa sudah dilantik menjadi Nabi sejak kecil lagi. Nabi kedua setelah Nabi Yahya yang dilantik oleh Allah SWT pada zaman kanak-kanak. Perkara yang lebih menakjubkan lagi ialah Nabi Isa terus menjadi Nabi seurus selepas dilahirkan. Manakala Nabi Yahya dikatakan dilantik menjadi Nabi ketika umur baginda 7 tahun. Begitulah kehendak Allah SWT yang sentiasa menunjukkan kekuasaannya untuk mengajak manusia beriman Kepada-Nya melalui jalan mukjizat. Mereka yang beriman dengan mukjizat akan terus tunduk dan akur serta yakin dengan perintah Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah sifat kehambaan kepada Allah SWT merupakan faktor penting untuk seseorang yakin dan percaya kepada mukjizat yang dibekalkan kepada para Nabi A.S. Hal ini termasuklah al-Quran yang menjadi mukjizat terbesar kepada Nabi Muhammad SAW.

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ
وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

Dan Ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setelah menjelaskan kepada kaum Yahudi bahawa baginda adalah utusan Allah SWT yang dikurniakan dengan Kitab Injil dan dilantik menjadi Nabi, Nabi Isa meneruskan penjelasan tentang tujuan baginda diutuskan.

Lalu Nabi Isa menyatakan “**Allah SWT telah menjadikan Daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada**”. Berkat bermaksud bahawa Nabi Isa akan membawa kebaikan yang tidak putus-putus kepada orang di sekelilingnya. Inilah hakikatnya kejadian seorang hamba yang dilantik menjadi Nabi utusan Allah SWT yang sentiasa membawa kebaikan kepada umat.

Nabi Isa seterusnya menyatakan bahawa antara perintah yang menjadi teras di dalam ajarannya ialah perintah mengerjakan solat. Firman Allah SWT “**dan diperintahkan kepada daku mengerjakan solat**”. Solat merupakan hubungan antara hamba dengan pencipta. Melalui solat segala bisikan hati dan hajat seorang hamba disampaikan kepada Allah SWT. Solat merupakan tanda manusia memerlukan Allah SWT dalam menjalani kehidupan ini.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh itu ajaran Nabi Isa meletakkan solat sebagai suatu kewajipan yang sangat penting dalam syariatnya. Tanpa solat manusia akan cenderung untuk melakukan kemungkaran dan kekejian kerana renggangnya hubungan dengan Allah SWT.

Perkara lain yang dinyatakan oleh Nabi Isa A.S ialah baginda diperintahkan dengan kewajipan "***memberikan zakat selagi mana aku hidup***". Ini bermaksud zakat adalah syariat asal yang telah pun ada dalam ajaran Nabi Isa. Zakat ini melambangkan hubungan kasih sayang sesama manusia. Dengan menunaikan zakat, manusia dapat membersihkan diri dan harta benda daripada sifat mementingkan diri sendiri.

Zakat dikeluarkan bagi membantu golongan yang memerlukan. Masyarakat akan berada dalam semangat tolong-menolong dan saling membantu antara satu sama lain. Maka dapatlah kita ketahui syariat yang dibawa oleh Nabi Isa A.S ini pada asalnya adalah tulus dengan mengajak manusia memperhambakan diri kepada Allah SWT dan berbuat baik sesama manusia.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Namun begitu, agama yang dibawa oleh Nabi Isa A.S ini telah diselewengkan setelah baginda diwafatkan dan diangkat ke langit.

Nilai Pendidikan:

Oleh hal yang demikian nilai pendidikan yang dapat diterapkan di dalam diri kita ialah semua Nabi mengajak kepada kebaikan dan menyebarkan kebajikan. Setiap Nabi juga ditugaskan untuk meneguhkan tiang agama di dalam syariat mereka, iaitu solat dan zakat.

وَبِرًّا بِوَالِدَتِي وَلَمْ يَجْعَلْنِي جَبَّارًا شَقِيًّا ﴿٣٦﴾

Serta (diperintahkan daku) taat dan berbuat baik kepada ibuku, dan la tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka

Setelah menjelaskan syariat yang dibawa kepada kaumnya, Nabi Isa terus menerangkan tentang sifat-sifat mulia yang telah dibentuk oleh Allah SWT ke dalam dirinya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Maka sabda baginda “***dan diperintahkan daku taat dan berbuat baik kepada ibuku dan dia tidak menjadikan aku seorang yang takabur dan derhaka***”. Nabi Isa A.S menyatakan bahawa kedatangannya adalah sebagai seorang anak yang soleh. yang taat kepada ibunya. Ini menunjukkan bahawa ibunya Maryam ialah seorang yang bersih dan disucikan oleh Allah SWT. Oleh itu, ibunya Maryam bukan seperti tuduhan yang dilemparkan oleh kaum Yahudi. Seorang Nabi mustahil diperintahkan taat kepada ahli maksiat. Secara tidak langsung Allah SWT telah membuktikan bahawa Maryam merupakan seorang perempuan dan ibu yang baik serta wajib ditaati oleh anaknya.

Nabi Isa juga telah dibekalkan oleh Allah SWT dengan sifat yang mesra terhadap orang lain. Baginda tidak sombong dan takabbur. Baginda juga tidak sekali-kali derhaka kepada Allah SWT. Inilah sifat seorang Nabi. Kedatangan baginda bukanlah membawa kesusahan kepada umat. Malah Baginda menyebarkan lagi kebaikan kepada manusia.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dengan itu, dalam menyampaikan mesej tauhid daripada Allah SWT Nabi Isa tidak menggunakan kekerasan, tidak sombong dan takabur kepada orang yang diserunya. Sifat ini dibekalkan oleh Allah SWT sebagai senjata yang ampuh dalam mengajak manusia untuk kembali ke jalan Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Antara nilai pendidikan yang dapat diaplikasikan di dalam kehidupan kita, seseorang pendakwah itu perlu meletakkan ketaatan kepada ibu bapa sebagai keutamaan, di samping tidak berlaku sombong dan takabur kepada orang lain.

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ

حَيًّا

Dan segala keselamatan serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dalam ayat 33 ini Allah SWT turut menyentuh tentang tiga kesejahteraan dalam tiga fasa terpenting dalam kehidupan Nabi Isa seperti mana yang ditetapkan kepada Nabi Yahya. Bezanya di dalam ayat ini Nabi Isa sendiri menyatakan bahawa baginda mendapat segala keselamatan dan kesejahteraan. Keselamatan dan kesejahteraan itu adalah semasa baginda dilahirkan, pada hari dimatikan dan seterusnya ketika dibangkitkan semula nanti.

Firman Allah SWT yang bermaksud : ***“dan segala keselamatan dan kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat”***. Siapakah yang boleh menentukan takdir hidup mereka pada tiga fasa ini?

Jawapannya hanya Allah SWT sahaja yang layak menentukannya. Nabi Isa berkata sedemikian sebagai bukti bahawa perkara tersebut merupakan mukjizat tanda kebesaran Allah SWT. Mukjizat kepada Nabi Isa ini ditunjukkan kepada mereka yang masih kabur dengan kekuasaan Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Berbahagialah manusia yang mendapat kesejahteraan semasa dilahirkan, iaitu terlepas daripada godaan syaitan. Begitu juga berbahagialah seseorang itu apabila fasa terakhir kehidupan dunianya apabila dia dimatikan dan terselamat daripada azab kubur.

Nabi Isa A.S dimatikan oleh Allah SWT, lalu diangkat ke langit dan akan diturunkan semula ke dunia ini pada akhir zaman. Setelah kedatangan Nabi Isa pada akhir zaman, baginda juga akan diwafatkan sekali lagi dan akhirnya baginda akan bersama-sama dengan seluruh makhluk Allah SWT yang lain akan dibangkitkan pada hari yang ditentukan kelak. Hari kebangkitan penuh dengan kegawatan. Tidak ada makhluk yang dapat terselamat daripada kegawatan hari kiamat kecuali orang-orang yang dikurniakan dengan keselamatan dan kesejahteraan. Nabi Isa ialah salah seorang yang akan dibangkitkan dalam keadaan sejahtera daripada kegawatan dan ketakutan pada hari akhirat.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah setiap kita perlu memohon dan mengharapkan agar diri kita diberikan kesejahteraan pada awal penghidupan, di akhir penghidupan dengan husnul khatimah dan pada hari kita dibangkitkan juga dengan kesejahteraan. Inilah kebahagiaan yang hakiki bagi seorang manusia.

ذَٰلِكَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ ۖ قَوْلَ الْحَقِّ الَّذِي فِيهِ
يَمْتَرُونَ ﴿٣٤﴾

Yang demikian sifat-sifatnya itulah Isa Ibni Maryam. Keterangan yang tersebut ialah keterangan yang sebenar-benarnya, yang mereka ragu-ragu dan berselisihan padanya

Semua mesej kebenaran berkaitan dengan keajaiban Nabi Isa dilahirkan telah dijelaskan kepada kaumnya. Lalu Allah SWT menyatakan di dalam ayat ke-34 ini

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“Yang demikian sifat-sifatnya itulah Isa Ibni Maryam”.

Bermaksud ketahuilah bahawa insan inilah anak yang dilahirkan oleh Maryam tanpa bapa dengan takdir Allah SWT yang merupakan seorang Nabi dan rasul utusan Allah. Firman Allah lagi **“keterangan tersebut adalah keterangan yang hak yang sebenar-benarnya yang mereka ragu-ragu dan berselisihan padanya”.** Walaupun mereka melihat sendiri mukjizat Nabi Isa dapat berkata-kata soalan yang diajukan kepada ibunya Maryam, namun sebahagian daripada kaum Yahudi yang keras hatinya masih berada dalam keraguan serta terus berselisih pandangan.

Ada antara mereka yang tidak percaya kepada apa-apa yang dilihat oleh mereka. Mereka ingkar kepada mukjizat yang telah dilihat sendiri di hadapan mata. Mereka terus mendustakan apa-apa yang mereka lihat. Mereka tetap mengatakan bahawa Nabi Isa A.S ialah anak yang dilahirkan atas sebab zina. Mereka memburukkan Maryam dengan mengada-adakan cerita bahawa Maryam telah melakukan zina dengan seorang pemuda yang bernama Yusof An-Najjar. Wal hal mereka sendiri telah mengiktiraf bahawa Maryam ialah seorang wanita yang solehah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Mereka kenal budi dan kebaikan Maryam. Tuduhan tanpa bukti inilah yang menyebabkan mereka terpesong dari jalan yang benar dan akhirnya tidak beriman kepada Nabi Isa a.s.

Sebaliknya sebahagian yang lain pula turut terpesong dengan kelahiran Nabi Isa A.S ini kerana terlalu takjub. Mereka meletakkan Nabi Isa ke taraf yang tidak sepatutnya. Mereka menyatakan bahawa Nabi Isa ini luar biasa. Mereka menganggap Nabi Isa sebagai Tuhan ataupun anak Tuhan yang dikenali sebagai konsep trinity. Konsep trinity terdapat dalam ajaran Kristian pada masa ini.

Namun begitu, bagi mereka yang beriman dengan mukjizat ini, mereka terus akur bahawa Allah SWT boleh melakukan apa-apa sahaja yang dikehendakinya. Kelahiran Nabi Isa ini merupakan bukti kebenaran bahawa Allah SWT Maha Mencipta.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh sebab itu dalam sejarah Islam, apabila Jaafar bin Abi Talib membacakan kisah Maryam daripada ayat yang ke-14 sehingga ayat ke 34, maka Raja Najasyi yang beragama Nasrani ketika itu terus mengalirkan air mata. Baginda tahu inilah sebenarnya kisah Nabi Isa sebelum diselewengkan oleh pendita-pendita Nasrani yang jahat. Nabi Isa adalah rasul yang diutuskan oleh Allah SWT sama seperti kepercayaan umat Islam.

Nilai Pendidikan:

Aplikasi nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah berselisih pandangan pada perkara yang telah jelas kebenarannya akan membawa kepada kefasikan dan kekufuran. Mukjizat bertindak mengukuhkan lagi keimanan bagi mereka yang yakin dengan kekuasaan Allah. Manakala mereka yang ragu-ragu akan terus berada di dalam kesesatan.

مَا كَانَ لِلَّهِ أَنْ يَتَّخِذَ مِنْ وُلْدٍ سُبْحَانَهُ إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا
فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ وَكُنْ فَيَكُونُ ﴿٣٥﴾

Tiadalah layak bagi Allah mempunyai anak. Maha Sucilah Ia. Apabila menetapkan jadinya sesuatu perkara, maka hanyalah Ia berfirman kepadanya : "Jadilah engkau", lalu menjadilah ia.

Allah menegaskan bahawa "***Tidaklah layak bagi Allah SWT mempunyai anak***". Allah menafikan tanggapan salah sebahagian daripada pengikut Nasrani bahawa Nabi Isa ialah anak Tuhan. Begitu juga sebahagian daripada orang Yahudi menganggap Uzair sebagai anak Tuhan. Kedua-duanya adalah hamba Allah. Kedua-duanya merupakan makhluk ciptaan Allah. Tidak akan sama antara pencipta dengan yang diciptakan. Setiap yang diciptakan mempunyai kelemahan. Sedangkan pencipta itu Maha Sempurna. Buktinya ialah Nabi Isa dan Uzair yang dianggap sebagai anak tuhan turut menemui kematian seperti makhluk yang lain. Manakah mungkin Tuhan atau anak Tuhan akan mati. Inilah kesesatan yang nyata.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Allah menjelaskan lagi walaupun kejadian Nabi Isa ini adalah luar biasa, tetapi ini tidak bermakna Nabi Isa itu tuhan. Nabi Isa merupakan salah satu daripada ketentuan Allah. Oleh itu Allah menyatakan di dalam ayat ini ***“Maha Sucilah Ia. Apabila menetapkan jadinya sesuatu perkara, maka hanyalah Ia berfirman kepadanya: “Jadilah engkau”, lalu menjadilah ia”***. Inilah yang terjadi kepada Nabi Isa. Allah terus meniupkan roh baginda ke dalam perut Maryam. Roh juga merupakan makhluk Allah. Tidak seperti manusia lain yang bergantung kepada sebab percantuman antara benih lelaki dan benih perempuan untuk lahir sebagai seorang manusia.

Allah berkuasa menciptakan dengan proses tertentu atau sebab tertentu mahupun tanpa sebab. Semuanya telah termaktub di sisi Allah SWT. Jika mereka memahami konsep ini, iaitu kuasa mutlak Allah SWT menciptakan sesuatu maka sudah pasti mereka tidak mengangkat Nabi Isa a.s kepada sifat ketuhanan. Ini yang dimaksudkan oleh Allah SWT mereka berada dalam kesesatan yang nyata.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan daripada ayat ini ialah beriman kepada ketentuan qada dan qadar Allah SWT akan menyelamatkan kita daripada tersesat dan terpesong daripada jalan kebenaran.

وَإِنَّ اللَّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٣٦﴾

Dan sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu maka sembahlah kamu akan Dia inilah jalan yang betul - lurus

Setelah itu Allah menjelaskan betapa silap pegangan mereka yang mengatakan bahawa Nabi Isa ialah Tuhan atau anak Tuhan. Nabi Isa sendiri mengajak kaumnya kepada menyembah Allah SWT. Dalam ayat 36 ini Nabi Isa menyatakan “***dan sesungguhnya Allah itu ialah Tuhanku dan tuhan kamu maka sembahlah kamu akan dia Dan inilah jalan yang betul***”. Jelas di dalam ayat ini Nabi Isa meletakkan kedudukan Allah SWT sebagai *Rabb* atau Tuhan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Tidak ada jalan lain yang lebih benar daripada hanya menyembah Allah SWT. Jika Nabi Isa sendiri mengajak kepada Tauhid, iaitu menyembah Hanya Allah SWT, maka orang-orang yang berpegang kepada ajaran yang mensyirikkan Allah SWT bukanlah datang daripada agama Nasrani asal yang dibawa oleh Nabi Isa A.S. Hanya satu jalan selamat dan jalan lurus, iaitu mentauhidkan Allah SWT. Barang siapa yang mentauhidkan Allah, maka golongan ini akan selamat di dunia dan selamat jua di akhirat.

Nilai Pendidikan:

Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahawa mentauhidkan Allah SWT adalah sangat penting di dalam diri kita kerana itulah jalan lurus yang boleh menyelamatkan kita di dunia dan akhirat.

فَأَخْتَلَفَ الْأَحْزَابُ مِنْ بَيْنِهِمْ فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ

مَشْهَدِ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٢٧﴾

Kemudian, golongan-golongan (dari kaumnya) itu berselisih sesama sendiri. Maka kecelakaanlah bagi orang-orang kafir (yang berselisih) itu, dari apa yang disaksikan pada hari yang besar huru-haranya

Walaupun kebenaran jelas terbentang di hadapan manusia, namun ada yang masih keliru dan berselisih pandangan. Allah telah menjelaskan bahawa Nabi Isa ialah Nabi dan rasul yang utusan Allah. Nabi Isa ialah anak soleh yang membawa kebaikan dan kebajikan yang berterusan. Nabi Isa membawa syariat yang boleh menyelamatkan dunia seisi nya, iaitu mendirikan solat dan menunaikan zakat. Nabi Isa mengajak untuk menyembah Hanya Allah SWT. Nabi Isa menyatakan bahawa inilah jalan yang sebenar, iaitu mentauhidkan Allah SWT. Akan tetapi semuanya ini tidak bermanfaat bagi mereka yang sesat pemikirannya. Inilah yang Allah maksudkan "***Kemudian golongan-golongan dari kaumnya itu berselisih sesama sendiri***".

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kaum Yahudi sebahagiannya telah kufur dengan kenabian Nabi Isa. Mereka terus menuduh Nabi Isa sebagai anak zina. Bagi mereka peristiwa Nabi Isa bercakap ketika bayi itu dianggap sebagai sihir. Manakala sebahagian daripada mereka pula berlebihan apabila melihat keajaiban tersebut, lalu mengangkat Nabi Isa sebagai anak Tuhan ataupun Tuhan. Kedua-dua golongan ini jelas sesat dan terpesong apabila berhadapan dengan mukjizat kurniaan Allah. Maka Allah menjanjikan kepada mereka dengan kecelakaan pada hari akhirat.

Tatkala mereka melihat betapa dahsyatnya huru-hara dengan hari kiamat dengan mata mereka sendiri mereka akan menyesal. Pada hari itu segala penyesalan sudah tidak berguna lagi. Apa-apa yang mereka perselisihkan itu terbukti salah dan sudah tidak dapat dibetulkan lagi. Oleh itu marilah kita mengajak golongan yang tersalah anggap kepada Nabi Isa A.S ini kembali kepada jalan yang benar, iaitu Nabi Isa ialah Nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Rasul yang mengajak kepada penyembahan kepada Allah SWT semata-mata.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah beriman kepada mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT akan menyelamatkan kita daripada huru-hara hari kiamat. Saat itu penyesalan sudah tidak berguna lagi.

أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا لَكِنِ الظَّالِمُونَ الْيَوْمَ
فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾

Sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang mengadap Kami pada hari akhirat. Tetapi orang-orang yang zalim (dengan perbuatan kufur dan maksiat) pada masa di dunia ini, berada dalam kesesatan yang nyata

Allah menjelaskan lagi bahawa pada hari kiamat orang-orang yang kufur kepada Allah SWT akan mengaku tentang kebenaran yang ditunjukkan di dunia dahulu.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apabila melihat dan mendengar sendiri hari kiamat berlaku, manusia mulai takut dan teringat kebenaran yang telah disampaikan oleh para-Nabi.

Firman Allah SWT yang bermaksud ***“sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang mengadap kami pada hari kiamat tetapi orang-orang yang zalim dengan perbuatan kufur dan maksiat pada masa dunia ini berada dalam kesesatan yang nyata”***.

Beriman dengan hari akhirat adalah salah satu daripada mesej yang dibawa oleh para Nabi. Nabi mengingatkan kita untuk bersedia menghadapi hari akhirat. Persediaan utama ialah kita menyucikan Allah SWT daripada perkara-perkara syirik. Walaupun alam akhirat tidak boleh dilihat oleh mata kasar, namun ia telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui lisan para-Nabi. Allah SWT telah menunjukkan bukti-bukti kekuasaan-Nya menghidupkan dan mematikan makhluk. Hati yang buta tidak akan percaya kepada alam akhirat. Akhirnya apabila sampai kepada alam akhirat penglihatan dan pendengaran dibukakan dengan jelas oleh Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ketika itu barulah mereka sedar bahawa mereka benar-benar berada di alam yang dijanjikan oleh Allah SWT. Mereka sudah berada di hadapan Allah SWT. Segala perbuatan mereka akan dinilai dan dibalas oleh Allah SWT. Mereka dapat menyaksikan azab yang disediakan kepada orang-orang yang kufur. Mereka juga dapat menyaksikan nikmat yang disediakan oleh Allah SWT kepada orang-orang yang beriman dan soleh. Malangnya semasa di dunia hati yang kufur ini tertutup rapat dari memahami kepentingan alam akhirat. Oleh itu mereka mendustakan Nabi, mendustakan Allah SWT dan mendustakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada para Nabi.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah keimanan dan keyakinan kepada alam akhirat akan jelas terbentang kepada semua manusia apabila dibangkitkan dan bertemu dengan Allah SWT. Mereka yang enggan beriman dengan hari akhirat di dunia ini termasuk dalam golongan yang zalim kerana mensia-siakan peluang yang diberikan oleh Allah SWT untuk bahagia di akhirat.

Bersedia Untuk hari Penyesalan (Ayat-39 - 40)

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْحَسْرَةِ إِذْ قُضِيَ الْأَمْرُ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ وَهُمْ
لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٩﴾

Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada umat manusia seluruhnya tentang hari penyesalan, iaitu hari diselesaikan perbicaraan perkara masing-masing pada masa mereka (yang ingkar) di dunia ini berada dalam kelalaian serta mereka pula tidak mahu beriman

Selepas Allah menjelaskan dengan bukti-bukti yang nyata hakikat sebenar kewujudan dan pengutusan Nabi Isa a.s., maka Allah SWT mengingatkan tentang kedahsyatan dan kegawatan hari akhirat. Mereka yang mensyirikkan Allah serta menolak kebenaran mukjizat akan menemui penyesalan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh sebab itu dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW memperingatkan kaum musyrikin tentang hari penyesalan ketika Allah SWT menjatuhkan hukuman terhadap amalan yang telah dilakukan oleh manusia di dunia.

Firman Allah SWT ***“dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada umat manusia seluruhnya tentang hari penyesalan iaitu hari diselesaikan perbincangan perkara masing-masing”***. Bagi orang yang kufur dengan Allah SWT mereka akan menyesal apabila melihat azab sengsara yang disediakan oleh Allah SWT. Manakala bagi orang-orang yang meringankan amalan soleh pasti menyesal kerana tidak menggunakan peluang untuk meraih pahala yang lebih baik di sisi Allah SWT. Inilah yang dimaksudkan dengan penyesalan. Banyak manusia akan menyesal, namun ketika itu penyesalan tersebut tidak berguna lagi.

Begitu juga di hujung ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa keadaan kebanyakan manusia leka dan lalai terhadap hari akhirat. Manusia leka untuk berhadapan dengan hari yang penuh penyesalan sebagaimana firman Allah SWT

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“mereka (yang ingkar) di dunia ini berada dalam kelalaian serta mereka pula tidak mahu beriman”.

Amaran yang diberikan oleh rasul utusan Allah tidak diendahkan. Hati terus lalai dan tidak takut dengan kegawatan dan kedahsyatan hari kebangkitan. kelak jiwa yang lalai ini akan terus menyesal kerana mengabaikan amaran daripada Nabi SAW dan enggan beriman kepada Allah.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini, nilai pendidikan yang perlu ditanamkan dalam jiwa kita ialah sentiasa membuat persediaan yang cukup dengan amal soleh, mengukuh keimanan serta beringat-ingat dengan peringatan yang disampaikan oleh Nabi SAW tentang hari akhirat.

إِنَّا نَحْنُ نَرِثُ الْأَرْضَ وَمَنْ عَلَيْهَا وَإِلَيْنَا يُرْجَعُونَ ﴿٤٠﴾

Sesungguhnya Kami lah yang mewarisi bumi dan segala makhluk yang ada di atasnya; dan kepada Kami lah mereka akan dikembalikan

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Manusia yang leka akan terus dibuai dengan kesenangan dunia. Mereka seolah-olah tidak nampak kehidupan kekal di akhirat. Mereka lupa bahwa mereka datang daripada Allah SWT dan akan kembali menemui-Nya. Segala yang dipinjamkan di muka bumi ini bersifat sementara. Harta benda, pangkat kekuasaan dan kesenangan dunia semuanya akan ditinggalkan apabila manusia mati. Tidak ada makhluk yang kekal. Semuanya menemui kematian dan kemusnahan. Maka supaya tidak menyesal di akhirat, Allah SWT mengingatkan bahwa segala yang dipinjamkan kepada kita akhirnya akan menjadi milik Allah SWT.

Firman Allah SWT ***“Sesungguhnya Kamilah yang mewarisi bumi dan segala makhluk yang ada di atasnya dan kepada Kamilah mereka akan dikembalikan”***. Sekiranya manusia sedar akan peringatan ini, sudah tentu mereka tidak tamak dan haloba terhadap dunia yang disediakan kepada mereka. Ingatlah kita semua akan kembali kepada Allah SWT tanpa membawa apa-apa pemilikan seperti mana permulaan kedatangan kita ke dunia dahulu.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sebab itu Nabi SAW mengingatkan kepada kita bahawa orang yang cerdik ialah orang yang sentiasa mengingati mati, iaitu mempersiapkan diri untuk bertemu dengan Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Pemerhatian kita kepada ayat ini membawa kepada nilai pendidikan yang boleh ditanamkan dalam jiwa iaitu tentang kesedaran bahawa kehidupan dunia ini adalah sementara dan segala-galanya milik Allah SWT. Kehidupan yang lebih baik ialah kehidupan akhirat.

Kisah Nabi Ibrahim Berdakwah Melawan Syirik (Ayat 41-50)

وَأذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّهُ كَانَ صِدِّيقًا نَبِيًّا ﴿٤١﴾

Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Ibrahim; sesungguhnya adalah ia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi

Peringatan tentang hari akhirat menjadi mesej yang disampaikan oleh semua para Nabi. Nabi Zakaria, Nabi Yahya, Nabi Isa dan Nabi Muhammad SAW di dalam surah ini semuanya mengingatkan tentang hari kebangkitan. Allah SWT seterusnya membawa kisah Nabi Ibrahim dalam kalam-Nya yang mulia. Nabi Ibrahim dikenali sebagai bapa para Nabi. Daripada Nabi Ibrahim lahir dua keturunan besar yang mulia, iaitu keturunan Bani Israel dan keturunan bangsa Arab.

Agama Nabi Ibrahim disebut oleh Allah SWT sebagai agama *Al-Hanif*. Sebuah ajaran yang lurus mengajak kepada tauhid dan mengingatkan tentang kehidupan hari akhirat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ibrahim A.S merupakan seorang Nabi Ulul Azmi. (Tantawi, 1996) Nabi yang cecal menerima dugaan daripada Allah SWT. Nabi Ibrahim pernah dicampakkan oleh Raja Namrud ke dalam unggun api yang besar kerana mengajak kepada tauhid. Demikianlah Allah SWT menyuruh Nabi SAW membacakan daripada kitab al-Quran ini kisah tentang nabi Ibrahim. (Ma'rifat, 2013)

Menariknya Allah SWT meminta Nabi kita Muhammad SAW hanya merujuk kisah tersebut daripada al-Quran. Ini disebabkan al-Quran dijamin tiada keraguan di dalamnya. Setiap berita yang diwahyukan adalah benar. Malah, tidak bercampur dengan cerita-cerita rekaan. Maka apa-apa yang diceritakan oleh Allah SWT tentang kisah Nabi Ibrahim ini adalah kisah sebenar. Allah memuji Nabi Ibrahim dengan menyatakan bahawa Nabi Ibrahim “**seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi**”. Baginda seorang Nabi yang dilantik oleh Allah SWT untuk membawa kebenaran, suka kepada kebenaran dan sentiasa berada pada jalan yang benar. Nabi Ibrahim mengajak kepada agama yang benar, iaitu mentauhidkan Allah SWT dan memerangi syirik.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ibrahim mengajak umat manusia ketika itu termasuk ayahnya sendiri untuk meninggalkan penyembahan berhala. Inilah kebenaran yang diperjuangkan oleh Nabi Ibrahim. (Ibn Kathir, 1998)

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang ke-41 ini kita boleh mengambil nilai pendidikan untuk diterapkan dalam hidup kita bahawa kebenaran itu hanya datang daripada wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT melalui para Anbiya. Oleh sebab itu kita wajib berpegang kuat pada al-Quran kerana itulah kebenaran yang ditinggalkan oleh Nabi SAW sebagai panduan kepada kita hidup di dunia dan selamat di akhirat.

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ
وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا ﴿٤٢﴾

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ketika ia berkata kepada bapanya:" Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?

Kata Allah SWT di dalam ayat ini ingatlah ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya "***wahai ayahku mengapakah ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?*** Ayat ini menunjukkan kesungguhan Nabi Ibrahim a.s menyampaikan dakwah kepada ahli keluarga yang terdekat. Nabi Ibrahim mengajak ayahnya supaya berfikir bahawa penyembahan selain daripada Allah SWT adalah sia-sia. Tuhan yang disembah selain Allah SWT lebih lemah daripada mereka yang menyembah. Patung-patung yang disembah kaku tidak dapat mendengar, melihat dan sedikitpun tidak dapat membantu mereka yang meminta pertolongan daripadanya. Peperangan kepada syirik menjadi keutamaan para Nabi untuk membersihkan umat mereka daripada menyekutukan Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ibrahim memulakan kata-katanya dengan panggilan yang sangat lunak kepada ayahnya, iaitu “Wahai ayah...”. Walaupun Nabi Ibrahim dikurniakan oleh Allah SWT dengan pangkat kenabian, namun Nabi Ibrahim tetap menghormati dan menyanjung ayahnya. Pangkat kemuliaan seorang Nabi tidak menghalang Ibrahim untuk terus menghormati ayahnya. Maka panggilan yang paling baik, penuh kasih sayang diucapkan oleh Nabi Ibrahim, iaitu wahai ayahku. Nabi Ibrahim tidak terus mengajak ayahnya untuk menyembah Allah SWT. Nabi Ibrahim juga tidak mengajak ayahnya terus meninggalkan penyembahan berhala.

Sebaliknya yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim ialah mengajak untuk berfikir rasional apakah manfaat di sebalik penyembahan kepada benda-benda yang tidak boleh mendengar, tidak boleh melihat serta tidak mampu menolong sedikit pun. Dalam kata lain mengapakah menyembah sesuatu yang kaku? Yang tidak mampu untuk memberi maklum balas dalam apa-apa jua bentuk sekalipun. Perbuatan penyembahan berhala ini merupakan perbuatan yang sia-sia menurut akal.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ucapan Nabi Ibrahim mengajak ayahnya dan juga orang-orang yang menyembah selain daripada Allah agar mereka menggunakan akal yang waras dalam menentukan siapakah sebenarnya yang berhak disembah (Hamka, 2005).

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang perlu kita tanamkan dalam diri kita ialah menggunakan panggilan yang baik dan lemah lembut ketika mengajak manusia meninggalkan perkara maksiat. Begitu juga manusia perlu menggunakan kekuatan akal untuk berfikir secara waras kewujudan tuhan yang berhak disembah.

يَأْتِيَنِي مِنْ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي
أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا ﴿١٣﴾

"Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul"

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setelah mengajak ayahnya berfikir tentang penyembahan kepada berhala yang tidak berguna itu, Nabi Ibrahim membawakan satu berita bahwa baginda dilantik sebagai Nabi oleh Allah SWT. Baginda diberikan dengan ilmu pengetahuan. Baginda diperintahkan untuk memimpin manusia ke jalan yang benar. Untuk menyampaikan mesej kedua ini sekali lagi Nabi Ibrahim memanggil dengan panggilan yang penuh kasih sayang, iaitu wahai ayahku. Hal ini menunjukkan Nabi Ibrahim sedikit pun tidak menaruh benci kepada ayahnya. Perkara yang hendak diperbetulkan ialah perbuatan menyembah selain daripada Allah SWT.

Kata Nabi Ibrahim kepada ayahnya : ***“wahai ayahku aku ini telah didatangkan dengan ilmu pengetahuan. Aku diberikan ilmu oleh Allah SWT, yang mana ilmu ini tidak diberikan kepadamu”***. Dalam kata yang lain Allah SWT telah mengurniakan kepadaku hidayah yang berupa wahyu untuk memimpin ayah ke jalan yang betul. Bermaksud Nabi Ibrahim telah dilantik oleh Allah SWT sebagai Nabi. Tugas Nabi ialah memimpin manusia ke jalan yang betul termasuk kepada ahli keluarga sendiri.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh sebab penyembahan kepada berhala telah membarah dalam masyarakat ketika itu, kebanyakan orang di sekeliling Nabi Ibrahim termasuk ayahnya sendiri hampir tidak mengenal Allah SWT. Mereka memuja berhala dan memperhambakan diri kepada berhala yang diukir oleh mereka sendiri. Akal fikiran telah tertutup daripada jalan yang benar. Mereka tidak mampu berfikir bahawa perbuatan mereka itu sesuatu yang tidak dapat diterima oleh akal fikiran yang waras. Inilah yang tiada pada ayahnya, iaitu ilmu mengenal Allah SWT seperti yang dimaksudkan oleh Nabi Ibrahim dalam ayat ini. Maksudnya Nabi Ibrahim mengajak ayahnya mengenal semula Pencipta yang Agung yang selayaknya disembah. Bukannya penyembahan berhala yang jelas merupakan perbuatan yang sia-sia.

Nilai Pendidikan:

Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah setiap kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita bukanlah untuk dibangga-banggakan, tetapi perlu digunakan untuk memimpin manusia mengenal Allah SWT.

يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ
عَصِيًّا

“Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya”

Nabi Ibrahim terus memanggil bapanya dengan panggilan ayahku. Begitu sayangnya Nabi Ibrahim kepada ayahnya. Dipujuk ayahnya dengan lemah lembut. Kali ini Nabi Ibrahim mengajak untuk tidak menyembah syaitan **“Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan”** kerana kata Nabi Ibrahim **“Sesungguhnya syaitan itu menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatnya”**. Ayah Nabi Ibrahim memang tidak menyembah syaitan. Akan tetapi menyembah berhala bererti mengikut telunjuk syaitan. Seolah-olah mereka yang menyembah berhala ini turut menyembah syaitan. Perlakuan mereka yang menyembah berhala menunjukkan ketaatan kepada syaitan yang sepatutnya menjadi musuh mereka.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Syaitan ialah makhluk yang derhaka kepada Allah. Syaitan sentiasa berusaha menyesatkan manusia. Walaupun Allah SWT tidak henti-henti mengurniakan kasih sayang-Nya kepada manusia, tetapi syaitan mengaburi mata manusia dan akhirnya mereka tidak kenal lagi Allah SWT. Lebih malang lagi apabila syaitan menunjukkan jalan yang sesat sehingga manusia menyembah sesuatu yang tidak berguna dan batil.

Nilai Pendidikan:

Oleh hal yang demikian nilai pendidikan yang dapat diterapkan di dalam diri kita adalah jangan berputus asa dalam menyampaikan ajaran tauhid. Usaha ini hendaklah diteruskan secara bersungguh-sungguh sehingga manusia jelas bahawa perbuatan mensyirikkan Allah merupakan perbuatan memperhambakan diri kepada syaitan. Syaitan ialah musuh dan tidak layak untuk manusia taat dan memperhambakan diri kepadanya.

يَأْتِيَنِي إِني أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ
فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا ﴿٤٥﴾

"Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi Syaitan di dalam neraka"

Dalam ayat ini merupakan kali keempat Nabi Ibrahim memanggil ayahnya dengan panggilan wahai ayahku. Ini menunjukkan Nabi Ibrahim terus menggunakan pertalian kasih sayang antara seorang anak dengan seorang ayah untuk menyampaikan mesej dari Allah. Kata Nabi Ibrahim wahai ayahku **"Sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan diazab oleh al-Rahman"**. Nabi Ibrahim menyebut nama Allah dengan sifat al-Rahman, iaitu sifat yang Maha Pengasih. Nabi Ibrahim mengingatkan bahawa Tuhan yang Maha Pengasih ini sentiasa inginkan kebaikan kepada hamba-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Tetapi apabila hamba-Nya enggan menerima kasih sayang daripada-Nya, maka di akhirat kelak mereka akan ditimpa dengan azab yang berat. Kebimbangan kepada azab yang berat ini menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim amat prihatin terhadap masa hadapan ayahnya.

Dalam surah al-Tahrim ayat 6 Allah berfirman yang bermaksud : ***“wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan bakarnya manusia dan berhala mereka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang lain mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan melakukan segala yang diperintahkan”***.

Nabi Ibrahim terus mengingatkan ayahnya bahawa azab Allah jika dikenakan di akhirat kelak adalah sesuatu yang tidak dapat ditanggung oleh manusia. Untuk selamat daripada diazab oleh Allah SWT maka tinggalkan lah perbuatan syirik dan beriman lah kepada Allah SWT. Tuntutan beriman di dunia ini merupakan jaminan keselamatan di akhirat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kata Nabi Ibrahim, nasib bagi orang yang mensyirikkan Allah SWT ialah mereka akan dimasukkan ke dalam api neraka bersama-sama dengan syaitan. Syaitan akan menjadi kawan senasib yang dibakar di dalam api neraka.

Banyak ayat al-Quran yang menggambarkan kengerian neraka. Antaranya firman Allah dalam surah Qaf Ayat 30 yang bermaksud "***peringatkan lah manusia akan hari kami bertanya kepada neraka jahanam jahanam ada tendang kau sudah penuh ia menjawab adakah lagi seberang tambahan***". Sementara itu dalam surah al-Waqiah ayat 41-44 Allah berfirman yang bermaksud : "***dan puak kiri alangkah seksanya keadaan puak kiri itu mereka disiksa dalam angin yang membakar dan air yang menggelegak serta naungan dari asap hitam yang tidak sejuk dan tidak pula memberi kesenangan***".

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat diaplikasikan di dalam kehidupan ialah kita perlu bersungguh-sungguh memelihara diri dan ahli keluarga daripada azab api neraka yang disediakan oleh Allah SWT bagi mereka yang ingkar dan tidak beriman kepada Allah SWT.

قَالَ أَرَأَيْبُ أَنْتَ عَنْ ءِالِهَتِي يَا إِبْرَاهِيمُ لَئِن لَّمْ تَنْتَهَ لِأَرْجُمَنَّكَ وَأَهْبُرِي مَلِيًّا ﴿٤٦﴾

(Bapanya) menjawab: "Patutkah engkau bercikan tuhan-tuhanku, wahai Ibrahim? Demi sesungguhnya jika engkau tidak berhenti daripada menyeru dan menasihati daku sudah tentu aku akan melontarmu dengan batu; dan (ingatlah lebih baik) engkau tinggalkan daku sepanjang masa"

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Selesai sahaja Nabi Ibrahim mengingatkan ayahnya untuk kembali menyembah Allah SWT dan meninggalkan perbuatan syirik supaya tidak diazab oleh di dalam neraka, maka ayahnya pun memberikan maklum balas. Ayah Nabi Ibrahim berkata “**wahai Ibrahim patutkah engkau benci kan tuhan-tuhanku?**” Perkataan ini diucapkan dalam nada yang marah.

Berbeza dengan Nabi Ibrahim yang memanggil ayahnya dengan panggilan yang baik. Oleh sebab marahkan Nabi Ibrahim maka ayahnya terus memanggil nama tanpa menyebutkan wahai anakku. Ini reaksi spontan manusia apabila mereka menunjukkan kemarahan. Nama seseorang akan disebut terus tanpa ada lagi panggilan kasih sayang. Ayah Nabi Ibrahim seolah-olah mengatakan kamu seorang anak yang tidak patut untuk membenci apa-apa yang aku sembah. Sepatutnya seorang anak haruslah taat kepada bapanya. Ternyata tanggapan ini salah kerana perbuatan syirik tidak perlu ditaati oleh seorang anak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Ali daripada nabi SAW menegaskan perkara ini

لا طاعة لمخلوق في معصية الخالق

Tiada ketaatan bagi mereka yang menyeru untuk derhaka kepada Khaliq (Allah SWT).

Gagasan ini gagal difahami oleh ayah Nabi Ibrahim. Benar seorang anak perlu taat kepada ibu bapanya tetapi bukan pada perkara yang menyekutukan Allah SWT. Kemarahan ayah Nabi Ibrahim semakin memuncak. Beliau seterusnya mengancam Nabi Ibrahim menggunakan kekerasan. Kata ayah Nabi Ibrahim “***demi sesungguhnya jika engkau tidak berhenti daripada menyeru dan menasihati daku sudah tentu aku akan melontarmu dengan batu***”. Nabi Ibrahim diancam untuk dilontar dengan batu yang merupakan ancaman yang besar daripada seorang ayah kerana ingin mencederakan anaknya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Tidak cukup sekadar itu ayah Nabi Ibrahim turut mengugut untuk mengusir Nabi Ibrahim. Katanya “**dan (ingatlah lebih baik) engkau tinggalkan daku sepanjang masa**”. Perbuatan mengusir anak daripada rumah merupakan suatu perbuatan yang keras dan tidak bertanggungjawab. Inilah bahayanya syirik, kerana pemikiran seorang yang musyrik tidak dapat berfikir dengan betul. Hasilnya akan timbullah perbuatan-perbuatan kasar dan zalim. Selanjutnya, mereka sanggup memutuskan silaturahim.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita jadikan panduan ialah perbuatan menyekutukan Allah SWT akan memusnahkan kehidupan dan memutuskan silaturahim akibat daripada tingkah laku kasar, kejam dan zalim yang lahir daripada hati yang mensyirikkan Allah SWT.

قَالَ سَلَامٌ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ

بِي حَفِيًّا ﴿٤٧﴾

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ibrahim berkata : “Selamat tinggalah ayah; aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosamu; sesungguhnya la sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku”

Sungguh kasar jawapan balas daripada ayah Nabi Ibrahim kerana penuh dengan kemarahan dan ancaman. Namun begitu, Nabi Ibrahim tetap mengucapkan dan mendoakan kesejahteraan dan keampunan bagi ayahnya. Kata Nabi Ibrahim jika begitu pendirian ayah maka **“selamat tinggalah ayah. Apa yang boleh dilakukan lagi saya telah diancam dan diusir oleh ayah sendiri selain mengucapkan selamat tinggal”**. Ucapan yang disusuli dengan doa dan janji bahawa baginda akan memohon kepada Allah SWT untuk pengampunan terhadap ayahnya. Ini menunjukkan Nabi Ibrahim masih menyayangi ayahnya walaupun diherdik dan diancam. Nabi Ibrahim yakin ayahnya terkeliru dengan keadaan kesesatan masyarakat yang menyembah berhala.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ibrahim mengharapkan Allah SWT mengampunkan ayahnya. Doa seorang anak tulus kepada Allah SWT. Harapan Nabi Ibrahim ini adalah berasaskan keyakinannya pada sifat Allah Yang Maha Pemurah. Situasi ini bersesuaian dengan hujung ayat ini, iaitu: **“Sesungguhnya Allah SWT sentiasa melimpahkan kemurahan ihsannya kepadaku”**. Allah akan menerima taubat hamba-Nya. Kasih sayang Allah SWT mengatasi azab yang dijanjikan kepada mereka yang ingkar. Sebab itulah Nabi Ibrahim begitu yakin dan berjanji untuk memohon kepada Allah SWT agar mengampuni dosa ayahandanya.

Hal ini berlaku sebelum daripada Allah SWT menyatakan bahawa dosa syirik tidak diampunkan bagi mereka yang kekal dalam kesyirikan sehingga menemui kematian. Maka apabila Nabi Ibrahim diwahyukan bahawa dosa syirik tidak diampunkan oleh Allah bagi mereka yang mati dalam kesyirikan, baginda telah berhenti daripada memohon keampunan Allah SWT. Ini disebutkan dalam firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 114 yang bermaksud

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“dan bukanlah istighfar Nabi Ibrahim bagi bapanya dibuat melainkan kerana adanya janji yang dijanjikan kepadanya dan apabila telah nyata kepada Nabi Ibrahim bahawa bapanya musuh bagi Allah ia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu lembut hati lagi penyabar”.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah sifat mendoakan kebaikan kepada orang yang menolak dakwah di jalan Allah SWT perlu menjadi amalan kita semua kerana hidayah itu milik Allah SWT.

وَأَعْتَرِكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَأَدْعُوا رَبِّي
عَسَىٰ أَلَّا أَكُونَ بِدُعَاءِ رَبِّي شَقِيًّا ﴿٤٨﴾

Dan aku akan membawa diri meninggalkan kamu semua serta apa yang kamu sembah yang lain dari Allah; dan aku akan beribadat kepada Tuhanku dengan ikhlas; mudah-mudahan aku dengan ibadatku kepada Tuhanku itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu)"

Dalam ayat ini Nabi Ibrahim menegaskan bahawa dia akan meninggalkan kaumnya kerana perbuatan mereka yang menyembah berhala. Nabi Ibrahim teguh dengan pendiriannya bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah. Penghijrahan ini berlaku setelah ayah dan kaumnya menolak dakwah yang dibawa oleh Nabi Ibrahim. Malahan ayah Nabi Ibrahim sendiri telah menghalau Nabi Ibrahim apabila merasakan Nabi Ibrahim telah bercanggah dengan agama nenek moyang mereka, iaitu menyembah berhala. Nabi Ibrahim menyatakan "***aku akan terus beribadah kepada Tuhanku dengan ikhlas***".

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Inilah jiwa yang kuat dan memperlihatkan ketegasan dalam mempertahankan iman. Baginda juga berani menyatakan ketidaksetujuan Baginda kepada perkara syirik. Hal ini jelas dalam ayat 48. Firman Allah SWT yang bermaksud ***“dan aku akan membawa diri meninggalkan kamu semua serta apa yang kamu sembah yang lain dari Allah; dan aku akan beribadat kepada Tuhanku dengan ikhlas”***.

Dalam ayat yang lain Allah SWT menyatakan sikap yang sama perlu ada kepada diri orang beriman apabila berhadapan dengan orang-orang musyrik atau kafir. Firman Allah dalam surah al-Kafirun ayat 1-4 yang bermaksud ***“Katakanlah wahai Muhammad, Hai orang-orang kafir aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah kamu dan kamu tidak mahu menyembah Allah yang aku sembah dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku”***.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Pendirian seperti ini menunjukkan bahawa orang beriman tidak akan bersekongkol dengan kekufuran. Mereka tidak bertoleransi dalam hal mentauhidkan Allah SWT. Bagi orang-orang beriman, memperhambakan diri kepada Allah SWT merupakan sesuatu yang diterima oleh akal yang sihat sesuai dengan fitrah semula jadi manusia. Allah SWT tidak mempersia-siakan hambanya. Setiap permohonan hamba-Nya akan didengar oleh Allah SWT kerana Allah begitu dekat terhadap hamba-Nya.

Berbeza pula dengan berhala yang disembah. Berhala merupakan objek yang kaku dan mati serta tidak dapat memberi manfaat mahupun mudarat kepada yang menyembahnya. Sampai satu ketika akal akan terdetik bahawa yang disembah itu tidak berkuasa. Akhirnya timbullah perasaan putus harap terhadap berhala yang disembah. Sebaliknya, orang-orang beriman tetap yakin bahawa Allah SWT yang menciptakan alam ini boleh mengurniakan permohonan hamba-Nya mengikut kudrat Allah. Jika Allah yang disembah itu adalah Tuhan yang sama pencipta dan pengurus alam semesta yang begitu besar dan hebat ini, maka Allah juga amat berkuasa memperkenankan permohonan hamba-Nya. Inilah yang menyebabkan Nabi Ibrahim menyatakan bahawa

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“aku dengan ibadatku kepada Tuhanku itu tidak menjadi hampa (dan derhaka seperti kamu)”.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan ialah ibadah yang dilakukan dengan ikhlas tidak akan menghampakan kerana Allah yang disembah itu bersifat dengan Maha Hidup dan Maha Mendengar.

فَلَمَّا أَعْتَزَلَهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَهَبْنَا
لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ ۖ وَكُلًّا جَعَلْنَا نَبِيًّا ﴿٤٩﴾

Maka apabila ia berhijrah meninggalkan mereka dan apa yang mereka sembah yang lain dari Allah kami kurniakan kepadanya: Ishak (anaknya), dan Yaakub (cucunya); dan kedua-duanya Kami jadikan berpangkat Nabi

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apabila dakwah yang diseru oleh Nabi Ibrahim kepada ayah dan kaumnya ditolak bahkan diancam serta diusir, maka Nabi Ibrahim pun berhijrah ke Palestin. Hijrah menjadi sunnah para Nabi. Hijrah itu adakalanya diperlukan bagi menyelamatkan iman. Mereka yang berhijrah akan mendapati kebaikan yang banyak di sebalik hijrah tersebut.

Dalam kisah ini Allah SWT menyatakan **“Maka apabila dia berhijrah meninggalkan mereka dan apa yang mereka sembah yang lain dari Allah kami kurniakan kepadanya: Ishak (anaknya), dan Yaakub (cucunya); dan kedua-duanya Kami jadikan berpangkat Nabi”**. Inilah natijah yang diperolehi oleh Nabi Ibrahim setelah berhijrah ke Palestin.

Nabi Ibrahim meninggalkan ahli keluarga dan kaumnya yang menyekutukan Allah SWT. Nabi Ibrahim meninggalkan kampung halamannya menuju ke Palestin. Satu tempat yang jauh dan asing kepada Nabi Ibrahim. Namun begitu, Allah SWT telah melimpahkan banyak kebaikan kepada Nabi Ibrahim.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Antaranya dalam ayat ini Allah SWT telah mengurniakan kepada Nabi Ibrahim dua generasi yang soleh, iaitu Ishak (anak) serta Yaakob (cucu). Ishak merupakan anak kepada Nabi Ibrahim, manakala Yaakob pula cucu kepada Baginda. Ini menggambarkan Nabi Ibrahim dikurniakan dengan keturunan yang baik-baik dan soleh. Jika kita perhatikan dalam ayat yang lain, Allah SWT mengurniakan kepada Nabi Ibrahim seorang anak yang dilahirkan melalui Siti Sarah, iaitu Nabi Ishak. Isteri Nabi Ibrahim ini pada asasnya tidak dapat melahirkan anak. Ketika dikhabarkan oleh Allah SWT bahawa Nabi Ibrahim akan menerima seorang anak yang alim maka berita ini amat menggembirakan mereka berdua. Kedua-dua mereka telah pun berumur lanjut. Kisah ini turut berkaitan dengan kisah Nabi Zakaria yang telah menerima kelahiran Nabi Yahya ketika umur yang sudah tua. Inilah ketentuan Allah SWT, iaitu apabila Allah menghendaki kegembiraan kepada hamba-Nya. Bezanya ialah Nabi Zakaria memohon khusus untuk mendapatkan zuriat, tetapi Nabi Ibrahim tidak memohon kepada Allah SWT untuk dikurniakan dengan Nabi Ishak. Tetapi atas kehendak Allah Nabi Ishak dianugerahkan oleh Allah SWT kepada Nabi Ibrahim.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ibrahim turut mempunyai seorang isteri lain yang bernama Siti Hajar. Melalui Hajar, Nabi Ibrahim dikurniakan anak yang bernama Ismail. Jarak kelahiran antara Nabi Ismail dengan Nabi Ishak ialah 11 tahun. Allah benar-benar sayangkan kepada hamba-Nya. Allah mengurniakan Nabi Ishak setelah kelahiran Nabi Ismail. Daripada Nabi Ishak lahir pula cucu Nabi Ibrahim yang bernama Yaakob. Kedua-duanya Allah SWT telah lantik menjadi Nabi.

Apakah yang lebih mulia apabila dikurniakan dengan keturunan yang baik dan dilantik menjadi Rasul sebagai penyampai risalah umat? Daripada Nabi Yaakob inilah lahirnya Bani Israel. Ramai Nabi telah dilantik oleh Allah SWT dalam kalangan Bani Israel. Sungguh Allah telah mengurniakan kemuliaan kepada Nabi Ibrahim setelah baginda berhijrah ke Palestin.

Nilai Pendidikan: Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahawa apabila Allah SWT memerintahkan kita untuk berhijrah, maka di sana pasti ada banyak kebaikan yang akan dikurniakan kepada kita.

وَوَهَبْنَا لَهُمْ مِّن رَّحْمَتِنَا وَجَعَلْنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ
عَلِيًّا

Dan Kami kurniakan kepada mereka dari rahmat Kami, dan Kami jadikan bagi mereka sebutan dan pujian yang tinggi dalam kalangan umat manusia

Di akhir kisah Nabi Ibrahim dalam surah ini, Allah SWT menyatakan bahawa “Kami kurniakan kepada mereka dari rahmat Kami, dan Kami jadikan bagi mereka sebutan dan pujian yang tinggi dalam kalangan umat manusia”. Allah mengurniakan rahmat kasih sayang-Nya kepada Nabi Ibrahim dan keturunannya. Allah meluaskan rezeki mereka. Allah menempatkan mereka di tanah yang berkat. Allah jadikan keturunan Nabi Ibrahim dan seterusnya sebagai keturunan yang baik-baik. Allah melantik ramai dalam kalangan mereka Nabi dan rasul utusan Allah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Inilah kebaikan yang dijanjikan oleh Allah SWT bagi mereka yang berhijrah. Selain daripada itu Allah nyatakan “dan Kami jadikan bagi mereka sebutan dan pujian yang tinggi dalam kalangan umat manusia”. Hal ini bermaksud Allah memelihara nama baik keturunan Nabi Ibrahim. Allah jadikan Nabi Ibrahim, Nabi Ishak dan Nabi Yakub untuk sentiasa mendapat pujian yang tinggi daripada manusia. Sehingga ke hari ini nama Nabi Ibrahim, Nabi Ishak dan Nabi Yaakub dikenali oleh kebanyakan manusia. Ketiga-tiga agama samawi, iaitu agama Islam, agama Yahudi serta Nasrani kesemuanya mengenali ketiga-tiga orang Nabi ini. Kisah ini menjadi satu motivasi kepada Nabi SAW apabila diperintahkan Baginda untuk berhijrah ke Madinah, maka sudah pasti ada banyak kebaikan yang disediakan oleh Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah hijrah di jalan Allah SWT akan membawa kepada kebaikan dan kemuliaan yang dikurniakan kepada mereka yang ikhlas dan sabar dalam berhijrah.

Kisah Nabi Musa - Dakwah Secara Kolektif (ayat 51 - 53)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ مُوسَىٰ إِنَّهُ كَانَ مُخْلَصًا وَكَانَ رَسُولًا
نَبِيًّا

Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Musa; sesungguhnya ia adalah orang pilihan, dan adalah ia seorang Rasul, lagi Nabi

Dalam ayat ini Allah membawa kisah Nabi Musa a.s, iaitu kisah Nabi yang keempat di dalam surah Maryam. Kisah Nabi Musa ini mirip kepada kisah Nabi Ibrahim yang ikhlas memperhambakan diri kepada Allah SWT dan bebas daripada syirik. Allah meminta Nabi Muhammad SAW membacakan tentang kisah Nabi Musa daripada al-Quran. Ini menunjukkan al-Quran ini membawa kisah agung para Nabi yang berjuang mempertahankan iman dan tauhid.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hanya al-Quran menjadi rujukan yang benar kerana isi kandungannya datang daripada pencipta alam ini.

Sebuah kisah tidak dapat dipastikan kebenarannya apabila ia datang daripada sesama manusia yang lemah. Ilmu pengetahuan manusia amat terbatas. Allah yang Maha Mengetahui peristiwa yang telah berlaku walaupun mengambil masa yang begitu panjang telah membawa kisah Nabi-Nabi terdahulu di dalam al-Quran. Maka "***bacakanlah wahai Muhammad kisah Nabi Musa di dalam al-Quran ini, kisah Nabi Musa***" kisah yang penuh dengan kebenaran.

Allah SWT menjelaskan bahawa Nabi Musa adalah seorang Rasul yang diutuskan dan Nabi yang dilantik oleh Allah SWT. Walaupun Nabi Muhammad SAW tidak pernah bertemu dengan Nabi Musa selain di dalam peristiwa Israk dan Mikraj, akan tetapi Allah SWT telah menyampaikan kisah Nabi Musa dengan jelas dan terang. Banyak surah-surah lain yang telah membawa kisah Nabi Musa A.S.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Musa ialah seorang Nabi yang diutuskan pada zaman kerajaan Firaun yang zalim. Nabi Musa turut berhadapan dengan bani Israel yang banyak menimbulkan masalah dalam dakwah baginda (Al-Khatib, 1975). Cerita-cerita benar tentang Nabi Musa ini tidak diketahui oleh Nabi kita Muhammad SAW melainkan setelah Allah memberitakannya dalam al-Quran. Jelas bahawa al-Quran datangnya daripada Allah SWT. Ketepatan dan ketulenan kisah yang dibawa di dalam al-Quran ternyata tidak dapat diragukan.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah perjuangan mempertahankan tauhid. Perjuangan ini merupakan perjuangan yang mulia sehingga Allah SWT abadikan di dalam al-Quran perjuangan para Anbiya sebelum daripada Nabi Muhammad SAW.

وَنَذَيْنَهُ مِنْ جَانِبِ الطُّورِ الْأَيْمَنِ وَقَرَّبْنَاهُ نَجِيًّا

Dan Kami telah menyerunya dari arah sebelah kanan Gunung Tursina, dan Kami dampingkan dia dengan diberi penghormatan berkata dengan Kami

Salah satu daripada kisah Nabi Musa yang terkenal, iaitu ketika Nabi Musa dipanggil untuk bertemu dengan Allah SWT di Gunung Tursina. Kisah ini bermula apabila Nabi Musa A.S menyelamatkan diri daripada dihukum oleh Firaun akibat membantu seorang yang berbangsa Bani Israel daripada ditindas oleh seorang yang berbangsa Qibti. Bangsa Qibti merupakan bangsa yang dilindungi oleh Firaun. Nabi Musa telah dinasihatkan oleh seorang yang dipercayai untuk meninggalkan bumi Mesir. Nabi Musa menuju ke sebuah tempat bernama Madyan. Di sana akhirnya Nabi Musa bertemu dengan sebuah keluarga yang soleh iaitu keluarga Nabi Shuib. Kemudian Nabi Musa telah berkahwin dengan salah seorang daripada anak perempuan Nabi Syuaib.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setelah Nabi Musa merasakan tempoh baginda meninggalkan Mesir sudah begitu lama dan mungkin peristiwa hitam diburu tentera Firaun sudah dilupai, maka baginda bercadang untuk pulang ke pangkuan keluarganya di Mesir.

Baginda telah menuju ke Mesir bersama isterinya. Satu malam dalam perjalanan ke Mesir baginda telah nampak seolah-olah daripada jauh unggun api berhampiran dengan gunung Tursina. Lalu baginda berkata kepada isterinya untuk menunggu supaya baginda boleh menyiasat apakah yang ada di sebalik unggun api tersebut. Apabila sampai berhampiran dengan gunung Tursina maka baginda mendengar suara yang menyerunya. Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT. ***“Dan Kami telah menyerunya dari arah sebelah kanan Gunung Tursina, dan Kami dampingkan dia dengan diberi penghormatan berkata dengan Kami”***. Allah memanggil Nabi Musa untuk berkata-kata dengannya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Atas sebab inilah Nabi Musa dikenali sebagai *kalimullah*. Nabi yang boleh terus bercakap dengan Allah SWT. Allah SWT menyatakan di dalam ayat ini bahawa Allah mendampingi Nabi Musa, iaitu bermaksud Allah akan ada bersama-sama dengan perjuangan Nabi Musa. Maka tiada lagi kegentaran dan kekusaran terhadap Firaun apabila sampai di Mesir kelak. Kemudian Allah nyatakan Kami kurniakan kehormatan kepadanya iaitu Nabi Musa. Baginda dilantik oleh Allah SWT sebagai Nabi dan rasul. Bukan sekadar itu, Nabi Musa dikurniakan dengan mukjizat yang boleh melemahkan Firaun dan pengikutnya apabila mereka bertemu dan berhujah berkaitan dengan Tuhan yang sebenar.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah seruan daripada Allah SWT kepada kita sebagai makhluk merupakan tanda Allah SWT mendampingi dan memuliakan kita. Oleh sebab itu apabila kita diseru untuk solat yakni bertemu dengan Allah SWT, maka ketahuilah bahawa kita sedang dimuliakan oleh Allah SWT.

وَوَهَبْنَا لَهُ مِنْ رَحْمَتِنَا أَخَاهُ هَارُونَ نَبِيًّا ﴿٥٣﴾

Dan Kami kurniakan kepadanya dari rahmat Kami, saudaranya: Harun, yang juga berpangkat Nabi

Setelah dilantik oleh Allah SWT menjadi Nabi dan Rasul yang diutuskan untuk mengajak Firaun balik ke pangkal jalan, maka Nabi Musa A.S telah memohon kepada Allah SWT untuk menjadikan Nabi Harun sebagai pembantunya. Nabi Harun adalah abang kepada Nabi Musa. Nabi Harun merupakan seorang Nabi yang sangat santun dan lemah lembut serta petah berkata-kata. Sebelum daripada Nabi Musa dilantik menjadi Nabi oleh Allah SWT, Nabi Harun merupakan orang biasa yang tinggal dengan keluarganya di Mesir. Nabi Musa menyedari bahawa dirinya kurang fasih bertutur kerana lidah Nabi Musa tercedera semasa diuji oleh Firaun dengan bara api bagi menentukan bayi (Nabi Musa) yang dibawa masuk ke dalam istananya tidak berbahaya. Oleh itu baginda memohon kepada Allah SWT untuk melantik Nabi Harun sebagai pembantunya. Ini bermaksud secara tidak langsung saudaranya Harun juga akan dilantik sebagai Nabi.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dengan kasih sayang Allah SWT maka Allah memperkenankan permohonan Nabi Musa. Nabi Harun dilantik menjadi Nabi sekali gus membantu Nabi Musa untuk berdakwah kepada Firaun. Hal ini menunjukkan bahawa usaha dakwah ialah usaha yang kolektif dan penuh strategi. Sekiranya Allah SWT ingin menguatkan agamanya maka disediakan pembantu-pembantu di jalan dakwah-Nya. Nabi Musa dan Nabi Harun berhadapan dengan Firaun yang melampaui batas sehingga sanggup mengatakan dirinya adalah Tuhan. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memujuk Firaun dan pengikutnya untuk balik menyembah Allah SWT memerlukan strategi yang betul selain pertolongan daripada Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah agama ini boleh diperkuatkan apabila pembantu-pembantu di jalan dakwah sentiasa menyusun strategi lalu bertawakal kepada Allah untuk mengajak manusia kembali menyembah Allah SWT.

Kisah Nabi Ismail: Benar dengan Janji (Ayat 54 - 55)

وَأَذْكُرُ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ
وَكَانَ رَسُولًا نَّبِيًّا

Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Ismail; sesungguhnya ia adalah benar menepati janji dan adalah ia seorang Rasul, lagi berpangkat Nabi

Ini adalah kisah yang kelima yang dibawa oleh Allah SWT di dalam surah Maryam. Kisah Nabi Allah Ismail bin Ibrahim al-Khalil. Nabi Ismail ialah anak pertama Nabi Ibrahim yang dilahirkan daripada isterinya yang bernama Siti Hajar. Nabi Ibrahim telah membawa Siti Hajar dan Ismail berhijrah dari Palestin ke Mekah. Ketika itu Nabi Ismail masih bayi dan masih disusukan oleh ibunya. Mekah ketika itu adalah kawasan yang tidak berpenghuni dan gersang.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setelah sampai di lembah Kaabah, Nabi Ibrahim menempatkan Siti Hajar dan Nabi Ismail di lembah Kaabah bersama-sama dengan sebekas kurma sebagai makanan dan sebekas air. Ketika hendak meninggalkan isterinya Siti Hajar dan bayinya Ismail, maka Siti Hajar memanggil suaminya Nabi Ibrahim. Lalu ditanya oleh Siti Hajar apakah Allah SWT yang memerintahkan kamu untuk meninggalkan kami di sini? Maka Nabi Ibrahim menjawab ya. Mendengar jawapan itu lalu Hajar berkata, jika demikian tidak mengapa, pergilah kerana Allah SWT tidak akan mensia-siakan hamba-Nya. (Al-Sya'rawi, 2005)

Inilah pengorbanan yang ditunjukkan oleh seorang bapa, iaitu Nabi Ibrahim dan seorang ibu, iaitu Siti Hajar dalam mentaati perintah Allah SWT. Tidak berapa lama sepeninggalan Nabi Ibrahim, maka bekalan yang ditinggalkan untuk mereka berdua telah kehabisan. Lembah yang tiada penghuni tu menyukarkan Siti Hajar untuk meminta bantuan. Maka Siti Hajar menuju ke kawasan yang lebih tinggi, iaitu bukit Safa untuk melihat sekiranya ada manusia lain yang boleh membantunya memberikan makanan dan minuman.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Mereka sudah kehausan dan kelaparan. Malangnya setelah ditinjau dan dipanggil berkali-kali tiada siapa yang menyahut. Siti Hajar kemudiannya berlari-lari di antara dua bukit iaitu Safa dan Marwah sebanyak tujuh kali sebagai usaha untuk mendapatkan makanan dan minuman. Akhirnya setelah penat berlari di antara Safa dan Marwah beliau bersama anaknya Ismail duduk berhampiran dengan kawasan Kaabah.

Maka dengan perintah Allah SWT malaikat telah pun mengibaskan sayapnya ke kawasan Telaga Zamzam yang berhampiran dengan Kaabah. Tidak lama kemudian keluarlah air. Melihatkan air yang keluar begitu banyak maka Siti Hajar menyebut Zamzam sambil mengepung air tersebut. Inilah telaga dijadikan oleh Allah SWT sebagai sumber air yang tidak pernah kering sehingga kini untuk dinikmati daripada satu generasi ke satu generasi manusia.(Tantawi, 1996)

Dengan adanya sumber air tersebut, maka Siti Hajar dan Nabi Ismail dapat meneruskan kehidupan di lembah yang gersang itu. Tidak lama kemudian maka lalulah satu kafilah Arab dari suku kaum Jurhum ke kawasan yang didiami oleh Siti Hajar dan anaknya Ismail.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Melihatkan adanya sumber air di kawasan tersebut, maka suku Jurhum meminta izin daripada Siti Hajar untuk tinggal bersama di kawasan tersebut. Mereka diizinkan tinggal di kawasan itu. Akhirnya Nabi Ismail berkahwin dengan keturunan suku Jurhum dan mereka hidup bersama-sama di kawasan Makkah. Daripada Nabi Ismail lahirlah 12 anak yang menjadi ketua suku Arab di kawasan Hijaz. Oleh sebab itu Nabi Ismail dikenali sebagai bapa Arab. (Al-Mubarakfuri, 2015)

Nabi Ibrahim sering datang menziarahi Siti Hajar dan anaknya Ismail. Berlaku beberapa peristiwa penting yang dirakamkan di dalam al-Quran sepanjang kehidupan Nabi Ismail. Antaranya ialah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail diperintahkan untuk membina semula Kaabah. Selain itu Nabi Ibrahim juga diperintahkan untuk menyembelih Nabi Ismail sebagai tanda korban yang akhirnya Allah SWT telah menukarkan dengan seekor kibasy.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sejarah panjang Nabi Ismail ini merupakan satu kisah yang diabadikan oleh Allah SWT sebagai seorang Nabi yang berperibadi tinggi. Terdapat empat sifat utama yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam surah Maryam ini tentang Nabi Ismail (Al-Zuhaily, 2007).

Di dalam ayat ini, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW dan kita semua membaca daripada al-Quran kisah Nabi Ismail. Sebagaimana Nabi-Nabi yang terdahulu di dalam surah Maryam ini, Allah memerintahkan supaya kisah tersebut diambil daripada al-Quran. Sekali lagi hanya al-Quran yang akan menjadi sumber kisah yang benar kerana didatangkan oleh Allah SWT. Sifat pertama di dalam ayat ini ialah Nabi Ismail disebut sebagai seorang yang benar lagi menepati janji: **“*sesungguhnya ia adalah benar lagi menepati janji*”**. Dikatakan Nabi Ismail ini tidak pernah menyalahi janjinya sama ada sesama manusia mahupun dengan Allah SWT.

Bukti Nabi Ismail menepati janji adalah apabila Nabi Ibrahim menyatakan bahawa Allah telah memerintahkan untuk menyembelihnya, maka Nabi Ismail menyatakan:



Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“Wahai ayahku buatlah apa-apa yang diperintahkan oleh Allah, nescaya kamu dapati aku daripada orang-orang yang sabar”. Apabila tiba masa untuk dikorbankan Nabi Ismail datang menyerahkan dirinya seperti yang dijanjikan kepada bapanya. Sifat mulia ini turut ada pada diri Nabi Muhammad SAW. Sifat benar dan menepati janji ini sepatutnya menjadi sifat orang-orang yang beriman.

Sifat kedua yang disebutkan oleh Allah SWT tentang Nabi Ismail di dalam ayat ini ialah Nabi Ismail diutuskan sebagai Rasul dan Nabi. Berbeza dengan adik tirinya Nabi Ishak yang hanya dilantik menjadi Nabi. Ini adalah satu kemuliaan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Nabi Ismail. Sama seperti kurniaan kepada Nabi Ibrahim, iaitu dilantik menjadi Nabi dan Rasul. Amanah yang diberikan oleh Allah SWT sebagai Nabi dan Rasul ini telah dipelihara dengan begitu baik. Nabi Ismail bersikap benar dan tidak menyalahi janjinya kepada Allah SWT untuk menyampaikan ajaran al-Hanif yang dibawa oleh Nabi Ibrahim kepada ahli keluarganya dan masyarakat sekitar.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang ke-54 ini nilai pendidikan yang dapat kita ambil untuk dipraktikkan di dalam kehidupan kita ialah sifat benar dan menepati janji adalah sifat terpuji yang menjadi teras kepada setiap orang yang beriman.

وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ
مَرْضِيًّا

Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat, dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya!

Seterusnya Allah SWT menjelaskan sifat mulia ketiga yang ada pada diri Nabi Ismail. Kata Allah SWT adalah “***dia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat***”. Daripada ayat ini Allah SWT menzahirkan sifat Nabi Ismail yang sentiasa mentaati perintah Allah. Antara perintah utama Allah SWT termasuklah mendirikan solat dan menunaikan zakat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Ismail sentiasa menyuruh ahli keluarganya untuk memelihara solat dan zakat. Amalan ini dimulakan dengan ahli keluarganya sebagai qudwah atau contoh tauladan yang baik kepada orang lain. Nabi Ismail sebagai utusan Allah SWT sentiasa memastikan bahawa perintah mendirikan solat dan zakat disebarkan kepada orang di sekelilingnya. Ini juga bermaksud Nabi Ismail meneruskan dakwah bapanya Nabi Ibrahim dan Nabi-Nabi yang terdahulu dengan mengajak manusia untuk menyembah Allah SWT melalui ibadat solat serta memperbaiki hubungan sesama ahli masyarakat melalui ibadat zakat.

Kemudian Allah SWT menjelaskan sifat keempat Nabi Ibrahim di dalam ayat ini bahawa Nabi Ismail adalah **“seorang yang diredhai di sisi Tuhannya”**. Diredai oleh Allah SWT kerana sentiasa taat dan patuh kepada perintahnya. Diredai oleh ibu bapanya kerana sentiasa berbuat baik dan mentaati kepada kedua ibu bapanya. Diredai oleh kaum yang ada di sekelilingnya, iaitu kabilah-kabilah Arab kerana Nabi Ismail sentiasa berkata benar dan tidak menyalahi janji. Boleh dikatakan Nabi Ismail merupakan seorang Nabi yang diredai oleh al-Khaliq (Pencipta) dan makhluk Allah yang lain.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Pemerhatian kita kepada ayat ke-55 ini membolehkan kita mengambil nilai pendidikan yang sangat penting untuk diterapkan ke dalam diri, iaitu menegakkan perintah Allah SWT di dalam diri dan ahli keluarga. Caranya dengan mendirikan solat dan menunaikan zakat bagi meraih keredaan Allah SWT.

Kisah Nabi Idris Pencinta Ilmu (Ayat 56 - 57)

وَأذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِدْرِيْسَ إِنَّهُ كَانَ صِدِّيقًا نَبِيًّا ﴿٥٦﴾

Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Idris; sesungguhnya adalah ia amat benar (tutur katanya dan imannya), serta ia seorang Nabi

Dalam ayat ini Allah SWT meminta Nabi Muhammad SAW membacakan kepada kita kisah Nabi yang kelima dalam surah ini. Nabi yang dimaksudkan ialah Nabi Idris AS. Nabi Idris merupakan Nabi pertama yang diutuskan oleh Allah SWT selepas daripada Nabi Adam dan nabi Syis. Hal ini bermaksud Nabi Idris merupakan Nabi sebelum Nabi Nuh AS. Nama Idris diambil daripada perkataan Arab *darasa* yang bermaksud belajar. Oleh sebab cintanya Nabi Idris kepada ilmu yang begitu tinggi, Nabi Idris merupakan seorang yang bersungguh-sungguh dalam mempelajari sesuatu sehingga ilmu pengetahuannya amat mendalam dan tinggi.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi Idris dikatakan Nabi pertama yang memulakan penulisan dalam tradisi manusia (Ibn Kathir, . Melalui penulisan, Nabi Idris mencatatkan segala ilmu pengetahuan yang diperolehnya. Pada zaman Nabi Idris juga dikatakan ilmu pengetahuan telah berkembang dan manusia mula maju. (Al-Sya'rawi, 2005)

Keluasan ilmu tidaklah menyebabkan Nabi Idris menjadi sombong. Nabi Idris disebut oleh Allah SWT sebagai seorang yang **“amat benar tutur katanya dan imannya”**. Ini bermaksud Nabi Idris seorang yang amanah, selalu berkata benar dan menzahirkan kebenaran imannya melalui kepatuhan kepada semua perintah Allah SWT. Sifat ini juga telah disebutkan sebagai satu sifat yang juga ada pada Nabi Ismail dan Nabi Ibrahim. Betapa pentingnya sifat benar ini sehingga Allah SWT menonjolkan dalam surah Maryam ini tiga orang Nabi yang sangat benar dan mencintai kebenaran. Ini bukanlah bermaksud Nabi-Nabi lain tidak mempunyai sifat ini. Namun begitu, ketiga-tiga Nabi ini seolah-olah Allah SWT mengingatkan kita bahawa mereka tersangat benar dalam kalangan manusia sehingga perlu dicontohi.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ilmu pengetahuan yang luas digabungkan dengan *nubuwwah* yang dianugerahkan kepada Nabi Idris merupakan satu kemuliaan apabila Baginda dilantik sebagai seorang Nabi.

Nilai Pendidikan: Daripada ayat ini kita dapat mengambil nilai pendidikan untuk diterapkan di dalam kehidupan kita, iaitu ilmu pengetahuan dan keimanan merupakan gandingan yang perlu ada di dalam diri kita semua.

وَرَفَعْنَاهُ مَكَانًا عَلِيًّا ﴿٥٧﴾

Dan Kami telah mengangkatnya ke tempat yang tinggi darjatnya

Seterusnya Allah SWT menyatakan di dalam ayat ini bahawa Nabi Idris telah “***kami angkatnya ke tempat yang tinggi darjatnya***”. Dalam ayat lain Allah SWT menyatakan bahawa orang-orang yang berilmu ini mempunyai darjat yang berbeza dengan orang yang tidak berilmu. Firman Allah SWT di dalam surah al-Mujadalah ayat ke-11 yang bermaksud :

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

” Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan derajat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa derajat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan”. Allah telah mengangkat martabat Nabi Idris ke pangkat yang mulia. Nabi Idris dimuliakan oleh Allah SWT di dunia dan dalam kalangan penduduk langit. Diriwayatkan bahawa Nabi Idris juga pernah dibawa oleh Malaikat untuk melihat kerajaan Allah SWT di langit.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang perlu kita tanamkan dalam diri kita ialah ketinggian ilmu pengetahuan terutamanya ilmu mengenal Allah SWT menyebabkan seseorang mendapat kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT.

Para Anbiya' dan Orang Soleh Sujud dan Menangis Kepada Allah SWT (Ayat 58)

أُولَئِكَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ مِنْ ذُرِّيَةِ آدَمَ
وَمِمَّنْ حَمَلْنَا مَعَ نُوحٍ وَمِنْ ذُرِّيَةِ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْرَائِيلَ
وَمِمَّنْ هَدَيْنَا وَاجْتَبَيْنَا إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُ الرَّحْمَنِ
خَرُّوا سُجَّدًا وَبُكِيًّا ﴿٥٨﴾

Mereka itulah sebahagian dari Nabi-Nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah-limpah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam, dan dari keturunan orang-orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh, dan dari keturunan Nabi Ibrahim, dan (dari keturunan) Israil- dan mereka itu adalah dari orang-orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan Kami pilih. Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah) Ar-Rahman, mereka segera sujud serta menangis

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Begitulah kisah enam orang Nabi yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam surah Maryam ini. Sebenarnya banyak lagi Nabi yang tidak dibawa kisah mereka di dalam al-Quran sebagai mana firman Allah SWT di dalam surah Nisa Ayat 164 yang bermaksud. ***“Dan (Kami telah memutuskan) beberapa orang Rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan hal mereka kepadamu. Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan)”*** Menariknya Allah membawa kisah enam orang Nabi di dalam Surah Maryam ini seolah-olah meliputi kisah para Nabi yang lain yang diutuskan oleh Allah SWT.

Allah nyatakan di dalam ayat 58 yang bermaksud ***“mereka Itulah sebahagian daripada Nabi-Nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah kepada mereka”***, iaitu Allah SWT melimpahkan nikmat kasih sayang-Nya kepada semua Nabi yang diceritakan di dalam surah ini. Nabi-Nabi yang disebutkan oleh Allah SWT ini menghadapi cabaran dan dugaan yang begitu hebat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Namun begitu, dengan kasih sayang Allah SWT mereka terus menyampaikan wahyu yang diturunkan kepada mereka dengan mengajak manusia untuk terus beriman Kepada Allah.

Mereka memperingatkan tentang bahaya syirik. Mereka mengingatkan tentang solat bagi memperkukuhkan hubungan dengan Allah. Mereka memperingatkan manusia tentang zakat bagi menjalin kasih sayang antara sesama manusia. Mereka mengajak manusia untuk mempersiapkan diri menghadapi alam akhirat. Inilah yang dimaksudkan nikmat kasih sayang yang melimpah ruah yang dikurniakan kepada Nabi- Nabi yang telah diceritakan oleh Allah dalam al-Quran.

Allah menyatakan di dalam ayat ini Nabi-Nabi tersebut terdiri “**daripada keturunan Nabi Adam**”, iaitu Nabi Idris. Hal ini dikatakan demikian kerana selepas daripada Nabi Adam tidak ada manusia lain yang dilantik menjadi Nabi kecuali Nabi Idris. Kemudian Allah SWT menyatakan “**dan daripada keturunan orang-orang yang kami bawa bersama dalam bahtera Nabi Nuh**”. Walaupun Nabi Nuh tidak diceritakan di dalam surah ini,

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

namun Allah SWT menyatakan Allah turut melimpahkan rahmat-Nya kepada Nabi-Nabi yang diutuskan selepas daripada Nuh beberapa orang Nabi termasuklah Nabi Ibrahim. Kemudian Allah menyatakan secara jelas kemuliaan keturunan Nabi Ibrahim. Keturunan Nabi Ibrahim merangkumi tiga agama samawi yang besar iaitu Islam, Nasrani dan Yahudi.

Demikianlah rahmat Allah yang dilimpahkan keturunan Nabi Ibrahim. Allah muliakan keturunan Arab melalui Nabi Ismail sehingga lahirnya Nabi Muhammad SAW. Begitu juga daripada Bani Israel lahir Nabi Ishak dan Nabi Yaakub. "***Dan Israel***" iaitu Nabi Yaakub lahirnya Nabi-Nabi seperti Nabi Sulaiman, Nabi Daud, Nabi Yusuf, Nabi Musa, Nabi Zakaria, Nabi Yahya, dan Nabi Isa. Begitu juga Allah SWT mengurniakan rahmat kepada "***dan mereka yang diberikan petunjuk dan dipilih***" oleh Allah SWT. Setengah riwayat menyatakan jumlah Nabi yang diutuskan oleh Allah SWT sangat banyak, iaitu 124,000 orang. Nabi yang wajib diketahui ialah seramai 25 orang seperti telah disebutkan nama mereka di dalam al-Quran.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Luasnya rahmat Allah SWT sehinggakan manusia tidak dibiarkan hidup tanpa petunjuk melainkan diutuskan para Nabi untuk membimbing mereka ke jalan mengenal Allah SWT.

Inilah janji Allah kepada Nabi Adam ketika diturunkan ke muka bumi dalam surah al-Baqarah ayat 38 yang bermaksud ***“Kami berfirman lagi: “Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dariKu (melalui Rasul-rasul dan Kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjukKu itu nescaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”***

Allah SWT seterusnya menjelaskan lagi di dalam hujung ayat ini sifat para Nabi yang dilimpahkan dengan rahmat oleh Allah SWT serta dipilih dan diberi petunjuk ialah ***“apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah) Ar-Rahman, mereka segera sujud serta menangis”***. Sujud adalah lambang ketaatan seorang hamba.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setiap kali dibacakan ayat-ayat yang menunjukkan kebesaran ar-Rahman, para Nabi dan orang-orang soleh segera sujud lalu menangis kerana takutkan azab Allah SWT dan insaf di atas kelemahan diri sebagai makhluk Allah yang kerdil. Tangisan ini adalah tangisan yang lahir daripada hati yang suci dan lembut serta takutkan Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah Allah SWT dengan rahmat-Nya sentiasa mengutus Nabi untuk membimbing manusia ke jalan yang benar dan dapat membersihkan jiwa mereka. Manusia turut dibimbing sehingga takutkan azab Allah SWT. Hanya hati yang bersih dan suci sahaja mampu untuk menangis kerana Allah SWT.

Umat Pasca Zaman Anbiya' dan Solihin (Ayat 59)

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٥٩﴾

Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)

Kata Allah SWT di dalam ayat ini setelah wafatnya para Nabi utusan Allah SWT dan orang-orang soleh, maka wujudlah kelompok manusia yang mula lupa tentang apa-apa yang diperingatkan kepada mereka. Firman Allah SWT dalam ayat ini ***kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan solat dan menurut hawa nafsu***. Inilah juga situasi yang berlaku pada zaman sekarang. Tempoh masa yang panjang setelah Nabi-Nabi wafat menyebabkan ada manusia yang menyeleweng daripada ajaran sebenar. Antara perkara yang mula dilakukan ialah mereka meninggalkan atau mencuaikan solat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Mereka menganggap solat tidak penting. Sedangkan para Rasul telah mengingatkan umat manusia tentang kepentingan solat.

Natijah daripada meninggalkan solat ialah manusia mula renggang dengan Allah SWT. Apabila manusia jauh daripada Allah SWT, hasutan jahat syaitan dan hawa nafsu mula membelenggu. Inilah yang amat ditakuti kesan daripada mensia-siakan atau mencuaikan solat yang akhirnya membawa kepada tabiat buruk kerana menuruti hawa nafsu yang jahat. Mereka melakukan maksiat seolah-olah perbuatan mereka tidak dilihat oleh Allah yang mentadbir alam ini. Keyakinan terhadap pembalasan pada hari akhirat juga mula luntur yang akhirnya mereka terperangkap dalam perkara mungkar dan maksiat. Kelak mereka akan menyesal kerana perbuatan mereka pasti dibalas oleh Allah SWT walau sekecil-kecil perbuatan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Firman Allah SWT yang bermaksud di dalam surah al-Zalzalah ayat 7 hingga 8 yang bermaksud **«Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!(7)**

Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!(8)

Nasib buruk yang akan diterima oleh mereka yang mencuaikan solat dan menurut hawa nafsu dalam melakukan maksiat, tidak lain tidak bukan ialah kata Allah SWT: **mereka akan mendapat azab dalam neraka.**

Tidak ada sesiapa yang dapat membantu dan mengeluarkan ahli neraka daripada azab ini seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam surah al-Sajadah ayat yang ke-20 yang bermaksud **«Dan sebaliknya orang-orang yang fasik, maka tempat kediaman mereka ialah neraka; tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, mereka dikembalikan kepadanya, serta dikatakan kepada mereka: "Rasalah azab neraka yang kamu sentiasa mendustakannya di dunia dahulu"**

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Oleh hal yang demikian, nilai pendidikan yang dapat diterapkan di dalam diri kita adalah apabila berhadapan dengan keturunan yang mencuaikan solat dan menurut hawa nafsu serta bergelumang dengan maksiat dan kekejian, maka ingatlah kita kepada al-Quran dan Hadis yang dapat menyelamatkan kita daripada azab Allah SWT.

**Taubat : Balasan Syurga Penuh Nikmat (Ayat 60
- 63)**

إِلَّا مَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ
الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْئًا

Kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka mereka itu akan masuk Syurga, dan mereka pula tidak dikurangkan pahala sedikit pun

Manusia yang mengabaikan solat dan melakukan maksiat semata-mata menurut hawa nafsu akan diazab oleh Allah SWT di dalam api neraka. Akan tetapi sekiranya mereka bertaubat dan beriman dengan sungguh-sungguh serta beramal soleh, maka Allah itu Maha Penerima taubat. Allah menyatakan bagaimana dia menerima taubat Nabi Adam daripada Surah Baqarah ayat 37 yang bermaksud «***Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya),***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

lalu Allah menerima taubatnya; sesungguhnya Allah, Dia lah yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani(37)»

Allah juga menerima taubat kaum Nabi Musa seperti disebutkan dalam surah al-baqarah ayat 54. yang bermaksud «***Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: " Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu; iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani"*** Begitulah kasihnya Allah SWT bagi mereka yang kembali kepada-Nya lalu bertaubat dengan sebenar-benar taubat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Segala perbuatan jahat, iaitu meninggalkan solat dan bergelumang dengan maksiat akan diampunkan oleh Allah SWT dengan syarat dilakukan dengan penuh keimanan dan disusuli dengan memperbanyakkan amal soleh. Inilah yang dinamakan dengan taubat nasuha. Begitu luas rahmat Allah SWT, bukan saja diampunkan makhluk pendosa setelah mereka bertaubat, malah Allah SWT memasukkan mereka ke dalam syurga. Dosa yang diampunkan oleh Allah SWT ini tidak sedikit pun mengurangkan pahala mereka ketika dimasukkan ke dalam syurga.

Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT ***maka mereka itu akan masuk syurga dan mereka pula tidak dikurangkan pahala sedikit pun***. Subhanallah kasih sayang yang bagaimana lagikah boleh kita gambarkan ketika seorang hamba yang berdosa itu diampunkan oleh Allah SWT lalu dimasukkan ke dalam syurga. Pahala dan amal soleh mereka tidak dikurangkan walau sedikit pun. Ini merupakan khabar gembira bagi orang-orang yang bertaubat kepada Allah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Antara nilai pendidikan yang dapat diaplikasikan di dalam kehidupan adalah kita disarankan untuk segera bertaubat kepada Allah SWT apabila tergelincir dalam kemaksiatan supaya Allah SWT mengampunkan kita. Kita juga berharap agar Allah memasukkan kita ke dalam syurga-Nya tanpa mengurangi sedikitpun daripada ganjaran pahala yang dijanjikan. Inilah kemenangan yang besar bagi seorang hamba Allah.

جَنَّتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدَ الرَّحْمَنُ عِبَادَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّهُ
كَانَ وَعْدُهُ مَأْتِيًا ﴿١١﴾

(Iaitu) Syurga "Adnen" yang telah dijanjikan oleh (Allah) Ar-Rahman kepada hamba-hambanya disebabkan kepercayaan mereka akan perkara-perkara yang ghaib; sesungguhnya Tuhan itu, janjinya tetap berlaku

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Syurga yang disediakan oleh Allah SWT mempunyai pelbagai nama. Masing-masing dengan kelebihan yang tersendiri. Dalam konteks ayat ini Allah SWT menyatakan syurga bagi orang yang bertaubat tersebut ialah syurga Aden. Syurga ini disediakan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya disebabkan kepercayaan mereka terhadap syurga yang merupakan alam ghaib. Ghaib maknanya tiada di hadapan mata dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Hanya keimanan yang mendorong kepercayaan kita terhadap alam ghaib ini.

Mengapakah Allah mengaitkan dengan perkara yang ghaib? Orang yang bertaubat yakin dengan janji-janji Allah SWT tentang hari akhirat. Mereka yakin dengan syurga dan neraka yang disediakan oleh Allah SWT walaupun tidak dapat dilihat oleh mata kasar di dunia ini. Yakin terhadap pembalasan hari akhirat menyebabkan hati mereka gerun dan menyesal akan kealpaan dan kemaksiatan yang dilakukan. Lantas mereka menangis memohon ampun daripada Allah SWT dan bertaubat kepada-Nya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Pentingnya perasaan halus merasai kewujudan pembalasan akhirat membuatkan seorang hamba sentiasa berhati-hati dalam menjalani kehidupan di dunia ini.

Orang mukmin yakin bahawa syurga yang disediakan oleh Allah adalah benar. Neraka yang disediakan oleh Allah juga benar. Hari kebangkitan adalah benar. Pembalasan terhadap amalan yang dilakukan di dunia ini adalah benar. Mereka yakin apa-apa yang diwahyukan oleh Allah SWT melalui para Nabi dengan janji-janji benar yang pasti ditunaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT tidak menyalahi janji-Nya. Allah menyatakan di hujung ayat ini sesungguhnya ***Tuhan al-Rahman itu janjinya akan tetap berlaku.*** Janji siapakah lagi yang layak untuk dipegang selain daripada janji Pencipta alam semesta ini? Oleh itu rugilah bagi mereka yang lupa kepada janji Allah untuk memasukkan orang-orang yang bertaubat itu ke dalam syurga Adn.

Nilai Pendidikan: Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita sematkan di dalam diri kita adalah sentiasa berkata benar dan menepati janji apabila berbuat janji. Allah pasti memasukkan orang-orang yang beriman yang sentiasa bertaubat ke dalam syurga kerana Allah SWT tidak pernah menyalahi janji.

لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا إِلَّا سَلَامًا ۖ وَلَهُمْ رِزْقُهُمْ فِيهَا
بُكْرَةً وَعَشِيًّا ﴿٦٢﴾

Mereka tidak akan mendengar di dalamnya perkataan yang sia-sia tetapi mereka sentiasa mendengar perkataan yang baik-baik; dan makan minum untuk mereka disediakan di dalamnya, pagi dan petang (sepanjang masa)

Allah menyatakan beberapa sifat syurga 'Adn tersebut. Firman Allah SWT **mereka tidak akan mendengar di dalamnya perkataan yang sia-sia tetapi mereka sentiasa mendengar perkataan yang baik-baik.**

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ini adalah salah satu daripada sifat syurga. Gambaran kepada kemuncak ketenangan bagi seorang hamba Allah. Penghuni syurga tidak akan mendengar perkataan yang menyakitkan telinga dan hati mereka seperti di dunia dahulu. Tidak ada lagi perkataan-perkataan yang merunsingkan hati. Tiada perkataan yang mengecewakan di dalam syurga. Yang ada ialah perkataan mulia dan baik semuanya. Para malaikat akan mengalu-alukan kedatangan ahli syurga. Dalam surah ar-Ra'd ayat 24 « ***(Memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu***». Allah menyatakan ucapan para malaikat kepada penghuni syurga, iaitu selamat sejahtera.

Begitu juga ahli-ahli syurga yang lain serta pelayan-pelayan yang tinggal di dalam syurga akan sentiasa menuturkan perkataan yang baik-baik. Dalam ayat lain surah al-Hijr 15 47 «***Dan Kami cabut akan apa yang ada dihati mereka dari perasaan hasad dengki sehingga menjadilah mereka bersaudara (dalam suasana kasih mesra),***

serta mereka duduk berhadap-hadapan di atas pelamin masing-masing » Allah menyatakan perasaan dengki dicabut daripada hati penghuni syurga.

Firman Allah di dalam surah al-A'raf ayat 43 yang bermaksud "***Dan Kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka, (di dalam Syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah (tempat) masing-masing, dan mereka pula bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat-nikmat) ini, padahal Kami tidak sekali-kali akan memperoleh petunjuk kalau Allah tidak memimpin kami (dengan taufiqNya); sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran". Dan mereka diseru: "Itulah Syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan"***". Inilah kehebatan syurga yang tidak pernah berlaku dan tidak akan berlaku di muka bumi. Sehubungan dengan itu, kita perlu mengejar untuk masuk ke dalam syurga kerana di sanalah nikmat yang sebenar-benarnya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kemudian Allah menjelaskan lagi bahawa syurga itu juga disediakan dengan makan minum yang berpanjangan. Firman Allah ***dan makan minum untuk mereka disediakan di dalamnya, pagi dan petang (sepanjang masa)***. Anugerah Allah kepada penghuni syurga seperti yang dijanjikan. Mereka tidak akan berlapar kerana hidangan sentiasa tersedia. Pelbagai juadah yang enak dan lazat disediakan tanpa putus-putus. Semua makanan dan minuman ini tidak pernah dijumpai dalam bentuk yang sama di dunia. Penghuni syurga tidak pernah melihat, mendengar mahupun terfikir bentuk makanan dan minuman yang begitu hebat disediakan di syurga.

Kehebatan hidangan dan nikmat syurga sehingga penghuni syurga begitu takjub sebagaimana digambarkan oleh Allah SWT dalam surah al-baqarah ayat 25 «***Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata:***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

"Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan, isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya(25)»dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya tetapi berlainan hakikatnya. Alangkah bahagianya ahli syurga menikmati ketenangan dan hidangan tanpa had sebagai balasan keimanan dan taubat mereka.

Nilai Pendidikan:

Aplikasi nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah ketenangan dan kesejahteraan serta hidangan makanan dan minuman yang baik patut disediakan kepada tetamu yang menziarahi kita. Pengajaran ilmu ni bersumberkan kepada cara-cara Allah SWT menyambut tetamu-Nya di akhirat kelak (ahli syurga) dengan ketenangan dan kesejahteraan.

تِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي نُورِثُ مِنْ عِبَادِنَا مَنْ كَانَ تَقِيًّا ﴿٦٣﴾

Itulah taman Syurga yang Kami akan berikan sebagai warisan pusaka kepada orang-orang. yang bertaqwa dari hamba-hamba Kami

Seterusnya Allah menjelaskan sifat syurga juga adalah sesuatu yang diberikan hak warisan kepada ahlinya. Penghuni syurga merupakan pemilik kekal kepada kemewahan dan kenikmatan syurga yang dikurniakan. Hal ini menunjukkan betapa kayanya Allah SWT menganugerahkan sesuatu yang bernilai tinggi kepada hamba-Nya. Sifat pemurah Allah SWT ini pada hakikatnya sudah kita kecapai di dunia lagi. Kita diberikan udara, kehidupan, harta sebagai hak milik sementara secara percuma. Cuma di akhirat kelak ahli syurga akan kekal di dalamnya dan menikmati kesenangan syurga tanpa batasan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Jika kita perhatikan di dalam ayat ini Allah menyatakan **warisan pusaka**. Syurga warisan pusaka itu dikurniakan **kepada hamba-hamba kami yang bertaqwa**. Mengapakah ada perkataan taqwa? Di sinilah letaknya kelayakan untuk menerima warisan pusaka syurga daripada Allah. Syurga akan menjadi hak milik bagi hamba yang bertaqwa, iaitu sentiasa berhati-hati dan bersungguh-sungguh mentaati perintah Allah dan meninggalkan semua larangan-Nya. Orang yang bertaqwa juga sentiasa bertaubat kepada Allah. Maka taubat itu menyempurnakan sifat orang yang bertakwa. Allah yang Maha Adil mengurniakan syurga yang diwariskan kepada orang-orang yang bertaqwa.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan dalam ayat ini taqwa adalah tiket untuk menjadi pewaris kepada segala nikmat syurga yang disediakan Allah SWT

Wahyu Adalah Urusan Tuhan Tanpa Campur Tangan Makhluk (Ayat 64)

وَمَا نَنْزِلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّكَ لَهُ مَا بَيْنَ أَيْدِينَا وَمَا خَلْفَنَا
وَمَا بَيْنَ ذَلِكَ وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

Dan (berkatalah malaikat): "Kami tidak turun dari semasa ke semasa melainkan dengan perintah Tuhanmu (wahai Muhammad); Dialah jua yang menguasai serta mentadbirkan apa yang di hadapan kita dan apa yang di belakang kita serta apa yang di antara itu; dan tiadalah Tuhanmu itu lupa

Kemudian Allah menegaskan di dalam ayat ini bahawa urusan penurunan wahyu adalah di tangan Allah. Jika kita melihat daripada ayat-ayat sebelum daripada ini di dalam surah Maryam banyak dinyatakan dan ***bacakanlah daripada al-Quran kisah....*** Penanda ini menunjukkan hanya Al-Quran yang akan menjadi rujukan penenang jiwa Nabi SAW. Al-Quran sangat dekat dengan hati Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW amat cinta akan kalam Allah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Diriwayatkan Nabi Muhammad SAW sentiasa membaca al-Quran walaupun ketika bermusafir di atas kenderaan Baginda. Ini menunjukkan betapa dekatnya al-Quran dengan Rasulullah SAW. Ketika permulaan turunnya wahyu, lima ayat daripada surah al-Alaq dibawa oleh Jibril kepada Nabi Muhammad SAW di Gua Hira'. Semenjak turunnya wahyu yang pertama ini Baginda ternanti-nantikan wahyu yang seterusnya. Riwayat daripada Ibnu Abbas menggambarkan bahawa selang tempoh penurunan ayat pertama dengan ayat berikutnya adalah selama beberapa hari (Al-Mubarakfuri, 2015)

Bagaikan seseorang yang sangat rindu akan kekasihnya, Nabi Muhammad SAW tertunggu-tunggu kedatangan semula Jibril AS membawa wahyu selepas daripada surah al-Alaq. Maka Allah jelaskan di dalam surah Maryam ini melalui ucapan malaikat Jibril, ***Kami tidak turun dari semasa ke semasa melainkan dengan perintah Tuhanmu (wahai Muhammad)*** bahawa dia Jibril AS hanya mentaati perintah Allah untuk menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW. Malaikat yang sifatnya patuh dan taat kepada Allah SWT hanya menunaikan amanah yang diberikan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sekiranya Allah memerintahkan untuk menurunkan ayat sekian pada waktu sekian, maka itulah sahaja yang diturunkan oleh Jibril. Tiada yang terlebih dan tiada yang terkurang. Tiada yang terdahulu dan tiada yang terkemudian. Semuanya berlaku dengan perintah Allah SWT Yang Maha Perkasa.

Allah Yang Maha Perkasa ini menurunkan al-Quran kepada hambaNya yang dipilih, iaitu Nabi Muhammad SAW. Tuhan yang menurunkan al-Quran ialah Tuhan yang sama memiliki alam semesta ini. Tuhan yang sama mengurus dan mentadbir alam yang luas ini. Tuhan yang sama mengetahui urusan semua makhlukNya. Tuhan yang Maha Perkasa ini meliputi ilmunya pada setiap sesuatu. Tidak ada sesuatu pun yang terlepas daripada ilmu Allah SWT. Maha suci Tuhan daripada bersifat pelupa seperti manusia. Inilah yang dimaksudkan di hujung ayat ini, iaitu ***Dia lah jua yang menguasai serta mentadbir apa yang di hadapan kita dan apa yang di belakang kita serta apa yang di antara itu; dan tiadalah Tuhanmu itu lupa.***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apabila Nabi SAW tidak diturunkan ayat-ayat al-Quran yang lain selepas daripada surah al-Alaq bukanlah bermakna Allah telah melupakan hambanya Nabi Muhammad SAW seperti yang dicemuh oleh kaum musyrikin Mekah. Mereka mengejek Nabi dengan mengatakan bahawa Tuhan Muhammad telah meninggalkannya. Hakikatnya semua urusan adalah dalam genggaman Allah SWT, termasuklah berkaitan dengan penurunan wahyu Allah.

Nilai Pendidikan:

Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahawa kita perlu beriman dengan penuh yakin bahawa setiap urusan makhluk tertakluk kepada izin Allah SWT.

Allah Tuhan Yang Esa (Ayat 65)

رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ
لِعِبَادَتِهِ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا ﴿٦٥﴾

Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya; oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun tetap dalam beribadat kepada-Nya; adakah engkau mengetahui sesiapaupun yang senama dan sebanding denganNya?

Ayat ini menjelaskan lagi kuasa mutlak Allah SWT untuk menentukan urusan makhluk-Nya dalam segenap aspek kehidupan termasuklah yang berkaitan dengan penurunan wahyu. Allah menjelaskan bahawa Dialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada antara keduanya. Langit yang diciptakan oleh Allah SWT tanpa tiang itu merupakan tanda kebesaran Allah SWT bagi mereka yang celik akal.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 10 yang bermaksud **«*la menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana kamu melihatnya; dan la mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan la biakkan padanya berbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat*»**. Manakah mungkin ada penciptaan yang sebegini hebat daripada makhluk Allah? Langit tetap berdiri utuh tanpa ada kebocoran mahupun kecacatan daripada pandangan manusia yang berada di bawahnya. Sebab itu Allah SWT mengajak manusia supaya melihat keajaiban dan kebesaran ciptaan-Nya tentang 7 lapisan langit.

Dalam surah al-Mulk ayat Ke-tiga **«*Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - dapatkan engkau melihat sebarang kecacatan?***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Sesungguhnya Dialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan seisinya yang masih lagi banyak rahsia yang tidak dapat dibongkar oleh ilmu pengetahuan manusia.

Allah turut mencipta serta mentadbir muka bumi sebagai tempat kelangsungan kehidupan manusia. Allah menyediakan segala-gala yang diperlukan oleh makhluknya di muka bumi ini. Semua urusan makhluk di bumi adalah di dalam pengetahuan dan pentadbiran Allah SWT. Daripada sekecil-kecil makhluk di alam ini tidak ada yang menciptakan dan menguruskannya selain daripada Allah SWT yang mengaturnya. Oleh sebab itu dalam ayat sebelum ini Allah menyatakan ***Bukanlah Tuhanmu wahai Muhammad adalah lupa*** dalam menguruskan alam ini. inilah sifat Tuhan yang sebenar yang disebut sebagai ***Rabb***, iaitu Tuhan yang mencipta dan mentadbir alam ini dengan penuh bijaksana.

Apabila merenung kehebatan Allah SWT terhadap penciptaan langit dan bumi yang meliputi seluruh alam ini, maka lahirlah keinsafan untuk memperhambakan diri hanya kepada-Nya. Allah ingatkan kita di hujung ayat ini

oleh itu, sembahlah engkau akan Dia dan bersabarlah dengan tekun tetap dalam beribadat kepadaNya; adakah engkau mengetahui siapapun yang senama dan sebanding denganNya?"

Maha Suci Tuhan yang menciptakan alam ini ialah Tuhan yang wajib kita imani, disembah dan seterusnya diperhambakan diri dengan penuh keikhlasan berasaskan kepada bukti yang jelas dan diterima akal. Oleh sebab tidak ada jawapan lain kepada siapakah pencipta dan pengurus Alam ini melainkan Allah, maka Dialah yang layak disembah. Penyembahan kepada selain daripada Allah merupakan kesesatan yang nyata. Akal manusia yang sempurna pun menolak kewajaran menyembah selain daripada Allah. Berhala, patung dan segala bentuk semabhan selain Allah SWT sudahlah tidak mampu menciptakan, apatah lagi menguruskan alam yang fana ini.

Semua makhluk pasti musnah. Yang kekal terus hidup hanya Allah SWT seperti firman Allah SWT dalam ayat terakhir surah al-Qasas ayat 88 yang bermaksud ***“Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia.***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. BagiNyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan”

Allah juga mengingatkan supaya dalam ibadat atau memperhambakan diri kepada-Nya perlu terus sabar dan tekun untuk melaksanakannya. Kesempurnaan Allah SWT sebagai *Rabb* kepada alam ini tidak ada yang sebanding dengan-Nya. Firman Allah SWT di hujung ayat 65 ini yang bermaksud ***Adakah engkau mengetahui sesiapa pun yang senama dan sebanding dengannya.***

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang Ayat yang ke 65 ini nilai pendidikan yang boleh dipraktikkan oleh kita adalah sentiasa memerhatikan tanda-tanda kebesaran Allah SWT dalam mencipta dan mentadbir alam ini akan membawa kita untuk terus tekun dan sabar untuk memperhambakan diri kepada Allah Tuhan.



Manusia Derhaka Kepada Allah Tidak Percaya Hari Kebangkitan (Ayat 66-68)

وَيَقُولُ الْإِنْسَانُ أَإِذَا مَاتَ لَسَوْفَ أُخْرَجُ حَيًّا ﴿٦٦﴾

Dan manusia (yang kafir) berkata: "Apa! Apabila aku mati, adakah aku akan dibangkitkan hidup semula?"

Mulai ayat 66 ini Allah menceritakan kepada kita berkaitan dengan kedangkalan orang musyrikin yang mengingkari hari kebangkitan. Ayat sebelumnya Allah SWT telah menunjukkan bukti kebesaran dan kehebatan Allah dalam mencipta dan mentadbir alam. Meskipun begitu, orang musyrik tetap tertutup hati mereka dalam melihat kebesaran dan keagungan Allah SWT. Mereka bukan sahaja menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lemah, malah menafikan adanya kebangkitan semula selepas daripada kematian. Mereka tidak percaya akan adanya hari kebangkitan. Menurut al-Kalby, ayat ini diturunkan apabila Ubay bin khalaf, iaitu seorang pemuka Quraisy cuba menolak hakikat hari kebangkitan (Al-Zuhaily, 2007). Maka kata Allah SWT ***dan manusia yang kafir berkata Apakah apabila aku mati aku akan dibangkitkan hidup semula?***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kesenangan dan kemewahan hidup di dunia ini menyebabkan ada manusia seperti Ubai bin Khalaf kufur kepada Allah. Manusia yang kufur cuba membandingkan kehidupan di dunia dengan kehidupan akhirat. Mereka menyangka bahawa kehidupan di dunia setelah mati akan tamat begitu saja. Mereka meragui kehidupan selepas daripada kematian.

Ucapan kufur sebegini turut diceritakan oleh Allah SWT Dalam surah Yasin ayat 78 **«Serta ia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami (tentang kekuasaan itu), dan ia pula lupakan keadaan Kami menciptakannya sambil ia bertanya: "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?"(78) »**. Manusia sebegini bodoh lagi sombong.

Mereka lupa bahawa permulaan kejadian mereka sebagai manusia pun adalah dalam ketentuan Allah SWT. Jika Allah SWT berkuasa untuk menciptakan manusia yang pada asalnya tiada kepada ada,

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

maka tidak mustahil Allah SWT membangkitkan semula manusia yang telah diciptakan. Dan ini sebenarnya adalah lebih mudah bagi Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Pemerhatian kita kepada ayat ke-13 ini membolehkan kita mengambil nilai pendidikan yang sangat penting untuk diterapkan ke dalam diri. iaitu kita perlu berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu perkataan. Ini adalah kerana bercakap tanpa berfikir dengan mendalam akan membawa kepada kebodohan yang nyata.

أَوَلَا يَذْكُرُ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِن قَبْلُ وَلَمْ يَكُ
شَيْئًا ﴿٦٧﴾

Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dalam ayat Allah SWT memberitakan sikap manusia yang mengingkari hari kebangkitan ialah manusia yang lupa daratan. Mereka lupa bahawa mereka dahulu diciptakan oleh Allah SWT dari sesuatu yang tidak ada nilai . Apakah ada manusia yang boleh membuktikan bahawa dia tercipta dengan sendirinya? Jika benar sedemikian keadaannya maka datangkanlah bukti yang nyata. Siapakah yang telah menentukan bahawa kita akan dilahirkan di muka bumi ini? Siapakah yang menentukan ibu dan ayah kita? Siapakah yang menentukan bilakah kita dilahirkan? Siapakah yang menentukan rupa paras kita? Siapakah yang menentukan episod kehidupan kita di muka bumi ini? Pasti ia tidak datang dengan sendiri melainkan daripada Tuhan yang Maha Berkuasa dan Bijaksana yakni Allah SWT. Adakah patut bagi kita manusia yang serba lemah ini mengucapkan bahawa Allah tidak berkuasa untuk menentukan kebangkitan semula manusia? Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya: ***Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa Kami telah menciptakan dia dahulu sedangkan ia pada masa itu belum ada sebarang apapun?***

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang ke-67 ini jika kita perhatikan nilai pendidikan yang boleh kita amalkan adalah sentiasa merenung kepada permulaan kejadian diri kita yang serba kekurangan untuk akur kepada segala apa-apa yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

فَوَرَبِّكَ لَنَحْضُرَنَّهُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ
لَنَحْضُرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا ﴿٦٨﴾

***Oleh itu, demi Tuhanmu (wahai Muhammad)!
Sesungguhnya Kami akan himpulkan mereka yang
kafir itu berserta syaitan-syaitan di Padang Mahsyar,
kemudian Kami akan bawa mereka duduk berlutut di
keliling neraka Jahannam***

Perkataan sombong dan jahat yang keluar daripada mulut orang kafir adalah tidak berasa sama sekali.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Allah SWT menyatakan di dalam ayat 68 ini bahawa mereka semua akan dikumpulkan oleh Allah SWT di padang Mahsyar. Ini bermaksud mereka pasti akan dibangkitkan. Lebih dahsyat lagi Allah SWT mengumpulkan manusia kufur ini bersama-sama dengan syaitan. Mereka dihalau dan dibawa berlutut di sekeliling neraka jahanam. Allah bersumpah dalam ayat ini dengan perkataan ***demi Tuhan mu wahai Muhammad.*** Ini bererti bahawa peristiwa yang diceritakan oleh Allah SWT ini pasti berlaku.

Apabila sampai di Padang Mahsyar manusia akan dikumpulkan bersama dengan kumpulan yang mereka cenderung dan puja di dunia dahulu. Oleh sebab sifat kufur ini cenderung kepada sifat syaitan, maka Allah SWT mengumpulkan orang-orang kafir bersama syaitan. Syaitan adalah musuh manusia. Siapakah yang ingin duduk beserta dengan syaitan yang dimurkai oleh Allah SWT dalam keadaan yang begitu gawat dan genting? Sudah pasti keadaan ini amat menyedihkan. Syaitan tidak sekali-kali akan mengaku bertanggungjawab di atas perbuatan mereka menghasut dan menggoda manusia.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT di dalam surah Ibrahim ayat 22 yang bermaksud. **«Dan berkatalah pula Syaitan setelah selesai perkara itu: "Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkir janji itu kepada kamu; dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan daku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufur ingkarkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku denganNya". Sesungguhnya orang-orang yang zalim (yang meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya (22)»**

Lebih malang lagi apabila semua musuh-musuh Allah SWT ini dibawa dalam keadaan yang begitu hina berlutut di sekeliling api neraka Jahannam yang disediakan oleh Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ini adalah azab yang begitu dahsyat yang tidak dapat dielakkan bagi mereka yang kufur kepada Allah. Firman Allah SWT dalam ayat ini: ***Oleh itu, demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Sesungguhnya Kami akan himpulkan mereka yang kafir itu beserta syaitan-syaitan di Padang Mahsyar, kemudian Kami akan bawa mereka duduk berlutut di keliling neraka Jahannam.***

Nilai Pendidikan:

Ringkasnya nilai pendidikan yang perlu kita tanamkan dalam diri kita ialah sifat berhati-hati dengan godaan syaitan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila terpengaruh dan tidak bertaubat kepada Allah, kelak akan dikumpulkan di Padang Mahsyar bersama-sama dengan syaitan lalu dibawa berlutut mengelilingi neraka jahanam.

Ketua Penderhaka Terlebih Dahulu Dibakar Dalam Neraka (Ayat 69 - 70)

ثُمَّ لَنَنْزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ
عَيْنًا ﴿٦٩﴾

Sesudah itu, sesungguhnya kami akan cabut dari tiap-tiap golongan, mana-mana orang yang sangat derhaka kepada (Allah) Ar-Rahman, di antara mereka

Manusia-manusia yang ingkar dan degil serta sombong kepada Allah SWT akan dikumpulkan di Mahsyar dalam keadaan yang hina. Mereka akan dibawa berlutut mengelilingi neraka jahanam. Pada hari itu mereka menyaksikan segala-galanya. Mereka menyaksikan janji Allah itu benar. Mereka menyaksikan bahawa mereka dibangkitkan semula padahal di dunia dahulu mereka tidak percaya tentang kebangkitan tersebut. Begitu juga mereka dihalau oleh para malaikat untuk duduk bersama-sama dengan musuh mereka dan musuh Allah iaitu syaitan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Para penjahat dan penderhaka kepada Allah SWT turut dikumpulkan sesama mereka. Mahsyar merupakan penjara bagi pesalah-pesalah dengan Tuhannya.

Para penjahat ini kemudiannya akan dicari siapakah dalam kalangan mereka yang sangat derhaka kepada Allah. Firman Allah SWT yang bermaksud ***Sesudah itu, sesungguhnya kami akan cabut dari tiap-tiap golongan, mana-mana orang yang sangat derhaka kepada (Allah) Ar-Rahman, di antara mereka.***

Dahulu semasa di dunia mungkin ada yang berbangga dengan kejahatan yang dilakukan. Mereka mencabar Allah SWT. Ubay bin khalaf umpamanya mencabar sambil mengejek Nabi SAW adakah Allah SWT mampu untuk menghidupkan kembali tulang yang sudah reput. Mereka lupa nasib mereka di akhirat. Tiada lagi kebanggaan terhadap perbuatan yang mereka lakukan. Alah merentap dalam kalangan para penjahat itu ketua-ketua mereka, iaitu mereka yang tersangat jahat di dunia dahulu untuk dibicarakan dan akhirnya dikenakan azab ke atas mereka.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Hal ini menunjukkan bahawa kuasa dan pengaruh golongan yang sesat lagi menyesatkan sudah tiada lagi di akhirat. Apakah yang lebih menggerunkan kepada para pengikut ketua-ketua kafir ini melainkan melihat dengan mata mereka sendiri orang yang dahulunya memiliki kuasa dan pengaruh ke atas mereka diazab dengan penuh hina dan ngeri terlebih dahulu oleh Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu, nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini adalah kuasa dan pengaruh jahat yang dilakukan oleh manusia terhadap manusia lain merupakan tanggungjawab yang terpaksa dipikul oleh ketua-ketua penderhaka kepada Allah. Orang berpengaruh ini akan terlebih dahulu diazab dan dihina oleh Allah SWT.

ثُمَّ لَنَحْنُ أَعْلَمُ بِالَّذِينَ هُمْ أَوْلَىٰ بِهَا صِلِيًّا ﴿٧٠﴾

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Kemudian, sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut disiksa dan dibakar dengan api neraka itu

Setelah itu, Allah memilih dalam kalangan orang kafir tersebut manusia yang paling jahat. Maka Allah SWT menyatakan di dalam ayat ini ***Kemudian, sesungguhnya Kami lebih mengetahui akan orang-orang yang lebih patut disiksa dan dibakar dengan api neraka itu.*** Tiada lagi pembelaan yang dapat dilakukan. Segala saksi dan bukti dibentangkan oleh Allah SWT. Allah Yang Maha Mengetahui atas perbuatan jahat mereka di dunia dahulu akan mengenakan azab seksa yang tidak tertanggung.

Allah nyatakan azab itu memang patut dikenakan ke atas mereka yang bersalah. Mereka patut dibakar di dalam api neraka atas keengganan mereka untuk beriman dengan Allah dan beriman dengan apa-apa yang diturunkan oleh Allah. Walaupun Allah SWT dengan sifat kasih sayangnya boleh mengampuni dan memaafkan mereka,

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

tetapi keadaan ini sudah terlambat kerana Allah telah berjanji bahawa mereka yang kufur dan ingkar pasti akan diazab oleh Allah SWT di dalam neraka. Allah SWT tidak sekali-kali menyalahi janjinya. Alangkah baiknya sekiranya mereka bertaubat di dunia dahulu sebelum daripada pintu taubat ditutup oleh Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Oleh hal yang demikian nilai pendidikan yang dapat diambil daripada ayat ini ialah keadilan dapat ditegakkan dengan ilmu pengetahuan yang benar dan bukti yang jelas. Hal ini dapat kita lihat bahwa Allah SWT begitu adil dan Maha Mengetahui di akhirat kelak siapakah yang akan dimasukkan ke dalam api neraka disebabkan perbuatan jahat yang dilakukan oleh mereka di dunia dahulu.

Setiap Manusia akan Merentas Titian Sirat (Ayat 71 - 72)

وَأَنْ مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا



Dan tiada seorangpun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya; (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu

Ayat ini amat meruntun jiwa orang-orang yang beriman. Ancaman daripada Allah SWT kepada manusia bahawa Allah telah menentukan bahawa semua kita akan merentasi api neraka. Kita akan bergerak lalu di atas titian sirat (Al-Zuhaily, 2007). Perkara yang menakutkan ialah di bawah titian sirat ini menjulanginya neraka. Sebab itu ada dalam kalangan tabiin yang pengsan apabila membacakan ayat ini. Mereka takut tidak dapat merentas dengan selamat titian sirat. Barangsiapa yang tergelincir jatuh ke bawah maka azablah yang menanti. Siapakah yang dapat menyelamatkan kita apabila berada di atas titian sirat ini?

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Walau bagaimanapun Nabi SAW memberikan khabar gembira kepada mereka yang beriman dan bertaqwa. Golongan ini ada yang disediakan dengan kenderaan untuk merentas sehingga selamat sampai kepada syurga. Ada yang bergerak selaju kilat dan ada yang perlahan. Masing-masing bergantung dengan amalan mereka di dunia dahulu. Keadaan ngeri dan penuh debaran inilah yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam ayat ini ***Dan tiada seorangpun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya; (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu.*** Maksud ***akan sampai kepadanya*** menurut Syeikh Al-Zuhailly (2007) adalah melalui titian sirat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Antara nilai pendidikan yang dapat disematkan di dalam hati kita ialah iman dan amal soleh akan menyelamatkan kita untuk mencapai matlamat memperhambakan diri kepada Allah sehingga sampai ke destinasi yang dinantikan iaitu syurga. Jika kita leka dan alpa pasti kita akan tergelincir jatuh ke lembah yang hina dan penuh dengan azab seksa.

ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ الظَّالِمِينَ فِيهَا جِثِيًا



Kemudian Kami akan selamatkan orang-orang yang bertaqwa, dan kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu

Ayat ini menjelaskan tentang ancaman Allah SWT kepada setiap manusia yang akan melintas neraka melalui titian sirat. Namun begitu ada yang akan diselamatkan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ya semua akan melalui situasi tersebut di akhirat kelak. Akan tetapi Allah SWT menyelamatkan mereka yang bertakwa. Firman Allah SWT ***Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertakwa.*** Siapakah golongan yang bertakwa ini? Mereka ialah golongan yang paling beruntung di akhirat kelak kerana di dunia dahulu mereka sentiasa berhati-hati dalam menjalani kehidupan di dunia. Mereka mentaati perintah Allah serta meninggalkan larangan-Nya.

Apabila mereka terselamat daripada jatuh ke dalam kawah api neraka maka ia merupakan satu kejayaan yang besar sebagai mana firman Allah SWT di dalam surah Ali Imran ayat 185 «***Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya***(185)».

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh itu orang yang bertakwa akan diselamatkan oleh Allah SWT ketika merentas neraka Jahannam melalui titian surat. Debaran mereka hilang apabila sampai ke tempat yang dituju, iaitu syurga yang penuh dengan kenikmatan.

Manakala manusia zalim yang terus-menerus kufur dan tenggelam dalam maksiat akan dibiarkan oleh Allah SWT jatuh ke dalam neraka. Mereka disambar oleh api neraka ketika melintas titian sirat. Allah gambarkan mereka ini berlutut di dalam api neraka. Sungguh ngeri gambaran yang dibawa di dalam al-Quran gambaran orang-orang zalim ini tinggal di dalam api neraka dalam keadaan berlutut. Persis seorang penjenayah yang sudah ditangkap dan tidak dapat melepaskan diri. Tiada lagi yang dapat menolong mereka, kerana Allah SWT berfirman dalam ayat ini dan ***kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu.***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah bertakwalah kepada Allah agar diselamatkan Allah daripada terjerumus ke dalam azab api neraka.

Kesilapan Orang Kafir Menilai Orang Mukmin (Ayat 73-76)

وَإِذَا تُلِيٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا
لِلَّذِينَ آمَنُوا أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ
نَدِيًّا

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman: "Puak yang manakah (dari kami dan kamu) yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunannya?"

Orang kafir bukan sahaja tidak percaya kepada hari kebangkitan, malah mereka kufur dengan tanda-tanda bukti kebesaran Allah SWT. Ayat-ayat al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT penuh dengan tanda-tanda kebesaran Allah yang nyata lagi jelas. Demikianlah Allah SWT menjelaskan dalam ayat ini

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami yang jelas nyata maka berkatalah orang-orang kafir kepada orang yang beriman kuat manakah dari kamu yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih elok majlis perhimpunan nya. Mereka meletakkan kayu ukur yang salah terhadap iman dan kebenaran. Mereka menyangka bahawa kemewahan tempat tinggal dan kedudukan mereka di dalam masyarakat melambangkan mereka ialah golongan yang benar. Bersandarkan kepada kedudukan dan kemewahan hidup, mereka menyangka bahawa mereka adalah benar. Mereka cuba membandingkan diri mereka dengan sahabat-sahabat Nabi SAW daripada kalangan hamba.

Ramai dalam kalangan sahabat Nabi SAW ketika permulaan Islam terdiri daripada golongan yang miskin dan tertindas. Apabila datang seruan untuk mentauhidkan Allah SWT mereka terus menyambut dakwah Nabi SAW. Bahkan keimanan mereka semakin kuat dan menebal apabila dibacakan ayat-ayat Allah SWT. Allah SWT menjelaskan sifat orang mukmin ini di dalam surah al-Taubah Ayat 124 yang bermaksud

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

dan apabila diturunkan sesuatu surah dari al-Quran maka Di Antara mereka yang munafik ada yang bertanya secara mengejek siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini Adapun orang-orang yang beriman maka surah itu menambahkan Iman mereka sedang mereka bergembira dengan turunnya ayat al-Quran.

Orang mukmin yakin bahawa kesenangan dan kesusahan merupakan ujian daripada Allah SWT. Hanya Iman menentukan seseorang berada dalam jalan kebenaran. Imanlah yang menyelamatkan seseorang di dunia dan akhirat kelak.

Nilai Pendidikan:

Aplikasi nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah ukuran kebenaran iman seseorang tidak boleh dilihat berdasarkan kekayaan dan kedudukan seseorang di dunia. Hati yang tunduk kepada Allah SWT akan gemetar apabila dibacakan ayat-ayat al-Quran yang menzhahirkan tanda kebesaran Allah SWT.



وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِّن قَرْنٍ هُمْ أَحْسَنُ أَثْنَا وَرِيًّا



Dan berapa banyak kaum-kaum (yang ingkar) sebelum mereka, kami telah binasakan, sedang mereka lebih elok alat-alat kesenangannya dan lebih elok keadaannya pada pandangan mata

Dalam ayat ini Allah SWT menjelaskan kesenangan dan kedudukan hebat orang kafir di dunia bukankah tanda mereka dimuliakan oleh Allah SWT. Sebenarnya kesenangan tersebut merupakan istidraj kepada mereka. Kekayaan dan kedudukan itu tidak ada nilainya di sisi Allah SWT. Orang kafir lupa bahwa kemewahan dan kedudukan tersebut hanya pinjaman daripada Allah. Diri mereka juga dipinjamkan oleh Allah. Semuanya bersifat sementara. Sepatutnya kemewahan dan kedudukan yang tinggi di sisi manusia boleh membawa mereka lebih mengenal dan bersyukur kepada pemberi nikmat, iaitu Allah SWT. Malangnya mereka tertipu dengan apa-apa yang dimiliki oleh mereka.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Mereka juga lupa bahawa Allah SWT telah mengurniakan kemewahan dan kemuliaan yang lebih hebat kepada kaum-kaum terdahulu berbanding diri mereka.

Kaum-kaum terdahulu yang derhaka kepada Allah SWT telah dimusnahkan dan dihapuskan dari muka bumi ini. Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT ***Dan berapa banyak kaum-kaum (yang ingkar) sebelum mereka, kami telah binasakan, sedang mereka lebih elok alat-alat kesenangannya dan lebih elok keadaannya pada pandangan mata.***

Al-Quran turut menyatakan contoh kaum terdahulu yang kuat dan hebat, iaitu kaum 'Aad yang dimusnahkan oleh Allah SWT. Hal ini dinyatakan dalam surah al-Haqqah Ayat ke-lapan yang bermaksud ***dengan yang demikian dapatkah engkau melihat lagi sisa-sisa mereka yang masih hidup?*** Apakah orang kafir tidak mahu mengambil pengajaran daripada kemusnahan kaum terdahulu yang ingkar kepada Allah SWT, sedangkan kaum tersebut lebih mewah dan mulia daripada mereka.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan daripada ayat ini adalah iktibar daripada sejarah kemusnahan kaum terdahulu kerana ingkar kepada Allah SWT dapat memberi kesedaran kepada kita. Kita haruslah menginsafi bahawa kemewahan dan kemuliaan, pangkat serta kedudukan akan membawa kepada kemusnahan hidup apabila kita kufur dan ingkar kepada Allah SWT. Semoga kita mampu menjadi hamba yang sentiasa bersyukur kepada Allah walaupun dengan sekecil-kecil nikmat.

قُلْ مَنْ كَانَ فِي الضَّلَالَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ الرَّحْمَنُ مَدًّا
حَتَّىٰ إِذَا رَأَوْا مَا يُوعَدُونَ إِمَّا الْعَذَابَ وَإِمَّا السَّاعَةَ
فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضْعَفُ جُنْدًا ﴿٧٥﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah (Allah) Ar-Rahman melanjutkan baginya satu tempoh yang tertentu, hingga apabila mereka melihat apa yang

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

dijanjikan kepada mereka, - sama ada azab sengsara dunia ataupun azab kiamat, maka (pada saat itu) mereka akan mengetahui siapakah orangnya yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah penyokong-penyokongnya.

Allah SWT menegaskan dalam ayat 75 ini bahawa orang-orang kafir yang berbangga dengan kemewahan dan kemuliaan mereka di dunia ini berada dalam kesesatan. Mereka sesat daripada jalan yang benar. Mereka tidak sedar tentang kepentingan hidup di akhirat.

Mereka lupakan nasib mereka di akhirat. Allah SWT menambahkan lagi kemewahan harta benda dan pangkat kekuasaan, lalu membiarkan mereka terus sesat. Firman Allah SWT Katakanlah wahai Muhammad sesiapa yang berada di dalam kesesatan maka biarlah Allah ar-Rahman melanjutkannya bagi satu tempoh. Allah biarkan mereka untuk satu tempoh terus- menerus berada dalam kesesatan sebelum mereka diazab kelak.

Nilai Pendidikan: Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahawa istidraj merupakan suatu cara Allah SWT membiarkan seseorang terus berada dalam kesesatan melalui kemewahan dan kesenangan hidup di dunia sehingga membawa kepada penyesalan di akhirat kelak.

وَيَزِيدُ اللَّهُ الَّذِينَ اهْتَدَوْا هُدًى وَالْبَاقِيَتُ
الصَّلِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ مَّرَدًّا ﴿٧٦﴾

Dan Allah akan menambahi hidayah petunjuk bagi orang-orang yang menurut jalan petunjuk; dan amal-amal yang baik yang tetap kekal faedah-faedahnya itu, lebih baik balasan pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya

Keadaan orang mukmin yang diberikan hidayah oleh Allah SWT jauh berbeza dengan orang-orang kafir. Walaupun mereka dipandang hina atas kemiskinan harta serta kedudukan yang rendah dalam masyarakat, namun mereka diangkat oleh Allah SWT atas dasar taqwa.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud ***wahai umat manusia sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SWT ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi Maha mendalam pengetahuannya.***

Orang mukmin dikurniakan hidayah oleh Allah SWT menuju ke jalan taqwa. Mereka menyediakan bekalan dengan beramal soleh dan mentaati perintah Allah serta meninggalkan larangannya. Hanya keredaan Allah SWT yang diharapkan. Oleh sebab mereka ikhlas beriman kepada Allah, maka Allah tambahkan kekuatan iman dan hidayah ke dalam diri mereka. Akhirnya mereka sampai ke akhirat kelak sebagai orang-orang yang beruntung dan berbahagia sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat ini

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dan Allah akan menambahi hidayah petunjuk bagi orang-orang yang menurut jalan petunjuk; dan amal-amal yang baik yang tetap kekal faedah-faedahnya itu, lebih baik balasan pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya.

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah beriman dan bertakwa kepada Allah SWT merupakan persediaan untuk kehidupan akhirat kelak.

Angan-Angan Musyrikin Akan hidup Senang di Akhirat (Ayat 77-80)

أَفَرَأَيْتَ الَّذِي كَفَرَ بِآيَاتِنَا وَقَالَ لَأُوتِينَ مَالًا
وَوَلَدًا

Maka tidakkah engkau merasa hairan memikirkan (wahai Muhammad), akan orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami serta ia berkata: "Demi sesungguhnya aku akan diberikan harta kekayaan dan anak-pinak pada hari akhirat?"

Seterusnya Allah SWT menjelaskan sikap dangkal orang yang kufur terhadap ayat-ayat Allah SWT. Ayat ini diturunkan kepada Al-'As bin Wail kerana enggan membayar hutangnya kepada sahabat Nabi SAW, iaitu Mus'ab bin Umair. Dikatakan beliau telah berhutang dengan Mus'ab bin Umair. Suatu hari apabila Mus'ab menuntut hutangnya, beliau berkata nanti di akhirat akan dibayar segala tuntutan hutangmu.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Di akhirat kelak aku akan diberikan harta kekayaan dan anak pinak. Dengan itu segala hutang akan dilunaskan di akhirat kelak.

Sebenarnya ini satu penipuan yang sangat besar. Untuk mengelak daripada membayar hutang si kafir ini sanggup untuk menipu dan menafikan hak orang yang menuntut hutang kepadanya. Ini satu perbuatan yang sangat zalim. Apabila tidak beriman kepada Allah SWT maka terjelmalah perangai-perangai buruk seperti menipu, pecah amanah, merendah-rendahkan orang lain dan pelbagai sikap buruk yang lain. Ayat ini juga menunjukkan ciri-ciri orang kafir yang begitu tamak dan haloba dengan harta dunia. Mereka fikir kekayaan dan kuasa mereka akan terus kekal hingga ke akhirat. Ironinya mereka kufur dengan akhirat namun berangan-angan menjadi orang yang mulia dan mewah di akhirat. Inilah satu pemikiran dan perbuatan yang pelik, iaitu Allah SWT menjelaskan dalam ayat ini ***Maka tidakkah engkau merasa hairan memikirkan (wahai Muhammad), akan orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami serta ia berkata: "Demi sesungguhnya aku akan diberikan harta kekayaan dan anak-pinak pada hari akhirat?"***

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang Ke-77 ini nilai pendidikan yang dapat kita ambil ialah janji dan hutang sesama manusia perlu ditunaikan serta dilunaskan di dunia ini bagi mengelakkan kita dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

أَطَّلَعَ الْغَيْبَ أَمِ اتَّخَذَ عِنْدَ الرَّحْمَنِ عَهْدًا ﴿٧٨﴾

Adakah ia telah mengetahui akan perkara yang ghaib, atau adakah ia telah membuat perjanjian dengan (Allah) Ar-Rahman mengenainya?

Seterusnya Allah SWT menjelaskan di dalam ayat 78 ini bahawa perkara angan-angan orang kafir untuk senang lenang di akhirat merupakan pembohongan semata-mata. Alam akhirat termasuk dalam alam ghaib. Tidak ada manusia yang mampu menembusi alam ghaib kecuali diberitakan oleh Allah SWT. Alam ghaib tidak dapat dicerap oleh anggota pancaindera manusia.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh sebab itu orang beriman mesti yakin sepenuhnya dengan berita ghaib yang disampaikan oleh Nabi. Walaupun tidak boleh melihat dengan mata kasar tentang alam barzakh, mahsyar, mizan, titian sirat, neraka dan syurga namun mata hati para mukmin dapat melihat melalui neraca iman.

Sebaliknya orang kufur tidak dapat mengetahui tentang alam ghaib kerana mereka ingkar kepada berita-berita ghaib yang disampaikan oleh Nabi daripada al-Quran. Oleh itu, bagaimanakah mereka boleh mendakwa mereka akan mendapat kedudukan yang istimewa di akhirat. Sungguh keliru pemikiran sebegini. Inilah yang difirmankan oleh Allah SWT ***Adakah dia telah mengetahui akan perkara yang ghaib, atau adakah dia telah membuat perjanjian dengan (Allah) Ar-Rahman mengenainya?***

Nilai Pendidikan:

Pemerhatian kita kepada ayat ke-78 ini membawa kepada nilai pendidikan yang sangat penting iaitu ilmu pengetahuan manusia amat terhad. Tanpa iman ilmu pengetahuan manusia tidak dapat mencakupi perkara-perkara ghaib yang diberitakan oleh Allah di dalam al-Quran.

كَلَّا سَنَكْتُبُ مَا يَقُولُ وَنَمُدُّ لَهُ مِنَ الْعَذَابِ
مَدًّا ﴿٧٩﴾

Tidak sekali-kali! Kami akan menulis apa yang dikatakannya, dan Kami akan tambah baginya dari azab seksa, berganda-ganda

Seterusnya Allah SWT menafikan dengan tegas pembohongan orang kafir terhadap alam akhirat. Ucapan mereka tentang keberuntungan nasib di akhirat langsung tidak berbasas. Mereka tidak dapat mendatangkan bukti bahawa mereka akan diberikan kesenangan dan kemewahan di akhirat.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Pandangan mereka terhadap alam ghaib termasuk alam akhirat sangat sesat. Oleh itu Allah SWT mengatakan bahawa ucapan bohong mereka ini akan direkodkan sebagai bukti yang akhirnya melayakkan mereka diazab oleh Allah SWT. Inilah yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam ayat 79 yang bermaksud ***Tidak sekali-kali! Kami akan menulis apa yang dikatakannya, dan Kami akan tambah baginya dari azab seksa, berganda-ganda***

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat yang ke-79 ini nilai pendidikan yang dapat kita praktikkan dalam kehidupan ialah ucapan yang tidak didasarkan atas ilmu pengetahuan yang benar akan membawa kepada kebinasaan di dunia dan akhirat.

وَنَزَّلْنَاهُ مَا يَكْفُلُ وَيَأْتِينَا فَرَادًا ﴿٨٠﴾

Dan Kami akan warisi (harta benda dan anak-pinak) yang dikatakannya itu, dan ia akan datang kepada kami dengan seorang diri

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Allah SWT kemudian menegaskan lagi di dalam ayat ini bahawa semua kemewahan dan kekayaan mereka tidak kekal. Apabila mereka dimatikan semuanya akan menjadi milik Allah SWT. Hakikatnya kemewahan seseorang itu hanya pinjaman daripada Allah SWT. Oleh sebab itu, apa-apa yang dinyatakan oleh orang kafir bahawa mereka akan memiliki kekayaan dan kekuasaan sehingga ke alam akhirat adalah suatu yang dusta. Buktinya ialah Allah SWT akan mematikan mereka yang akhirnya harta mereka serta anak pinak mereka tidak ikut serta bersama dengan kematian tersebut. Inilah yang Allah SWT maksudkan Dan Kami akan warisi (harta benda dan anak-pinak) yang dikatakannya itu, dan ia akan datang kepada kami dengan seorang diri. Apakah orang-orang kafir tidak melihat bahawa bapa-bapa mereka dahulunya turut meninggalkan harta benda dan anak pinak? Semuanya akhirnya akan menjadi milik Allah SWT.

Setiap manusia akan kembali kepada Allah SWT seorang diri. Maksudnya tiada sesiapa yang dapat membantu kita apabila berhadapan dengan Allah SWT dan tiada harta yang dapat dipertaruhkan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Begitu juga tiada kaum kerabat, anak-pinak dan saudaramara yang dapat mempertahankan kita. Allah SWT turut menjelaskan di dalam surah Abasa ayat 34 hingga 37 yang bermaksud “***Pada hari seseorang itu lari daripada saudaranya, Dari ibunya dan bapanya dari isterinya dan anak-anaknya kerana tiap-tiap seorang daripada mereka pada hari itu ada perkara-perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya sendiri.*** Semua manusia akan datang menghadap Allah SWT bersendirian tanpa harta mahupun rakan taulan seperti mana Ia mula diciptakan.

Allah SWT berfirman dalam surah al-An’am ayat 94 yang bermaksud ***Dan demi sesungguhnya, kamu tetap datang kepada Kami (pada hari kiamat) dengan bersendirian, sebagaimana Kami jadikan kamu pada mulanya; dan kamu tinggalkan di belakang kamu apa yang telah kami kurniakan kepada kamu; dan Kami tidak melihat beserta kamu penolong-penolong yang kamu anggap dan sifatkan bahawa mereka ialah sekutu-sekutu Allah dalam kalangan kamu. Demi sesungguhnya, telah putuslah perhubungan antara kamu (dengan mereka),***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

dan hilang lenyaplah daripada kamu apa yang dahulu kamu anggap dan sifatkan (memberi faedah dan manfaat. Saat itu tiada lagi kekuatan, kebanggaan dan nilai yang berguna ketika menghadap Allah SWT kecuali iman dan amal soleh.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang perlu kita tanamkan dalam diri kita ialah setiap daripada kemewahan dan pangkat kekuasaan yang dimiliki manusia pasti akan musnah dan lebur. Yang kekal di sisi Allah SWT ialah iman dan amal soleh seseorang.

Nasib Penyembah Berhala dan Syaitan di Akhirat (Ayat 81-84)

وَاتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ آيَٰهَةً لِّيَكُونُوا لَهُمْ
عِزًّا ﴿٨١﴾

Dan mereka yang kafir menyembah benda-benda yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, supaya benda-benda yang mereka sembah itu menjadi penolong-penolong yang memberi kemuliaan dan pengaruh kepada mereka

Allah SWT seterusnya mendedahkan kedangkalan orang-orang kafir yang menyembah selain daripada Allah. Mereka berharap agar sembah mereka dapat membantu dan menolong mereka daripada ditimpa bencana. Firman Allah SWT dalam ayat ini yang bermaksud ***Dan mereka yang kafir menyembah benda-benda yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, supaya benda-benda yang mereka sembah itu menjadi penolong-penolong yang memberi kemuliaan dan pengaruh kepada mereka.***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apakah orang kafir tidak sadar bahwa benda-benda yang disembah selain daripada Allah itu akan mati? Makhluk sembahkan mereka tidak boleh bercakap, tidak boleh mendengar serta tidak boleh memberi mudarat kepada mereka sebagaimana yang telah diucapkan oleh Nabi Ibrahim dalam ayat 42 di dalam surah Maryam ini yang bermaksud ***ingatlah ketika dia Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya wahai ayahku! Mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?***

Sembahan selain daripada Allah SWT tidak berguna di dunia. Lebih-lebih lagi untuk jaminan kehidupan di akhirat kelak. Harapan yang disandarkan kepada berhala-berhala selain daripada Allah SWT merupakan harapan yang palsu. Berhala dan sembahkan selain Allah SWT tidak sedikit pun dapat menunaikan hajat yang dipohon oleh penyembahnya. Hal ini dapat direnung oleh akal yang bersih dan jernih serta pertimbangan yang waras. Ironinya yang menyembah itu lebih baik daripada yang disembah. Yang menyembah boleh bersuara dan yang disembah tidak boleh bersuara.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Yang menyembah boleh mendengar dan yang disembah tidak boleh mendengar apa-apa. Yang menyembah hidup manakala yang disembah adalah bahan mati. Maka apakah ini terlalu sukar untuk difahami oleh manusia?

Akan kecewalah orang kafir apabila dibicarakan di hadapan Allah SWT kelak, bahawa sembahhan selain daripada Allah SWT ini tidak sedikit pun dapat membela dan membantu mereka di akhirat.

Nilai Pendidikan:

Oleh itu nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah iman yang benar dan tulus kepada Allah SWT sesuai dengan kewarasan akal. Tiada lain yang berhak disembah melainkan Allah Pencipta alam semesta ini.

كَلَّا سَيَكْفُرُونَ بِعِبَادَتِهِمْ وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا



Tidak sekali-kali! Bahkan benda-benda yang mereka pertuhankan itu mengingkari perbuatan mereka menyembahnya, dan akan menjadi musuh yang membawa kehinaan kepada mereka

Allah SWT menjelaskan bahawa tuhan-tuhan selain daripada Allah SWT akan menafikan hak mereka untuk disembah. Orang kafir akan diperlihatkan bahawa tuhan yang mereka syirikkan dengan Allah SWT itu bukan sahaja lemah malah akan menjadi musuh kepada mereka di akhirat kelak. Hal ini bermaksud Allah SWT mengizinkan sembah selain daripada Allah yang berupa berhala dan lain-lain sembah kelak untuk bercakap sebagai saksi bahawa mereka bukanlah Tuhan.

Ini bermakna tuhan orang kafir itu sendiri tidak reda untuk mereka disembah. Jika begitu bagaimanakah sembah selain pada Allah ini mempunyai sifat ketuhanan? Sepatutnya tuhan yang disembah akan menjadi pembela dan pelindung ketika yang menyembah berada dalam bahaya atau berhajat kepadanya.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ini yang dimaksudkan oleh Allah SWT peristiwa yang pasti berlaku di hadapan orang-orang kafir musyrik dalam ayat 82 ini yang bermaksud ***Tidak sekali-kali! Bahkan benda-benda yang mereka pertuhankan itu mengingkari perbuatan mereka menyembahnya, dan akan menjadi musuh yang membawa kehinaan kepada mereka***

Nilai Pendidikan:

Oleh hal yang demikian nilai pendidikan yang dapat diterapkan di dalam diri kita ialah sifat ketuhanan yang sebenar, iaitu melindungi hamba-Nya dengan kuasa mutlak yang ada padaNya.

أَلَمْ تَرَ أَنَّا أَرْسَلْنَا الشَّيَاطِينَ عَلَى الْكَافِرِينَ تَوَزُّؤُمَ

أَيُّهَا
٨٣

Tidakkah engkau mengetahui (Wahai Muhammad) bahwa Kami telah menghantarkan Syaitan-syaitan kepada orang-orang kafir, untuk menggalakkan mereka mengerjakan perbuatan kufur dan maksiat dengan bersungguh-sungguh?

Amat menghairankan bagaimanakah manusia yang dikurniakan akal tidak dapat berfikir bahawa yang disembah itu mati? Akal mereka telah tertutup daripada kebenaran. Bagaimanakah ini berlaku? Tidak lain tidak bukan ternyata orang-orang kafir ini telah didampingi oleh syaitan. Syaitan telah berjaya menghasut mereka. Syaitan yang diingatkan oleh Allah SWT sebagai musuh kepada anak Adam telah menjadi rakan seperjuangan orang kafir.

Malah syaitan menjadi penasihat kepada manusia untuk lupa kepada perjanjian yang pernah dibuat di alam roh sebagaimana firman Allah SWT dalam surat al-A'raf ayat 172 yang bermaksud

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

dan Ingatlah wahai Muhammad ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam Turun temurun dari tulang belakang mereka dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sambil ia bertanya dengan firman-Nya Bukankah aku Tuhan kamu Mereka semua menjawab benar engkaulah Tuhan kami kami menjadi saksi yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak Sesungguhnya Kami adalah lalai tidak diberi peringatan tentang hakikat Tauhid ini.

Syaitan memang telah berjanji di hadapan Allah SWT sejak daripada ia enggan sujud kepada Nabi Adam untuk bermusuh dengan Adam dan keturunannya. Syaitan berjanji untuk menyesatkan keturunan Nabi Adam. Syaitan akan menggunakan pelbagai helah dan strategi untuk menipu dan menggoda anak-anak Adam.

Hal ini disebutkan oleh Allah SWT di dalam Surah al-Isra ayat 62 yang bermaksud

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“Dia iblis berkata lagi khabarkanlah kepadaku Inilah orangnya yang engkau muliakan mengatasi ku jika engkau beri tempoh kepadaku hingga hari kiamat tentulah aku akan memancing menyesatkan zuriat keturunannya kecuali sedikit di antaranya”. Inilah sumpah syaitan. Allah SWT telah memanjangkan umur syaitan sehingga satu tempoh sebagai satu ujian kepada anak Adam. Ramai yang akan tersesat dan terpengaruh dengan godaan syaitan. Mereka ini akhirnya kufur dan tenggelam dalam maksiat sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat ini ***“Tidakkah engkau mengetahui (Wahai Muhammad) bahawa Kami telah menghantarkan Syaitan-syaitan kepada orang-orang kafir, untuk menggalakkan mereka mengerjakan perbuatan kufur dan maksiat dengan bersungguh-sungguh”***.

Nilai Pendidikan: Antara nilai pendidikan yang dapat aplikasikan di dalam kehidupan kita ialah syaitan merupakan musuh yang selama-lamanya akan mengajak manusia supaya kufur dan melakukan maksiat kepada Allah SWT.

فَلَا تَعْجَلْ عَلَيْهِمْ ^ط إِنَّمَا نَعُدُّ لَهُمْ عَدًّا ^{٨٤}

Oleh itu, janganlah engkau segera marah terhadap mereka yang ingkar itu, kerana sesungguhnya kami hanya menghitung hari yang sedikit sahaja bilangannya untuk mereka

Begitulah reaksi orang kafir yang degil dan terus ingkar menolak untuk beriman kepada Allah dan apa-apa yang diturunkan oleh Allah SWT. Mereka mengeluarkan ucapan-ucapan yang mencabar kekuasaan Allah SWT. Mereka tidak percaya kepada hari kebangkitan. Mereka menganggap bahawa harta benda dan kemuliaan mereka sebagai satu kelebihan yang menunjukkan mereka ialah orang yang benar. Mereka terus digoda dan dibawa oleh syaitan agar menjadi kufur kepada Allah. Maksiat dan mungkar menjadi darah daging kepada orang yang tidak beriman ini. Maka dalam ayat ini Allah SWT memberi kata-kata pujukan kepada Nabi SAW dalam menyampaikan dakwah Islam.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nabi bersungguh-sungguh mengajak umat ini untuk mentauhidkan Allah SWT. Nabi bimbangkan nasib mereka yang tidak mahu beriman ini kelak akan ditimpakan azab yang berat di akhirat kelak. Kadangkala hati Nabi menjadi sempit dan susah apabila dakwahnya ditolak mentah-mentah oleh mereka yang kufur. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT di dalam surah as-Syuara ayat 3 yang bermaksud ***“jangan-jangan pula engkau wahai Muhammad membinasakan dirimu dengan menanggung dukacita kerana mereka tidak menjadi orang-orang yang beriman”***.

Tugas Nabi hanya menyampaikan. Selebihnya hidayah datang daripada Allah SWT. Maka dalam ayat 84 ini Allah SWT memujuk nabi SAW supaya tidak risau dan bimbang serta dukacita dengan perangai dan sikap orang kafir. Azab telah disediakan oleh Allah SWT kepada mereka. Allah turut menjanjikan bahawa tempoh untuk orang kafir diazab kerana menolak tauhid sangat hampir. Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam ayat ini ***“Oleh itu, janganlah engkau segera marah terhadap mereka yang ingkar itu, kerana sesungguhnya kami hanya menghitung hari yang sedikit sahaja bilangannya untuk mereka”***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Sehubungan dengan itu nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah tugas dakwah perlu diteruskan walaupun ditolak oleh manusia. Ini adalah kerana Allah SWT menjanjikan azab yang berat kepada mereka yang menolak ajaran tauhid.

Muttaqin diraikan Pendosa dihina (Ayat 85-87)

يَوْمَ نَحْشُرُ الْمُتَّقِينَ إِلَى الرَّحْمَنِ وَفْدًا ﴿٨٥﴾

(Ingatlah) hari Kami himpunkan orang-orang yang bertaqwa untuk mengadap (Allah) Ar-Rahman, dengan berpasuk-pasukan

Allah SWT memberi khabar gembira kepada orang-orang yang bertaqwa. Mereka akan dilayan oleh Allah SWT sebagai rombongan yang dialu-alukan di akhirat kelak. Mereka dibawa menghadap oleh Allah SWT dalam rombongan yang disebut sebagai berpasuk-pasukan. Semasa di dunia orang-orang yang bertaqwa ini dihina oleh orang kafir. Mereka dipandang rendah kerana kurangnya harta dan kedudukan dalam masyarakat. Mereka tidak dihiraukan di dunia bahkan dakwah yang dibawa untuk mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT ditolak mentah-mentah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Namun begitu nilai iman dan taqwa mereka ini dipandang tinggi oleh Allah SWT. Di akhirat mereka akan mendapat kemuliaan yang selayaknya diiringi oleh para malaikat sebagai rombongan yang diraikan untuk mengadap Tuhan Ar-Rahman. Firman Allah SWT dalam ayat ini yang bermaksud “***(Ingatlah) hari Kami himpulkan orang-orang yang bertaqwa untuk mengadap (Allah) Ar-Rahman, dengan berpasukan***”. Apakah nikmat yang lebih besar dikecapi oleh orang-orang yang beriman lagi bertakwa ini selain daripada kemuliaan di akhirat kelak?

Nilai Pendidikan:

Aplikasi nilai pendidikan yang dapat kita petik daripada ayat ini ialah iman dan taqwa membawa kepada kemuliaan seseorang apabila bertemu dengan Allah SWT di akhirat kelak.

وَنَسُوقُ الْمُجْرِمِينَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وِرْدًا ﴿٨٦﴾

Dan Kami akan menghalau orang-orang yang bersalah ke neraka Jahannam, dalam keadaan dahaga

Kemudian Allah SWT berfirman bagi orang yang berdosa nasib mereka sangat malang. Mereka bukan sahaja tidak dialu-alukan bahkan dihina di khalayak makhluk yang lain. Mereka dihalau seperti binatang ternakan dihalau ke neraka jahanam. Keadaan mereka amat menyedihkan. Perjalanan yang begitu panjang di mahsyar adalah suatu seksaan kepada mereka. Akhirnya destinasi terakhir mereka adalah neraka jahanam. Bayangkan mereka dihalau dalam keadaan dahaga dan dibawa ke satu tempat yang lebih memeritkan iaitu api neraka. Inilah kemuncak kehinaan yang pasti berlaku kepada orang yang disebut sebagai *mujrimin* dalam ayat ini. *Mujrimin* bermaksud orang-orang yang bersalah. Salah mereka yang paling besar ialah kufur dengan Allah SWT. Maka dengan sebab itu Allah nyatakan dalam ayat ini ***“Dan Kami akan menghalau orang-orang yang bersalah ke neraka Jahannam, dalam keadaan dahaga”***.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Nilai pendidikan yang dapat kita perhatikan daripada ayat ini ialah orang yang kufur kepada Allah SWT akan dihalaui di akhirat kelak sebagai pesalah menuju ke tempat penyeksaan iaitu api neraka jahanam.

لَا يَمْلِكُونَ الشَّفَعَةَ إِلَّا مَنِ اتَّخَذَ عِنْدَ الرَّحْمَنِ
عَهْدًا

Mereka tidak berhak mendapat dan memberi syafaat, kecuali orang yang telah mengikat perjanjian (dengan iman dan amal yang soleh) di sisi Allah yang melimpah-limpah rahmatNya!

Allah menegaskan lagi di dalam ayat ini bahawa tiada sesiapa pun dapat memberikan syafaat iaitu pertolongan kepada orang lain di akhirat kelak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“dan pada masa itu sekiranya tiap-tiap seorang yang berlaku zalim kepada dirinya atau kepada orang lain itu mempunyai segala yang ada di bumi tentulah ia rela menebus dirinya dengan semuanya itu dari azab yang akan menimpanya dan mereka tetap akan merasa sesal serta kecewa manakala mereka melihat azab itu dan Allah putuskan hukum di antara mereka dengan adil serta mereka tidak akan dihina dengan keputusan itu”.

Tiada pertolongan atau tebusan yang boleh menggantikan azab Allah di akhirat kelak. Hanya iman dan amal soleh merupakan perjanjian yang teguh antara seorang hamba dengan Allah sahaja yang dapat menyelamatkannya. Oleh sebab itu iman dan amal soleh akan menjadi syafaat kepada orang bertakwa. Mereka akan terselamat daripada azab Allah SWT atas keyakinan dan ketaatan yang pernah dilakukan di muka bumi. Hanya inilah yang dapat menjadi sandaran kepada manusia sebagai penentu kepada untung nasibnya di akhirat kelak. Inilah yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam ayat 87 ini

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

“Mereka tidak berhak mendapat dan memberi syafaat, kecuali orang yang telah mengikat perjanjian (dengan iman dan amal yang soleh) di sisi Allah yang melimpah-limpah rahmatNya”

Nilai Pendidikan:

Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahwa perjanjian atas dasar iman dan amal soleh antara seorang hamba dengan Allah SWT boleh menjadi syafaat atau pembela hamba tersebut di akhirat kelak.

Pendustaan Musyrikin Bahawa Allah Memiliki Anak (Ayat 88-89)

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا

Dan mereka yang kafir berkata: "(Allah) Ar-Rahman, mempunyai anak.

Sesungguhnya manusia yang tidak mengenal Allah SWT mensyirikkan Allah dengan pelbagai perkara. Antaranya ada golongan yang menganggap Allah SWT mempunyai anak. Sebahagian daripada orang Kristian dan Yahudi mengatakan Allah SWT mempunyai anak. Begitu juga musyrikin Mekah mengatakan bahawa malaikat itu adalah anak perempuan Tuhan. Golongan seperti ini keliru dengan sifat sebenar ketuhanan. Mereka cuba menyamakan Tuhan seperti makhluk. Sedangkan makhluk mempunyai pelbagai kelemahan dan kekurangan berbanding dengan Allah SWT Yang Maha Sempurna. Bagaimanakah mereka boleh mendustakan Tuhan Yang Maha Pengasih sehingga meletakkan Allah setaraf dengan makhluk?

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Allah menjelaskan di dalam ayat ini yang bermaksud **“Dan mereka yang kafir berkata: “(Allah) Ar-Rahman, mempunyai anak”**”

Nilai Pendidikan: Nilai pendidikan yang dapat kita ambil daripada ayat ini ialah sifat Allah SWT tidak akan sama sekali bersamaan dengan makhluk kerana Allah itu Maha Sempurna.

لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا إِذَا

Demi sesungguhnya, kamu telah melakukan satu perkara yang besar salahnya!

Perbuatan menyamakan Allah dengan makhluk seperti menganggap Allah SWT mempunyai anak adalah suatu perbuatan yang sangat jelik dan keji. Ia merupakan satu pendustaan yang besar. Ini juga menunjukkan kebodohan mereka yang mengucapkan hal sedemikian rupa.

Langit, Bumi dan Bukit Takutkan Allah SWT (Ayat 90 - 92)

تَكَادُ السَّمَوَاتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنْشَقُّ الْأَرْضُ
وَتَخِرُّ الْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾

Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap

Allah SWT berfirman dalam ayat ini yang bermaksud “Langit nyaris-nyaris pecah disebabkan (anggapan mereka) yang demikian, dan bumi pula nyaris-nyaris terbelah, serta gunung-ganang pun nyaris-nyaris runtuh ranap”. Begitulah dahsyatnya perbuatan menyekutukan Allah SWT dan menganggap Allah mempunyai anak. Tiga makhluk besar yang diciptakan oleh Allah, iaitu langit, bumi dan gunung-ganang semuanya terkesan dengan perbuatan manusia yang menyekutukan Allah SWT. Perbuatan menyatakan Allah mempunyai anak telah hampir memusnahkan langit.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Digambarkan bahawa langit yang megah memayungi bumi digambarkan hampir retak dan pecah. Langit takutkan kemurkaan Allah SWT daripada ucapan jahat manusia yang mencemarkan sifat Allah. Ayat ini juga menunjukkan bahawa langit yang diciptakan oleh Allah SWT sentiasa patuh dan taat kepada perintah-Nya. Sekiranya Allah SWT tidak menahan langit daripada runtuh akibat perbuatan manusia, maka sudah tentu ketenangan alam ini akan terganggu sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah fatir ayat 41 “Sesungguhnya Allah menahan dan memelihara langit dan bumi supaya tidak berganjak dari peraturan dan keadaan yang ditetapkan baginya dan jika keduanya ditakdirkan berganjak maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain dari Allah Sesungguhnya ia Maha penyabar lagi Maha Pengampun”.

Allah juga merujuk kepada keadaan bumi apabila mendengar ucapan jahat manusia yang mengatakan Allah mempunyai anak. Bumi hampir terbelah kerana tidak sanggup melihat dan mendengar manusia yang menganggap Allah mempunyai anak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apabila bumi terbelah di manakah tempat untuk manusia menyelamatkan diri? Oleh sebab sifat kasih sayang Allah SWT maka bumi masih lagi mengikut perintah Allah supaya menahan diri daripada terbelah.

Mereka yang mendustakan Allah SWT ini diberikan penangguhan sementara sama ada untuk bertaubat ataupun akhirnya diazab oleh Allah SWT. Selain daripada langit dan bumi Allah juga merujuk kepada gunung-ganang yang diciptakan sebagai pasak kepada bumi. Allah nyatakan akibat perbuatan manusia yang menyengutukan Allah hampir sahaja gunung-ganang yang kukuh itu lebur dan runtuh. Kesimpulannya Allah SWT mengisyaratkan kepada kita bahawa perbuatan menyengutukan Allah dengan mengatakan Allah itu mempunyai anak merupakan satu kesalahan yang sangat besar sehinggakan tiga makhluk Allah tidak berasa aman dan tenteram dengan perbuatan jahat tersebut. Namun dengan sifat kasih sayang Allah SWT, Dia masih lagi memberi peluang untuk manusia kembali bertaubat kepada-Nya.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah kita membersihkan jiwa daripada menganggap Allah SWT mempunyai anak. Kecacatan iman ini boleh mengakibatkan ketidaktentraman dan mengganggu kestabilan alam semesta ini sehingga langit boleh runtuh, bumi akan terbelah serta gunung-gunung akan hancur lebur kerana perbuatan syirik manusia.

﴿٩١﴾ أَنْ دَعَوْا لِلرَّحْمَنِ وَلَدًا

Kerana mereka mendakwa mengatakan: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak

Kemudian dalam ayat ini Allah SWT berfirman yang bermaksud ketidakstabilan alam ini boleh sahaja berlaku "***Kerana mereka mendakwa mengatakan: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak***". Dakwaan ini penuh dengan pendustaan. Para *Musyrik* seolah-olah tidak sedar dengan kebesaran Tuhan apabila mengucapkan Allah mempunyai anak.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Mereka lupa kepada kasih sayang Allah SWT yang menciptakan mereka dan alam ini dengan sebaik-baiknya. Jika langit, bumi dan gunung-ganang pun takutkan kepada Allah SWT, maka kita manusia sepatutnya lebih takutkan Allah.

Manusia merupakan makhluk yang kerdil berbanding dengan tiga makhluk yang disebutkan sebelum ini. Bagaimanakah manusia yang begitu kecil dan halus ini sanggup untuk menyengutkan Allah SWT. Maka inilah yang menyebabkan langit bumi serta gunung ganang hampir musnah kerana takutkan kepada kemurkaan Allah SWT akibat manusia menganggap Allah al-Rahman itu mempunyai anak.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah ucapan dan anggapan bahawa Allah mempunyai anak merupakan satu kesilapan dan kesalahan besar yang boleh mengakibatkan kemusnahan dan kehancuran alam.

وَمَا يَنْبَغِي لِلرَّحْمَنِ أَنْ يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾

Padahal tidaklah layak bagi (Allah) Ar-Rahman, bahawa ia mempunyai anak

Allah menegaskan di dalam ayat ini yang bermaksud “***padahal tidaklah layak bagi Allah ar-rahman bahawa ia mempunyai anak***”. Maha suci Allah daripada sifat makhluk yang serba kekurangan. Allah menafikan sendiri bahawa sifat mempunyai anak itu tidak layak bagi Ar-Rahman. Allah yang Maha Sempurna tidak memerlukan kepada anak. Tidak seperti manusia yang memerlukan kepada anak untuk meneruskan kesinambungan generasi keturunan mereka. Perbuatan meletakkan Allah setaraf dengan makhluk ialah perbuatan yang hina dan keji kerana Allah merupakan Tuhan yang menciptakan segala-galanya. Allah juga mengatur dan mentadbir seluruh alam. Inilah ucapan yang diulang baca oleh kita di dalam solat dari ayat yang ke dua surah al-Fatihah yang bermaksud ***segala puji tertentu bagi Allah tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian Alam***. Pujian yang mentauhidkan Allah SWT.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan adalah kita wajib berfikir dengan akal yang waras bahawa sifat mempunyai anak merupakan sifat yang tidak layak bagi Allah. Ini kerana ia merupakan ciri kelemahan dan kekurangan yang hanya ada pada makhluk ciptaan Allah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setiap Makhluk Akan Menghadap Allah SWT di Akhirat Bersendirian (Ayat 93 - 95)

إِن كُلُّ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا آتِي
الرَّحْمَنِ عَبْدًا ﴿٩٣﴾

Tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) Ar-Rahman, sebagai hamba

Kemudian Allah SWT menjelaskan lagi bahawa kelak di akhirat semuanya akan datang tunduk menghadap Allah SWT. Firman Allah yang bermaksud “***tidak ada sesiapa pun di langit dan di bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) Ar-Rahman, sebagai hamba***”. Setiap sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT sama ada penghuni langit ataupun bumi semuanya pasti datang kepada Allah sebagai seorang hamba. Maksudnya tidak ada yang akan mengelak ataupun enggan daripada dihadapkan kepada Allah. Semuanya datang dalam keadaan tunduk hina menunggu ketentuan oleh Ar-Rahman Yang Maha Adil.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah kita wajib percaya bahawa setiap sesuatu yang bernyawa akan dibangkitkan lalu kembali kepada Allah SWT. Ini persis seorang hamba yang tunduk hina di hadapan Allah.

لَقَدْ أَحْصَاهُمْ وَعَدَّهُمْ عَدًّا ﴿٩٤﴾

Demi sesungguhnya! Allah telah mengira mereka (dengan pengetahuannya) serta menghitung mereka satu persatu

Sudah tentu apabila Allah SWT menyatakan semua yang di langit dan di bumi akan dihadapkan di hadapan Allah, maka situasi ini meliputi semua yang diciptakan oleh Allah SWT. Manusia, jin, haiwan, malaikat dan segala bentuk makhluk Allah semua sekali akan dibawa menghadap di hadapan Allah. Tiada dalam kalangan makhluk yang tahu jumlah sebenar keseluruhan makhluk.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Manusia sendiri pun tidak dapat memastikan berapakah jumlah sebenar spesies manusia ini yang diciptakan sejak daripada Adam. Begitulah luasnya ilmu Allah SWT, iaitu setiap satu makhluk tidak akan terlepas daripada perhitungannya. Ini yang dimaksudkan oleh Allah SWT **“Demi sesungguhnya! Allah telah mengira mereka (dengan pengetahuanNya) serta menghitung mereka satu persatu”**. Setakat hari ini tidak ada alat statistik yang dapat mengukur secara tepat jumlah makhluk yang Allah ciptakan. Maha suci Tuhan yang begitu luas ilmunya. Setiap satu jiwa semuanya di dalam pengetahuan-Nya.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah kita wajib mengimani bahawa pengetahuan Allah SWT sangat luas dan mendalam. Oleh itu kita wajib percaya bahawa setiap satu jiwa yang dihidupkan semula pada hari kiamat semuanya akan berada dalam ilmu Allah SWT.

﴿٩٥﴾ وَكُلُّهُمْ آتِيهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَرْدًا

Dan mereka masing-masing akan datang mengadap-Nya pada hari kiamat dengan seorang diri

Kemudian Allah jelaskan lagi di dalam ayat ini yang bermaksud ***“Dan mereka masing-masing akan datang mengadap-Nya pada hari kiamat dengan seorang diri”***. Kita semua akan datang sebagai individu yang tidak punya apa-apa untuk menghadap Allah SWT. Tidak ada lagi anak-anak, keluarga, saudara mara dan sahabat handai akan membela kita. Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Syu'ara ayat 100 -101 dengan firman-Nya yang bermaksud ***“Dengan sebab itu tiadalah kami beroleh sesiapaupun yang memberi pertolongan dan tiadalah juga sahabat karib yang bertimbangrasa”***. Nasib masing-masing akan ditanggung oleh diri sendiri. Dalam Surah al-An'am ayat 94 Allah turut menyatakan ***“demi Sesungguhnya kamu tetap datang kepada kami pada hari kiamat dengan bersendirian sebagaimana kami jadikan kamu pada mulanya....”***

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Oleh sebab kita akan datang bertemu dengan Allah SWT sebagai individu yang dipertanggungjawabkan atas segala perbuatan masing-masing, maka bersiap sedia lah dengan bekalan takwa kerana taqwa yang dapat menyelamatkan kita di akhirat kelak.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah kita wajib percaya bahawa setiap jiwa akan datang bersendirian mengadap Allah Yang Maha Perkasa di akhirat kelak. Tujuannya adalah untuk dibuat perhitungan atas segala perbuatan yang dilakukan di dunia.

Kecintaan Para Mukmin dan Kebinasaan Para Pendosa (Ayat 96-98)

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ
لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatnya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang

Dalam ayat ini Allah SWT menerangkan hakikat orang yang beriman dan beramal soleh. Firman Allah yang bermaksud “**Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh.**”. Iman ertinya mempercayai dengan hati membenarkan dengan lidah serta membuktikan dengan amal soleh. Iman itu letaknya di dalam hati para mukmin. Iman sentiasa berkembang dan bertambah melalui amal soleh yang dilakukan. Ini bermaksud amal soleh akan memberi bekas kepada iman seseorang. Oleh itu iman dan amal soleh memang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Iman dan amal soleh itulah yang membentuk peribadi mukmin. Dengan iman dan amal soleh maka peribadi seseorang akan bersih dari luar dan dalam. Apa-apa yang ada di dalam hati itulah yang akan terzhahir dalam kehidupan.

Allah SWT menyatakan orang yang beriman dan beramal soleh ini “***nescaya Allah yang melimpah ruah rahmat-Nya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang***”. Kasih sayang di hujung ayat ini menunjukkan bahawa orang yang beriman dan beramal soleh secara automatik akan tumbuh rasa cinta orang lain terhadap dirinya. Iman itu menimbulkan cahaya dari batin dan apabila cahaya dari batin itu melimpah keluar maka akan memancarkan sinar pada wajah, mata, rambut dan seluruh anggota tubuh badan yang lain. Cahaya ini menimbulkan rasa cinta. Cahaya kecintaan itu bersifat maknawi. Cinta ini sukar dipadamkan kerana diikat dengan akidah yang satu, iaitu iman kepada Allah.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dalam ayat yang lain daripada surah al-Hujurat ayat 29 Allah turut menyatakan ***Nabi Muhammad SAW adalah Rasulullah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang kafir yang memusuhi Islam sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri umat Islam.*** Tautan kasih sayang inilah yang telah terjalin antara orang mukmin. Tautan ini melebihi daripada ikatan tali persaudaraan keturunan sebagaimana yang telah dibuktikan oleh para sahabat Nabi daripada kaum Muhajirin dan Ansar.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah iman dan amal soleh akan membentuk peribadi yang luhur. Dari sinilah titik tolak kepada tercetusnya rasa kecintaan orang lain terhadap orang yang beriman.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَاهُ بِلِسَانِكَ لِتُبَشِّرَ بِهِ الْمُتَّقِينَ
وَتُنذِرَ بِهِ قَوْمًا لُدًّا

Maka sesungguhnya Kami memudahkan turunnya Al-Quran ini dengan bahasamu (wahai Muhammad), ialah supaya engkau memberi khabar gembira dengannya kepada orang-orang yang bertaqwa, dan supaya engkau memberi amaran dengannya kepada kaum yang degil dalam kekufurannya

Allah SWT seterusnya menjelaskan bahawa al-Quran itu dipermudah kepada Nabi SAW. Buktinya Allah SWT telah menurunkan kepada Nabi al-Quran dengan bahasa pertuturan Nabi. Dalam ayat ini ia disebut sebagai dengan lidah engkau. Firman Allah SWT “***Maka sesungguhnya Kami memudahkan turunnya Al-Quran ini dengan lidahmu (bahasamu wahai Muhammad***”. Ini kerana memang dengan lidah sesuatu bahasa itu diucapkan. Orang yang lidahnya kelu pasti bahasanya juga tidak lancar.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Apatah lagi dalam membaca al-Quran, tiap-tiap huruf yang keluar itu mempunyai makhraj dan sifatnya yang bertepatan dengan bahasa bangsa Arab. Allah SWT telah mempermudah bahasa ini kepada Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad SAW ialah seorang yang fasih lidahnya mengucapkan kalimah-kalimah al-Quran sehingga apabila dibacakan al-Quran maka terzhairlah keindahan lafaz-lafaz al-Quran tersebut.

Al-Quran dengan susunan bahasa yang begitu indah ini bertujuan untuk difahami, lalu diserap ke dalam hati orang yang bertakwa. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT yang bermaksud "***ialah supaya engkau memberi khabar gembira dengannya kepada orang-orang yang bertaqwa***". Orang yang bertakwa apabila dibacakan ayat-ayat al-Quran maka gembiralah hati mereka. Perasaan ini tercetus apabila mereka mendapat panduan dan pujian apabila mengerjakan perkara yang baik dan menjauhi perkara yang buruk. Sementara itu bagi orang-orang yang keras kepala, al-Quran ini merupakan ancaman kepada mereka.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Firman Allah dalam ayat ini **dan supaya engkau memberi amaran dengannya kepada kaum yang degil dalam kekufurannya**. Ancaman dan amaran daripada Allah ini diturunkan dalam bahasa mereka supaya mereka insaf. Di akhirat kelak tidak ada lagi alasan bahawa mereka tidak diberikan peringatan di dunia dahulu kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa yang sukar difahami mereka.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan ialah bahasa yang diucapkan memainkan peranan yang penting dalam menggembirakan mahupun menyampaikan mesej kepada orang lain.

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِّن قَرْنٍ هَلْ يُحِيسُ مِنْهُمْ مِّنْ أَحَدٍ
أَوْ تَسْمَعُ لَهُمْ رِكْزًا ﴿٩٨﴾

Dan amatlah banyaknya kaum-kaum kafir yang Kami telah binasakan sebelum mereka; engkau tidak menyadari ataupun mendengar suara yang sayup bagi seorang pun dari orang-orang yang telah dibinasakan itu

Di akhir surah ini Allah SWT mengajak golongan yang masih berdegil serta tidak mahu beriman kepada Allah dan Rasulnya untuk melihat sejarah kemusnahan umat yang terdahulu. Betapa banyak umat dan generasi sebelum daripada kaum kafir Quraisy yang menghalang dan menyekat dakwah para Rasul utusan Allah telah dibinasakan. Puncanya hanya satu iaitu umat yang dibinasakan ini menentang rasul dan tidak mahu percaya kepada risalah yang dibawa oleh Nabi-Nabi mereka.

Mereka juga seperti kaum Quraisy menentang Rasulullah yang menyampaikan seruannya. Firman Allah yang bermaksud "***Dan amatlah banyaknya kaum-kaum kafir yang Kami telah binasakan sebelum mereka***".

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Dalam kata lain sekiranya mereka kaum kafir Quraisy terus menentang Rasulullah SAW mereka juga akan dibinasakan seperti umat terdahulu yang kufur.

Satu demi satu generasi yang kufur ini dibinasakan oleh Allah. Ada yang dimusnahkan seluruh negeri dan tamadunnya dengan letusan gunung berapi. Ada yang didatangkan dengan angin taufan yang memusnahkan mereka. Ada juga yang dimusnahkan dengan pekikan suara malaikat. Ada yang diterbalikkan bumi mereka. Ada yang digoncang dengan gempa. Ada yang ditenggelamkan dalam lautan. Allah membinasakan mereka semua dan menyelamatkan Nabi bersama pengikutnya. Maka Allah bertanya masih adakah lagi saki baki mereka di muka bumi ini? Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah ***“engkau tidak menyedari ataupun mendengar suara yang sayup bagi seorang pun dari orang-orang yang telah dibinasakan itu”***. Tiada lagi kebanggaan dan kemegahan yang dapat didengar daripada suara mereka yang kufur ini melainkan hanya tinggal sebagai sejarah hitam umat yang dimusnahkan.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Penutup surah ini merupakan satu ayat *tasliyah* (kata semangat dan penguat) kepada Nabi dalam menghadapi kesombongan kaum musyrik yang menentang kebenaran. Ia juga merupakan peringatan bagi para pendakwah yang meneruskan perjuangan Nabi-Nabi dan rasul-rasul di dunia ini untuk mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT.

Nilai Pendidikan:

Daripada ayat ini nilai pendidikan yang boleh kita perhatikan adalah sifat sombong dan kufur kepada Allah SWT akan membawa kepada kemusnahan dan kebinasaan. Sejarah kemusnahan telah berlaku kepada umat umat terdahulu yang kufur kepada Allah dan menolak risalah yang disampaikan oleh Nabi mereka.

PENUTUP

Alhamdulillah setiap ayat daripada surah Maryam ini telah dapat telusuri. Seperti yang penulis nyatakan sebelum ini, kupasan ayat ini telah disampaikan secara lisan di dalam program “Menelusuri Surah Maryam” sepanjang bulan Ramadan 1443H yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak. Bagi meluaskan lagi sebaran maksud surah Maryam kepada para pembaca al-Quran, maka perkongsian ilmu tersebut dizahirkan pula dalam bentuk penulisan. Terlalu banyak mesej berbentuk aqidah, syariat dan akhlak yang terkandung dalam surah ini. Kisah Maryam sendiri adalah terlalu istimewa dalam mengangkat martabat seorang wanita solehah. Solehah nya wanita ini digambarkan ketika Maryam mampu menghadapi cabaran dan dugaan dengan penuh reda dan sabar.

Kesemua kisah yang dimuatkan dalam surah Maryam ini bukan sahaja sekadar cerita tetapi juga sarat dengan kebenaran dan nilai-nilai pendidikan kepada para pencinta al-Quran.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Nilai kehambaan seolah-olah menjadi nilai utama apabila Allah memulakan kisah Nabi Zakaria yang tidak putus asa dalam berdoa dan berharap kepada Allah. Begitu juga nilai-nilai seorang anak soleh yang dirakamkan sebagai sifat Nabi Yahya. Sementara itu nilai pendidikan seorang wanita boleh diteladani daripada sifat-sifat kemuliaan yang ditunjukkan oleh Maryam. Nabi Zakaria, Nabi Yahya, Maryam, Nabi Isa, nabi Ibrahim, Nabi Ishak, Nabi Yaakub, Nabi Musa, Nabi Harun, Nabi Ismail, Nabi Idris, Nabi Adam dan Nabi Nuh disebutkan secara khusus di dalam surah ini sebagai contoh teladan kepada kita umat Islam dalam memperhambakan diri kepada Allah.

Akhir kata, berdasarkan pengalaman penulis ketika setiap kali merujuk tafsir serta menghuraikan ayat-ayat dari Kitab Allah, perasaan penulis bertambah yakin akan Kitabullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Setiap kali penulis menelusuri ayat-ayat dalam surah ini penulis bertambah yakin dengan kehebatan dan kebenaran al-Quran.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Setiap kali merenung nilai-nilai pendidikan dalam surah ini dengan menghitung makna dan menyelongkar pengertiannya, maka penulis bertambah kagum dengan kalam Allah yang begitu luas yang tidak mungkin datangnya dari makhluk yang serba lemah. Cukuplah al-Quran menjadi kitab yang dapat membentuk pemikiran dan gaya hidup yang sejahtera kepada semua manusia.

Semoga kita dapat terus membaca dan menelusuri kalam Allah selagi hayat dikandung badan. Mudah-mudahan Allah SWT memberi taufik kepada penulis dan kita semua untuk beramal dengan al-Quran. Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan Inayah-Nya jua, maka penulis dapat menyelesaikan tulisan kerdil ini dan penulis mengharapakan keampunan dari pada Allah SWT atas segala kekurangan, kekhilafan dan kelemahan sepanjang memahami ayat-ayat al-Quran. Sesungguhnya yang baik itu daripada Allah SWT dan segala yang lemah itu daripada diri penulis sendiri.

Rujukan

Al-Khatib, 'Abd al-Karîm. (1975) *al-Qasas al-Qur'ani fi Mantuqihî wa Ma'fhumih*. Beirut: Dâr al-Ma'rifah.

Al-Mubarakfuri, Sofiyyu al-Rahman. (2015) *Al-Rahiq al-Makhtum Sirah Nabawiyyah SAW*. terj. Muhammad Ramzi Omar YADIM

Al-Shabuni, Muhammad 'Ali. (1988). *al-Tibyan fi Ulum al-Quran*, Beirut: Dar alFikr

Al-Sya'rawi, Al-Syeikh Muhamad Mutawalli (2005) *Qasasul Al-Anbiya' wa maaha Siratul Rasul SAW*. Dar Al-Quds

Al-Zamakhsyari, Abi Al-Qasim Mahmud bin Umar (2010) *Al-Kassiyaf an haqaiq al-tanzil wa uyunil al-aqawil fi wujuhi al-takwil*. Maktabah Misr. Cairo

Al-Zuhaily, Syeikh Prof Dr Wahbah. (2007). *Tafsir al-munir*. Intel Multimedia and Publication

Hamka. (2005). *Tafsir Al- Azhar*, Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.

Ibn Kathir, Abi al-Fida' Ismail (1998) *Qasasul al-Anbiya'*. Makkah. Maktabah Al-Tolib alJami'e.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam

Ma'rifat, M. H. (2013). *Kisah-kisah al-Qur'an antara Fakta dan Metafora*, terj. Azam Bahtiar. Jakarta: Citra Griya Aksara Hikmah.

Shihab, M. Quraish, (2003). *Al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Cet. 1. Bandung: Penerbit Mizan.

Tantawi, Syeikh Dr Muhammad Sayyid. (1996) *al-Qissah fî al-Qur'ân al-Karîm*, Vol. 1. Kairo: Dar Nahdah Misr Li Tibyan wa al-Nasyr.

Menelusuri Nilai Pendidikan Dalam Surah Maryam